




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI MELAKA

TAHUN 2009

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009 NEGERI MELAKA



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI MELAKA
TAHUN 2009**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Jabatan Ketua Menteri Melaka Dan Jabatan Kerja Raya Negeri <i>Pengurusan Kenderaan Jabatan</i>	3
Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka, Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar <i>Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar</i>	15
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah <i>Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar</i>	28
Majlis Perbandaran Alor Gajah Dan Majlis Perbandaran Jasin <i>Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan, Penjaja, Pasar Malam Dan Gerai Majlis</i>	45
Majlis Agama Islam Melaka <i>Pengurusan Hartanah</i>	55
BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	69
<i>Melaka International Trade Centre Sdn. Bhd.</i>	69
<i>Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.</i>	81
BAHAGIAN III - PERKARA AM	
Pendahuluan	101
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008	101
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka	113
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	113
PENUTUP	119



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 di Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Melaka. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2009 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti/program di 10 buah Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pengurusan Kenderaan Jabatan di Jabatan Ketua Menteri Melaka dan Jabatan Kerja Raya Negeri; Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar di Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka, Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Alam Sekitar; Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah; Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan, Penjaja, Pasar Malam Dan Gerai Majlis di Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin; serta Pengurusan Hartanah di Majlis Agama Islam Melaka. Selain itu, laporan hasil pengauditan di dua buah Syarikat Kerajaan iaitu Melaka International Trade Centre Sdn. Bhd. dan Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd. turut dilaporkan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada aktiviti/program yang dirancang telah dilaksanakan dengan berkesan mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak ada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti/program yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2009 adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui bagi Pengurusan Kenderaan di Jabatan Ketua Menteri adalah berlakunya pengisian minyak dalam tempoh yang singkat dan pembaziran pembelian Sistem Pengesanan Automatik Kenderaan (AVLS). Secara keseluruhannya, Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir di Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang, Daerah Alor Gajah tidak memuaskan kerana syarikat gagal mematuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Alam Sekitar, mengakibatkan gangguan kestabilan tebing dan rejim sungai serta kualiti air sungai terjejas. Bagi Pengurusan Sisa Pepejal pula ialah kelemahan pengurusan kutipan dan pengurusan tapak pelupusan akibat kurang pemantauan di peringkat Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Sementara Pengurusan Pelesenan Premis

Perniagaan, Penjaja, Pasar Malam Dan Gerai Majlis di Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin adalah memuaskan namun terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki seperti pelaksanaan mewartakan undang-undang kecil, premis yang didirikan tidak disewa, premis beroperasi tanpa lesen dan pelaksanaan tindakan susulan terhadap kompaun yang dikeluarkan. Pengurusan Hartanah di Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) juga didapati tidak memuaskan. Kegagalan projek usaha sama menunjukkan ketidakcekapan pengurusan yang merugikan MAIM, manakala pemantauan tanah wakaf dan baitulmal adalah lemah. Pengauditan terhadap pengurusan Melaka International Trade Centre Sdn. Bhd. (MITC) dan Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd. (PSHM) menunjukkan terdapat kelemahan dalam pengurusan perbelanjaan yang melebihi pendapatan syarikat sehingga menyebabkan masalah aliran tunai yang serius. Walaupun PSHM menunjukkan pendapatan yang meningkat setiap tahun namun tunggakan bil pesakit juga turut meningkat. Sementara pemberian diskau bil pesakit PSHM tidak ditetapkan kadar. Kedua-dua syarikat tidak dapat melunaskan sewa bangunan sehingga tertungggak pada nilai yang tinggi kerana masalah kewangan. MITC dan PSHM membayar bonus ketika syarikat mengalami kerugian serta cadangan bonus perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri masih tidak diambil maklum oleh syarikat.

4. Semua Pegawai Pengawal dan Ketua Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi tindakan susulan yang telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan dalam laporan saya pada tahun 2008 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

5. Di samping memenuhi kehendak perundungan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha menangani krisis ekonomi serta menjadikan perkhidmatan awam satu mekanisme dalam melaksana dan menterjemah segala program dan dasar awam seperti untuk memastikan pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber secara mampan, mengurangkan jurang digital masyarakat luar bandar dengan bandar, memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat, membasmi kemiskinan, menstrukturkan semula masyarakat Malaysia, meningkatkan aktiviti ekonomi negara, pengukuhan institusi kekeluargaan dan menyediakan kemudahan awam yang sempurna. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan "**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**" serta memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~

~~Malaysia~~

Putrajaya

1 Julai 2010



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI

1. Jabatan Ketua Menteri Melaka dan Jabatan Kerja Raya Negeri - *Pengurusan Kenderaan Jabatan*

Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) telah membelanjakan sejumlah RM2.47 juta bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 untuk perolehan 17 buah kenderaan baru. Manakala Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam tempoh yang sama telah membelanjakan sejumlah RM2.29 juta untuk perolehan 20 buah kenderaan baru. Secara keseluruhannya pengurusan kenderaan JKMM adalah tidak memuaskan kerana terdapat kelemahan yang telah mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan Negeri dan pembaziran wang awam. Kelemahan yang perlu diberi perhatian ialah pengurusan kad inden minyak yang tidak dipantau sehingga menyebabkan berlakunya pengisian minyak dalam tempoh yang singkat. Kos penyenggaraan kenderaan yang tinggi melebihi harga perolehan kenderaan antara 143% hingga 281% dalam tempoh lima tahun dari tarikh perolehan. Selain itu berlakunya pembaziran pembelian Sistem Pengesanan Automatik Kenderaan (AVLS) sejumlah RM96,350 yang tidak digunakan. Pengurusan kenderaan di JKR adalah memuaskan kecuali kelewatan tindakan pelupusan bagi membolehkan penggantian kenderaan baru.

2. Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka, Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Alam Sekitar - *Pengurusan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar*

Projek mendalam dan melebar Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang, Daerah Alor Gajah adalah merupakan projek yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penswastaan Negeri Melaka pada bulan April 2008. Projek bernilai RM12.75 juta ini telah diberikan kepada sebuah Syarikat untuk dilaksanakan dalam tempoh dua tahun meliputi kawasan sungai sepanjang 13.35 kilometer dari Pengkalan ke Pulau Sebang. Sebagai balasan Syarikat dibenarkan mengambil pasir yang dikeluarkan selain perlu membina tebing, landskap dan penanda aras sungai. Secara keseluruhannya pengurusan projek ini adalah tidak memuaskan kerana mengakibatkan gangguan kestabilan tebing dan rejim sungai serta menjaskan kualiti air sungai. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah kelewatan penyediaan dokumen perjanjian, ketidakpatuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekitar mengenai syarat pengeluaran pasir oleh Syarikat dan kegagalan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) mengambil tindakan terhadap Syarikat kerana tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pengurusan dokumen perjanjian adalah tidak memuaskan kerana lewat disediakan sehingga Syarikat dibiarkan beroperasi selama lapan bulan tanpa perjanjian. Jabatan yang mewakili Kerajaan tidak dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian manakala spesifikasi projek tidak

disediakan oleh Syarikat yang telah menjelaskan kelancaran projek. Syarat JPS mengenai penyediaan Kajian Hidraulik dan Hidrologi sebelum pasir sungai dikeluarkan juga tidak dipatuhi oleh Syarikat. Pelebaran sungai dan kecerunan tebing sungai telah melebihi keluasan yang ditetapkan oleh JPS.

3. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah - *Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar*

Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah diswastakan kepada Southern Waste Management Sdn. Bhd. (SWM) pada akhir bulan Disember 1998 dengan objektif untuk meningkatkan kecekapan kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal selaras dengan pembangunan yang pesat. Kawasan seluas 25.56 hektar di Mukim Krubong telah diperuntukkan bagi kerja pelupusan sampah di kawasan pentadbiran MBMB. Kontrak pelupusan sisa pepejal MBMB dengan SWM melibatkan kos sejumlah RM68.61 juta bagi tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2007 hingga 2009. Pada keseluruhannya pengurusan sisa pepejal bagi MBMB boleh dipertingkatkan tetapi pengurusan tapak sisa pepejal adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui ialah di peringkat pengurusan kutipan sisa pepejal, pengurusan tapak pelupusan dan penyediaan laporan yang tidak mengikut keperluan Jabatan Alam Sekitar. Jumlah tong sisa pepejal yang dibekalkan tidak menepati bilangan yang ditetapkan. Ketiadaan prosedur dan pemantauan oleh MBMB terhadap tapak pelupusan telah menyebabkan tapak ini tidak disediakan benteng dan longkang bagi menghalang air larutan resap dari keluar ke sungai berhampiran dan tiada proses rawatan air larutan resap dilakukan. *Washing bay* yang disediakan tidak digunakan dengan sebaiknya serta pengambusan tanah yang tidak secara menyeluruh telah menyebabkan pencemaran bau.

4. Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin - *Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan, Penjaja, Pasar Malam Dan Gerai Majlis*

Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) telah meletakkan tanggungjawab pengurusan pelesenan perniagaan, penjaja, pasar malam dan gerai Majlis di bawah pentadbiran Jabatan Pelesenan dan Kesihatan manakala Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) di bawah pentadbiran Jabatan Kawalan Perniagaan Dan Perkhidmatan Bandar. Bagi tahun 2006 hingga 2008 hasil lesen yang dikutip oleh MPAG sejumlah RM3.40 juta manakala MPJ pula RM1.82 juta. Peningkatan hasil lesen bagi MPAG dan MPJ setiap tahun bagi tempoh 2006 hingga 2008 adalah kurang dari 8%. Secara keseluruhannya pengurusan lesen di kedua-dua Majlis adalah memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan lesen ialah pelaksanaan tidak menyeluruh ke atas undang-undang kecil yang diwartakan, premis yang didirikan tidak mempunyai penyewa, premis beroperasi tanpa lesen dan kompaun yang dikeluarkan tidak diambil tindakan susulan. Di MPAG, pelesenan yang telah diwartakan sejak sembilan tahun lalu masih belum dikuatkuasakan lagi kerana tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi menjaga kepentingan orang awam. Sementara perubahan kadar lesen tanpa pewartaan memberi kesan kepada orang awam yang mana telah membayar lesen melebihi kadar yang

boleh dikuatkuasakan. Di MPAG dan MPJ terdapat kes premis perniagaan tanpa penyewa sehingga terbiar kosong dan tidak diselenggarakan dalam tempoh yang lama. Di MPAG terdapat rumah tumpangan tidak berlesen disebabkan tidak mempunyai pelan bangunan yang sah. Rumah tumpangan yang beroperasi tanpa lesen boleh memberi kesan kepada penyewa sekiranya berlaku kemalangan di premis tersebut. Di MPJ, lombong pasir telah beroperasi sebelum pengeluaran lesen kerana tiada koordinasi oleh Pejabat Daerah Dan Tanah yang mengeluarkan permit bahan batuan. Sementara larangan menjual barang haram seperti CD/VCD/DVD cetak rompak tidak dimasukkan dalam syarat pengeluaran lesen bagi tujuan penguatkuasaan.

5. Majlis Agama Islam Melaka – Pengurusan Hartanah Majlis Agama Islam Melaka

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah menetapkan objektif untuk memastikan semua harta wakaf dan baitulmal diletak hak di atas nama MAIM selaras dengan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 77 dan 78 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) Tahun 2002. Pada keseluruhannya pengurusan hartanah MAIM adalah kurang memuaskan kerana telah mengakibatkan kerugian kepada MAIM dan kaedah pengurusan hartanah yang tidak teratur. Kelemahan yang diperhatikan ialah pembangunan tanah oleh MAIM yang dijalankan secara usaha sama, projek pengubahsuaian Kompleks Perniagaan Al-Azim, kaedah pelaksanaan pengurusan hartanah, penyelenggaraan rekod hartanah dan pemantauan hartanah MAIM. Projek pembangunan secara usaha sama dengan Regal Merger Sdn. Bhd (RMSB) telah gagal kerana RMSB telah mengingkari perjanjian dengan tidak membina Kompleks MAIM sehingga tamat tempoh perjanjian pada bulan Jun 2004. Kegagalan penguatkuasaan perjanjian projek usaha sama ini telah mengakibatkan MAIM mendahuluikan wang zakat sejumlah RM13.85 juta untuk pembangunan Kompleks MAIM. Juga berlaku kecuaian oleh pihak MAIM yang mengakibatkan tanah milik MAIM terjual kepada pihak ketiga oleh RMSB walaupun pada ketika itu perjanjian usaha sama telah dibatalkan. Manakala, kos projek pengubahsuaian Pejabat Jabatan Agama Islam Melaka telah ditanggung oleh MAIM melalui pendahuluan dari peruntukan Baitulmal berjumlah RM1.80 juta. Pemantauan yang tidak berkala dan berterusan oleh pihak MAIM telah mengakibatkan berlakunya kelewatan pendaftaran tanah wakaf, pencerobohan tanah baitulmal dan lokasi tanah wakaf tidak dapat dikesan.

BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

6. Melaka International Trade Centre Sdn. Bhd.

Melaka International Trade Centre Sdn. Bhd. (MITC) adalah merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dengan modal berbayar sejumlah RM1 juta dan telah beroperasi mulai tahun 2003. Objektif MITC adalah untuk menyediakan tempat persidangan, konvensyen, tempat perniagaan dan pameran yang terbesar di Melaka. Aktiviti yang telah dijalankan di MITC adalah pameran pengguna, pusat pelancongan antarabangsa, persidangan raja-raja, pameran pelaburan antarabangsa, pusat seminar dan

konvensyen. MITC mengalami kerugian bersih bagi dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2007 dan 2008 manakala tahun 2009 MITC telah memperoleh keuntungan. Pada keseluruhannya, pengurusan MITC adalah kurang memuaskan. Antara kelemahannya ialah ketidakupayaan kewangan MITC dalam membuat pembayaran mengikut jadual sehingga menyebabkan pinjaman, pendahuluan dan sewa tertunggak dengan PKNM. Setakat Januari 2009, MITC hanya mampu menjelaskan hutang sejumlah RM0.17 juta kepada PKNM dan mempunyai baki RM6.99 juta lagi yang perlu dijelaskan. Walaupun MITC dipertanggungjawabkan untuk membuat kerja penyenggaraan kecil ke atas bangunan, namun ia tidak dapat dilaksanakan kerana masalah kewangan yang serius. Sistem kamera litar tertutup tidak berfungsi kerana ia melibatkan kos yang tinggi kepada MITC. Pembayaran bonus dibuat walaupun MITC mengalami kerugian serta tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

7. *Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.*

Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd. (PSHM) dimiliki oleh Kerajaan Negeri Melaka di bawah Perbadanan Ketua Menteri Melaka dengan pegangan saham berjumlah RM18.68 juta (70.5%). Objektif PSHM adalah untuk menawarkan semua jenis rawatan perubatan. PSHM memperoleh keuntungan bersih bagi tahun 2007 dan 2009 tetapi mengalami kerugian bersih pada tahun 2008. Pada keseluruhannya pengurusan aktiviti utama PSHM adalah kurang memuaskan. Antara kelemahannya ialah ketidakupayaan kewangan PSHM dalam membuat pembayaran sewaan bangunan mengikut jadual kepada Tabung Amanah Melaka. Jumlah tunggakan hutang bagi sewaan bangunan, wang pendahuluan dan bayaran penalti kepada Tabung Amanah Melaka sehingga Disember 2009 adalah berjumlah RM29.77 juta. Manakala sejumlah RM7.51 juta bayaran ansuran telah dibayar kepada TAM sehingga 30 Jun 2010. Sementara tunggakan hutang bil pesakit semakin meningkat, sehingga Disember 2009 berjumlah RM14.50 juta. PSHM menuntut bil pesakit yang dilindungi insurans daripada Syarikat Insurans melebihi amaun yang dilindungi. Pemberian diskain ke atas bil pesakit pula tidak ditetapkan kadar. Pengurusan perolehan tidak mengikut proses tender dan sebut harga, bil lewat dijelaskan kepada pembekal dan wujud komisen pemungut hutang diragui. Dividen tidak pernah dicadangkan walaupun PSHM mendapat keuntungan dan pembayaran bonus dibuat untuk tahun 2008 berjumlah RM0.50 juta ketika PSHM mengalami kerugian. Bayaran bonus berjumlah RM0.80 juta bagi tahun 2009 telah dibayar sebelum akhir tahun walaupun penyata kewangan masih belum ditutup.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI

BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menentukan sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah memilih lima aktiviti untuk dikaji iaitu Pengurusan Kenderaan di Jabatan Ketua Menteri Melaka dan Jabatan Kerja Raya, Pengurusan Aktiviti Perlombongan Pasir Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar di Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka, Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Alam Sekitar, Pengurusan Sisa Pepejal di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan, Penjaja, Pasar Malam Dan Gerai Majlis di Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin, Pengurusan Hartanah di Majlis Agama Islam Negeri Melaka. Pemerhatian Audit daripada kajian tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan di bahagian ini.

JABATAN KETUA MENTERI MELAKA DAN JABATAN KERJA RAYA NEGERI

2. PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Kenderaan merupakan aset penting yang wajar diberi keutamaan bagi melancarkan perjalanan aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri. Kenderaan Jabatan bermaksud kenderaan yang berada di bawah kawalan Kerajaan sama ada ianya dibeli/disewa dengan menggunakan wang Kerajaan, diterima melalui sumbangan atau hadiah untuk kegunaan sebagai kenderaan rasmi dan kenderaan Jabatan. Peraturan mengenai pengurusan kenderaan Kerajaan pada masa kini terkandung di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2008.

2.1.2 Setiap Jabatan yang memerlukan kenderaan hendaklah mendapatkan peruntukan Kerajaan Negeri melalui Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri. Pengurusan kenderaan adalah menjadi tanggungjawab setiap Jabatan Negeri. Selain itu, bagi kenderaan

yang telah mengalami kerosakan dan tidak ekonomik untuk dibaiki, pelupusan kenderaan perlu dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri.

2.1.3 Pengurusan kenderaan di Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran Am, manakala di Jabatan Kerja Raya Negeri (JKR) ia diuruskan oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal. Bagi tahun 2006 hingga 2009, JKMM telah membelanjakan sejumlah RM2.47 juta untuk perolehan 17 buah kenderaan, manakala sejumlah RM2.29 juta telah dibelanjakan oleh JKR untuk perolehan 20 buah kenderaan. Pecahan peruntukan yang diluluskan dan dibelanjakan bagi tahun 2006 hingga 2009 bagi JKMM dan JKR masing-masing adalah seperti di **Jadual 2.1** dan **Jadual 2.2**.

Jadual 2.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Perolehan Kenderaan
Jabatan Ketua Menteri Melaka

Tahun	Bilangan Kenderaan Di Beli (Unit)	Peruntukan	
		Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)
2006	7	0.83	0.88
2007	4	0.49	0.47
2008	6	1.29	1.12
2009	-	-	-
Jumlah	17	2.61	2.47

Sumber: Fail Jabatan Ketua Menteri Melaka

Nota:

Bagi tahun 2009, JKMM tidak mendapat peruntukan untuk membeli kenderaan

Jadual 2.2
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Perolehan
Kenderaan Jabatan Kerja Raya

Tahun	Bilangan Kenderaan Di Beli (Unit)	Peruntukan	
		Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)
2006	5	0.40	0.40
2007	2	0.14	0.14
2008	8	1.08	1.08
2009	5	0.68	0.67
Jumlah	20	2.30	2.29

Sumber: Fail Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kenderaan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

2.3 SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi pengurusan kenderaan Jabatan bagi kesemua 51 buah kenderaan di JKMM bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. Sementara di JKR pengauditan hanya tertumpu kepada penggunaan, pengurusan dokumen dan pelupusan kenderaan bagi tempoh 2006 hingga 2009. Kenderaan yang diaudit meliputi jenis *saloon*, pacuan empat roda, *multi purpose vehicle*, *sport utility vehicle*, van, bas dan lori.

Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan dengan perolehan, penyenggaraan dan pelupusan kenderaan. Selain itu temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat dalam pengurusan kenderaan serta pemeriksaan fizikal juga dilakukan terhadap kenderaan berkaitan.

2.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya pengurusan kenderaan JKMM adalah tidak memuaskan kerana terdapat kelemahan yang telah mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan Negeri dan pembaziran wang awam. Bagi tempoh 2006 hingga 2009, JKMM telah membelanjakan sejumlah RM5.12 juta bagi kos penyenggaraan kenderaan. Sampel Audit mendapati kos penyenggaraan kenderaan yang tinggi melebihi harga perolehan kenderaan antara 143% hingga 281% dalam tempoh lima tahun dari tarikh perolehan. Kelemahan yang perlu diberi perhatian ialah pengurusan kad inden minyak tidak dipantau menyebabkan berlakunya pengisian minyak dalam tempoh yang singkat. Selain itu berlakunya pembaziran pembelian Sistem Pengesahan Automatik Kenderaan (AVLS) yang tidak dirancang. Pengurusan kenderaan di JKR pula adalah memuaskan kecuali kelewatan tindakan pelupusan bagi kenderaan yang rosak. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

2.4.1 Pengisian Minyak Bagi Tempoh Yang Singkat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 perenggan 6.2 menjelaskan tentang penggunaan kad inden minyak serta tanggungjawab Jabatan untuk mengesahkan penanya pembelian yang diterima daripada syarikat pembekal minyak sebelum pembayaran dibuat setiap bulan.

Semakan Audit terhadap Penyata Pembelian Minyak Petronas Dagangan Bhd. daripada pembekal kepada JKMM mendapati pengisian minyak menggunakan kad yang sama bagi dua kali pengisian dalam tempoh masa yang singkat. Tempoh pengisian minyak berulang bagi kenderaan yang sama adalah antara 19 saat hingga 45 minit melibatkan kos berjumlah RM1,248. Semakan Audit ke atas resit pembelian dan Buku Log tidak dapat dijalankan kerana resit pembelian dan Buku Log bagi tempoh tahun 2008 hingga Julai 2009 tiada dalam simpanan JKMM. Pembelian minyak dalam tempoh singkat yang tidak dapat disahkan adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Pembelian Minyak Dalam Tempoh Singkat

Bil.	No. Kenderaan	Tarikh Minyak Diisi	Masa	Tempoh	Tempat	Kuantiti Minyak Diisi (Liter)	RM Per Liter	Jumlah (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
1.	MAH 4477	25.01.08	14:47:05	00:02:20	Air Keroh Heights	44.203	1.92	85	160
			14:44:45			39.225		75	
		19.06.08	20:02:40	00:22:37	Bachang	33.332	2.70	90	177
			20:25:17			32.226		87	
2.	MAU 5656	8.07.08	19:50:32	00:03:52	Dd Batcha Ent.	15.535	2.70	42	135
			19:54:24			34.288		93	
		2.12.08	18:26:29	00:22:37	Durian Tunggal	45.503	2.00	91	201
			18:49:06		Putrajaya Ent. Melaka	55.019		110	
3.	MBB 3030	30.05.08	01:53:58	00:04:30	Durian Tunggal	31.252	1.92	60	65
			01:58:28			2.728		5	
4.	MBB 7000	12.06.2008	08:42:07	00:00:53	Durian Tunggal	41.332	2.70	112	212
			08:43:00			37.037		100	
5.	MAP 808	17.06.2008	08:32:49	00:00:19	Durian Tunggal	36.298	2.70	98	198
			08:33:08			37.037		100	
6.	MBL 4343	14.07.2009	13:36:37	00:45:09	Salak Tinggi Sepang	27.778	1.80	50	100
			14:21:46			27.778		50	
Jumlah									1,248

Sumber: Laporan Analisis Kenderaan Jabatan Ketua Menteri Melaka

Transaksi pengisian minyak seperti di **Jadual 2.3** di atas telah disahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kad, Petronas Dagangan Bhd.

JKMM memaklumkan berlakunya kerosakan cip kad inden minyak kenderaan menyebabkan pemandu terpaksa menggunakan kad inden minyak yang lain. Selain itu, pihak pentadbiran JKMM memaklumkan telah menggantikan kad inden minyak yang rosak dengan kadar segera supaya semua kenderaan mempunyai kad minyak yang berasingan.

2.4.2 Penyenggaraan Kenderaan

Penyenggaraan kenderaan bertujuan untuk memastikan kenderaan dapat berfungsi dengan baik, selamat digunakan dan mengurangkan kerosakan. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, JKMM telah membelanjakan sejumlah RM5.12 juta bagi tujuan penyenggaraan kenderaan adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Perbelanjaan Penyenggaraan Kenderaan Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

Bil.	Bahagian	Bil. Kenderaan	Tahun				Jumlah (RM Juta)
			2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	
1.	Pejabat Am Ketua Menteri	8	0.22	0.31	0.19	0.23	0.95
2.	Pentadbiran Am	29	0.25	0.52	0.61	0.66	2.04
3.	Dewan Undangan Negeri	14	0.28	0.58	0.66	0.61	2.13
Jumlah		51	0.75	1.41	1.46	1.50	5.12

Sumber: Fail Penyenggaraan Jabatan Ketua Menteri Melaka

a) Kos Senggaraan Lebih Tinggi Berbanding Perolehan Kenderaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan rekod penyenggaraan kenderaan perlu disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, program penyenggaraan kenderaan perlu dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Analisis Audit terhadap kos penyenggaraan bagi lapan buah kenderaan yang dipilih mendapati kos senggaraan adalah lebih tinggi berbanding kos perolehan kenderaan iaitu di antara 142.9% hingga 280.8%. Kos senggaraan yang tinggi adalah disebabkan kenderaan tersebut mengalami masalah kerosakan enjin dan kotak gear. Kos senggaraan berbanding kos perolehan bagi tempoh 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Kos Senggaraan Berbanding Kos Perolehan Kenderaan Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Tahun Perolehan	Jumlah Perolehan	Tahun (Kos Senggaraan)					Jumlah Senggaraan	Peratus Jumlah Senggaraan Berbanding Perolehan (%)
			2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)		
1.	2005	117,297	-	25,334	72,789	84,523	66,965	249,611	212.8
	MQ 1								
2.	2004	117,476	11,145	62,704	69,253	87,008	99,761	329,871	280.8
	MM 5								
3.	2004	117,026	8,595	16,681	42,608	51,723	63,691	183,298	156.6
	ML 5								
4.	2004	117,026	11,860	47,218	46,272	100,623	67,822	273,795	234.0
	MAL 3								
5.	2004	68,410	3,223	5,702	38,555	78,914	58,628	185,022	270.5
	MBN 111								

Bil.	Tahun Perolehan	Jumlah Perolehan	Tahun (Kos Senggaraan)					Jumlah Senggaraan	Peratus Jumlah Senggaraan Berbanding Perolehan (%)
			2005	2006	2007	2008	2009		
	No. Kenderaan	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(%)
6.	2004	68,410	2,382	7,962	35,527	31,736	20,131	97,738	142.9
	MBC 414								
7.	2004	68,161	12,102	5,228	25,156	47,559	36,744	126,789	186.0
	MAP 808								
8.	2004	68,410	10,071	7,522	16,742	38,201	41,573	114,109	166.8
	MBC 262								
Jumlah		742,216	59,378	178,351	346,902	520,287	455,315	1,560,233	210.2

Sumber: Fail Penyenggaraan Kenderaan Jabatan Ketua Menteri Melaka

JKMM memaklumkan penggunaan kenderaan tersebut pada tahap maksimum melebihi had perjalanan yang disyorkan oleh pengeluar menyebabkan kos penyenggaraan kenderaan tersebut tinggi. Bagaimanapun Kerajaan Negeri telah membuat tawaran kepada syarikat yang berjaya melalui proses tender terbuka untuk menyenggara kenderaan Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyenggaraan di JKMM adalah tidak memuaskan kerana kos penyenggaraan adalah tinggi berbanding kos perolehan.

2.4.3 Pembaziran Perolehan Sistem Pengesahan Automatik Kenderaan (AVLS)

Minit Mesyuarat Taklimat ICT Bil. 1 Tahun 2007 memaklumkan semua kenderaan Jabatan Kerajaan Negeri Melaka hendaklah dipasang dengan perkakasan AVLS seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat EXCO Negeri Melaka. Mesyuarat Rundingan Harga AVLS pada 17 Jun 2008 meluluskan harga kontrak RM0.21 juta termasuk kos penyenggaraan selama setahun. Tujuan sistem ini dipasang adalah bagi mengesan dan memantau pergerakan kenderaan JKMM. Perolehan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pembekalan peralatan dan sistem AVLS serta perkhidmatan GPS adalah seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6
Kos Perolehan Sistem AVLS**

Bil.	Butiran	Jumlah (RM)
1.	Pembelian Peralatan dan Sistem AVLS	96,350
2.	Perkhidmatan dan talian GPS	110,700
Jumlah		207,050

Sumber: Fail Jabatan Ketua Menteri Melaka

Semakan Audit mendapati peralatan AVLS telah dipasang pada 41 buah kenderaan rasmi Kerajaan Negeri Melaka pada akhir tahun 2007 oleh Melaka ICT Holding Sdn. Bhd. (MICHT) seperti di **Foto 2.1**.

Foto 2.1
Gambar Menunjukkan Kereta Yang Dipasang Sistem AVLS



Sumber : Jabatan Audit Negara

Lokasi : Tempat Letak Kereta Basement JKMM

Tarikh : 9 September 2009

Semakan lanjut mendapati JKMM telah menamatkan talian AVLS mulai 24 April 2009 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Sistem AVLS. Keputusan penamatan perkhidmatan AVLS dibuat kerana JKMM tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan sistem yang melibatkan kos penyenggaraan dan caj talian perkhidmatan yang tinggi setiap bulan. Perolehan AVLS adalah satu pembaziran kepada Kerajaan Negeri Melaka kerana penggunaan peralatan AVLS sejumlah RM96,350 tidak dapat diteruskan.

JKMM memaklumkan penamatan perkhidmatan tersebut kerana peralatan tidak berfungsi, selalu rosak dan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, perolehan sistem AVLS tidak memuaskan kerana tiada perancangan teliti terhadap keperluan sebenar sistem ini dan berlakunya pembaziran wang kerana peralatan tidak digunakan lagi selepas setahun ia diperoleh.

2.4.4 Pelupusan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan proses pelupusan dilakukan adalah untuk memastikan Jabatan Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh digunakan atau diperlukan serta menjimatkan ruang simpanan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, pula menetapkan perbelanjaan bagi penggantian kenderaan boleh diperuntukkan apabila sesebuah kenderaan itu telah mengalami kerosakan atau tidak boleh digunakan lagi setelah mendapat laporan daripada Lembaga Pemeriksa.

a) Tindakan Pelupusan Lewat Diambil Oleh JKMM

Perenggan 27.5 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan nilai semasa aset di Perakuan Pelupusan (PEP) Aset Alih Kerajaan hanya sah digunakan untuk tempoh satu tahun sahaja. Sekiranya melebihi tempoh tersebut, Jabatan perlu mendapat pengesahan nilai semasa yang baru di PEP.

Semakan Audit mendapati JKR telah mengeluarkan PEP pada 27 Ogos 2008 bagi dua buah kenderaan iaitu MBB 464 dan MBH 474. Namun demikian JKMM tidak mengambil tindakan segera bagi melupuskan kenderaan tersebut dalam tempoh setahun dari tarikh PEP dikeluarkan. Kelewatan pelupusan kenderaan ini menyebabkan nilai semasa kenderaan berkurangan. Maklumat dua buah kenderaan yang masih belum dilupuskan adalah seperti di **Jadual 2.7**, **Foto 2.2** dan **Foto 2.3**.

Jadual 2.7
Dua Buah Kenderaan Yang Belum Dilupuskan

Bil.	No. Kenderaan	Usia Kenderaan (Tahun)	Tarikh Pembelian	Kos Pembelian (RM)	Tempoh/Kos Penyenggaraan (RM)	Tahun Terakhir Digunakan	Sijil PEP
1.	MBB 464	13	3.8.1995	63,829	1995-2007/ 66,094	2007	27.8.2008
2.	MBH 474	7	28.10.2000	117,297	2000-2006/ 314,835	2006	27.8.2008

Sumber: Fail Jabatan Ketua Menteri Melaka

Foto 2.2
Kenderaan Belum Dilupuskan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tempat Letak Kereta JKMM
Tarikh : 9 September 2009

Foto 2.3
Kenderaan Belum Dilupuskan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tempat Letak Kereta JKMM
Tarikh : 9 September 2009

JKMM memaklumkan tawaran sebut harga pelupusan kenderaan tersebut telah dikeluarkan pada 22 Jun 2010. Hasil dari tawaran tersebut didapati tawaran pembelian kenderaan tidak diterima. Oleh yang demikian, pihak pentadbiran akan membuat laporan kepada Jawatankuasa Sebut Harga untuk tindakan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan tidak memuaskan kerana JKMM hanya mengambil tindakan ke atas kenderaan yang telah mendapat PEP selepas teguran audit.

b) Kenderaan Rosak Belum Dilupuskan di JKR Melaka

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan proses pelupusan dilakukan adalah untuk memastikan Jabatan Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh digunakan atau diperlukan serta menjimatkan ruang simpanan.

Lawatan Audit pada 3 November 2009, mendapati 11 buah kenderaan dan jentera yang telah rosak masih disimpan di kawasan bengkel JKR Mekanikal Negeri seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Kenderaan Rosak Belum Diambil Tindakan Pelupusan

Bil.	Jenis Kenderaan	No. Kenderaan	Usia Kenderaan (Tahun)	Tahun / Kos Pembelian (RM)	Tarikh Akhir Digunakan Mengikut Buku Log
1.	Lori Tipper HINO	MJ 2325	30	1979 / 46,083	14.7.2007
2.	Land Cruiser	MK 8809	29	1980 / 26,856	Mei 2006
3.	Lori HINO	MR 9168	24	1985 / 41,058	30.6.2005
4.	Lori Tangki ISUZU	MS 7158	23	1986 / 32,169	23.2.2008
5.	Lori Tipper TATA	MY 7903	17	1992 / 70,000	11.1.2008
6.	Lori Tipper TATA	MAB 2287	16	1993 / 70,000	24.11.2007
7.	Lori Tipper TATA	MAB 2289	16	1993 / 70,000	16.2.2007
8.	Lori Tipper TATA	MAB 2281	16	1993 / 70,000	16.4.2008
9.	Lori Tipper TATA	MAC 559	15	1994 / 70,000	27.8.2008
10.	Lori Tipper TATA	MAC 552	15	1994 / 70,000	31.8.2006
11.	Lori Tipper TATA	MAC 563	15	1994 / 70,000	28.7.2008

Sumber: Fail Jabatan Kerja Raya Melaka

Kenderaan dan jentera tersebut masih belum diambil tindakan pelupusan kerana JKR mengambil keputusan melupuskan kenderaan tersebut secara berperingkat. Kenderaan rosak yang belum dilupuskan adalah seperti di **Foto 2.4** hingga **Foto 2.8**.

Foto 2.4
Lori Rosak Belum Diambil
Tindakan Pelupusan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kawasan Bengkel JKR Cawangan
Mekanikal Melaka
Tarikh : 3 November 2009

Foto 2.5
Lori Rosak Belum Diambil
Tindakan Pelupusan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kawasan Bengkel JKR Cawangan
Mekanikal Melaka
Tarikh : 3 November 2009

Foto 2.6
Lori Rosak Belum Diambil Tindakan Pelupusan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kawasan Bengkel JKR Cawangan
Mekanikal Melaka
Tarikh : 3 November 2009

Foto 2.7
Land Cruiser Rosak Belum Diambil
Tindakan Pelupusan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kawasan Bengkel JKR Cawangan
Mekanikal Melaka
Tarikh : 3 November 2009

Foto 2.8
Lori Rosak Belum Diambil
Tindakan Pelupusan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kawasan Bengkel JKR Cawangan
Mekanikal Melaka
Tarikh : 3 November 2009

JKR memaklumkan kesemua 11 buah kenderaan dan jentera telah dikeluarkan Perakuan Pelupusan (PEP) dan masih dalam proses kelulusan pelupusan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan kenderaan JKR Melaka adalah memuaskan kerana kenderaan rosak telah diambil tindakan pelupusan.

2.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya tahap pengurusan kenderaan di JKMM adalah tidak memuaskan dan perhatian sewajarnya perlu diberikan terhadap perkara seperti pengurusan pembelian minyak, penyenggaraan kenderaan dan pelupusan kenderaan. Pengurusan kenderaan JKR Negeri pula adalah memuaskan kecuali pelupusan kenderaan lewat diambil tindakan. Bagi memastikan perolehan dan pengurusan kenderaan di masa akan datang dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat adalah disyorkan supaya JKMM dan JKR memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a) JKMM perlu menyemak secara terperinci ke atas resit pembelian, penyata pembelian minyak dan buku log pada setiap bulan sebelum pembayaran minyak diluluskan.
- b) JKMM perlu mengawal perbelanjaan penyenggaraan kenderaan dengan meneliti kos pembaikan yang terlibat dan memilih pusat servis yang menawarkan harga munasabah agar tujuan penjimatan dapat dicapai di samping memastikan penyenggaraan yang perlu sahaja dilakukan.
- c) JKMM hendaklah memastikan semua dokumen berkaitan dengan pengurusan kenderaan seperti buku log, daftar pergerakan kad inden, daftar pergerakan kad Touch N Go dan rekod penyenggaraan kenderaan difailkan dengan lengkap dan kemas kini.

- d) JKMM perlu merancang perolehan bagi mengelakkan pembaziran seperti yang berlaku kepada perolehan sistem AVLS.
- e) Pihak JKMM dan JKR hendaklah memastikan tindakan pelupusan segera diambil terhadap kenderaan yang rosak dan tidak ekonomi untuk dibaiki.

**UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI MELAKA, PEJABAT DAERAH DAN
TANAH ALOR GAJAH, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN,
JABATAN ALAM SEKITAR**

**3. PENGURUSAN AKTIVITI PERLOMBONGAN DAN PENGAMBILAN PASIR DAN
KESANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR**

3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Pasir merupakan salah satu bahan utama dalam industri pembinaan di negara ini di mana sumber bekalan pasir yang paling banyak dan mudah didapati di dasar sungai. Pengeluaran bahan batuan bagi Negeri Melaka adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Belah Bahagi Negeri Melaka yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Melaka dan Pejabat Daerah Dan Tanah mengeluarkan permit pengeluaran bahan batuan (Borang 4C).

3.1.2 Jawatankuasa Penswastaan Negeri Melaka yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Melaka telah meluluskan Projek Mendalam Dan Melebarkan Kawasan Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang, Daerah Alor Gajah pada April 2008. Projek ini dijalankan di bawah projek penswastaan di mana Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN) adalah unit yang bertanggungjawab menguruskannya.

3.1.3 Projek ini telah diluluskan kepada Rafelisia (M) Sdn. Bhd. (Syarikat) dan dokumen perjanjian telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Melaka dan Syarikat pada awal April 2009. Kawasan yang diluluskan adalah di Sungai Batang Tampin sepanjang 13.35 kilometer dari Pengkalan ke Pulau Sebang. Spesifikasi pelebaran dan pendalaman sungai hendaklah mengikut kelulusan Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka (JPS) dan sebagai balasan, Syarikat ini dibenarkan mengambil pasir yang dikeluarkan hasil daripada kerja mendalam dan melebarkan sungai. Syarikat ini juga dikehendaki membina tebing, landskap dan penanda aras sungai mengikut spesifikasi di dalam perjanjian. Syarikat hendaklah menyiapkan keseluruhan projek tersebut dalam tempoh dua tahun dan semua kos projek berjumlah RM12.75 juta adalah ditanggung oleh Syarikat ini. Syarikat juga perlu memohon permit pengeluaran bahan batuan (Borang 4C) dari Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah (PDTAG) dan dikehendaki menjelaskan bayaran royalti mengambil pasir seperti yang telah ditetapkan oleh Kaedah Tanah Melaka 1966. Selain itu, Syarikat perlu mematuhi lain-lain syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Teknikal. Sehingga akhir tahun 2009 jumlah royalti yang diterima oleh PDTAG dari Syarikat berjumlah RM0.45 juta.

3.1.4 Pengurusan aktiviti perlombongan pasir yang baik boleh mengurangkan mendapan pasir di dasar sungai dan mengelakkan kejadian banjir daripada berlaku. Bagaimanapun, kegiatan pengambilan pasir sungai secara tidak terkawal boleh menimbulkan beberapa

masalah kepada alam sekitar seperti hakisan tebing sungai, pencemaran kualiti air sungai, mendapan di bahagian saluran pengambilan air (*water intakes*), gangguan kepada kehidupan akuatik dan kemusnahan flora dan fauna.

3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir memberi kesan terhadap alam sekitar.

3.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada projek penswastaan Mendalam Dan Melebarkan Kawasan Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang, Daerah Alor Gajah, Melaka yang telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009.

Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak kertas cadangan, fail projek, laporan dan sebagainya di UPEN, PDTAG, JPS dan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat dilakukan bagi mendapatkan penjelasan lebih lanjut. Lawatan dibuat ke tapak projek bagi melihat keadaan persekitaran dan menemu bual pekerja syarikat serta penduduk di kawasan berhampiran. Bantuan dan khidmat kepakaran dari JPS dan JAS telah diperoleh bagi menjalankan ujian kualiti air, udara dan ukuran kestabilan tanah serta tebing sungai.

3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhan pelaksanaan Projek Mendalam Dan Melebarkan Kawasan Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang, Alor Gajah adalah tidak memuaskan kerana mengakibatkan gangguan kestabilan tebing dan rejim sungai serta menjelaskan kualiti air sungai. Syarikat Raflesia (M) Sdn. Bhd. sepatutnya menyiapkan projek sepanjang 13.35 kilometer dalam tempoh dua tahun berakhir Ogos 2010 dengan kos RM12.75 juta ditanggung oleh Syarikat ini. Bagaimanapun sehingga Mac 2010, Syarikat ini hanya menyiapkan kerja pembinaan tebing sejauh dua kilometer sahaja. Syarikat ini juga didapati masih belum memulakan kerja landskap dan penanda aras sungai seperti perjanjian. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah aspek pengurusan perjanjian penswastaan, syarat pengeluaran pasir sungai oleh JPS tidak dipatuhi, kelemahan dalam pematuhan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan kelemahan pemantauan oleh Jabatan yang bertanggungjawab. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan ini adalah seperti di perenggan berikut:

3.4.1 Kesan Terhadap Alam Sekitar

Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 telah menetapkan panduan berkaitan alam sekitar yang perlu dipatuhi bagi menjaga kepentingan alam sekitar. JAS telah melaksanakan Program Pemantauan Kualiti Air Sungai di Malaysia sejak dari tahun 1978 bertujuan untuk

meningkatkan tahap kualiti air sungai, mengesan perubahan dan mengenal pasti punca pencemaran. Pengelasan kualiti air sungai adalah berdasarkan Indeks Kualiti Air (IKA). Penemuan Audit berkaitan kesan projek terhadap alam sekitar adalah seperti berikut:

a) Impak Kepada Kualiti Air Sungai

JAS telah menetapkan Indeks Kualiti Air bagi mengukur kualiti air sungai seperti di **Jadual 3.1**. Berdasarkan Klasifikasi Indeks Kualiti Air (IKA) oleh JAS, tahap kualiti air sungai yang boleh dijadikan bekalan air dengan rawatan tambahan adalah kelas III.

Jadual 3.1
Indeks Kualiti Air JAS

Bil.	Parameter	Unit	Kelas				
			I	II	III	IV	V
1.	Ammoniakal Nitrogen <i>Ammoniacal Nitrogen</i>	mg/l	<0.1	0.1-0.3	0.3-0.9	0.9-2.7	>2.7
2.	Keperluan Oksigen Biokimia <i>Biochemical Oxygen Demand</i>	mg/l	<1	1-3	3-6	6-12	>12
3.	Keperluan Oksigen Kimia <i>Chemical Oxygen Demand</i>	mg/l	<10	10-25	25-50	50-100	>100
4.	Oksigen Terlarut <i>Dissolved Oxygen</i>	mg/l	>7	5-7	3-5	1-3	<1
5.	pH	-	>7.0	6-7	5-6	<5.0	>5.0
6.	Pepejal Terampai <i>Total Suspended Solids</i>	mg/l	<25	25-50	50-150	150-300	>300
Indeks Kualiti Air (IKA)			<92.7	76.5-92.7	51.9-76.5	31.0-51.9	<31.0

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Pada 21 Oktober 2009, JAS telah menjalankan ujian kualiti air di dua lokasi iaitu di hulu sungai (*upstream*) dan di hilir sungai (*downstream*) Sungai Batang Tampin seperti di **Foto 3.1** dan **Foto 3.2** di mana kerja-kerja pengorekan pasir sedang dijalankan di bahagian tengah iaitu di Kg. Tanjung Rimau Dalam.

Foto 3.1
Hulu Sungai Di Masjid Pulau Sebang



Sumber : Jabatan Audit Negara

Lokasi : Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang
Tarikh : 21 Oktober 2009

Foto 3.2
Hilir Sungai Di Kunci Air Padang Sebang



Sumber : Jabatan Audit Negara

Lokasi : Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang
Tarikh : 21 Oktober 2009

Berdasarkan keputusan ujian kualiti air oleh JAS, didapati bacaan bagi pelepasan pepejal terampai adalah tinggi di bahagian hilir sungai (Kunci Air Padang Sebang).

Pelepasan berlebihan akan menyebabkan sungai menjadi keruh dan tercemar. Keputusan ujian kualiti air di dua lokasi tersebut adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Keputusan Ujian Kualiti Air Di Dua
Lokasi Sg. Batang Tampin Pada 21 Oktober 2009

Bil.	Parameter (unit)	Keputusan Ujian in-situ	
		Hulu Sungai (Masjid Pulau Sebang)	Hilir Sungai (Kunci Air Padang Sebang)
1.	Ammoniakal Nitrogen <i>Ammoniacal Nitrogen</i>	1.80	1.00
2.	Keperluan Oksigen Biokimia <i>Biochemical Oxygen Demand</i>	4	7
3.	Keperluan Oksigen Kimia <i>Chemical Oxygen Demand</i>	24	42
4.	Oksigen Terlarut <i>Dissolved Oxygen</i>	6.25	5.48
5.	pH	6.4	6.9
6.	Pepejal Terampai <i>Total Suspended Solids</i>	42	988

Sumber: Jabatan Alam Sekitar


UPEN menjelaskan bahawa pihaknya sentiasa mengingatkan Syarikat supaya mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Teknikal dan JAS boleh mengambil tindakan kepada Syarikat sekiranya didapati gagal mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang berkaitan. JAS memaklumkan projek ini juga adalah penyumbang kepada kemerosotan kualiti air di Sungai Batang Tampin.

Pada pendapat Audit, berdasarkan ujian kualiti air yang telah dijalankan oleh JAS didapati kerja mengorek pasir telah menyumbang kepada kemerosotan kualiti air sungai.

b) Impak Kepada Rejim Sungai

Tebing sungai hendaklah dikawal mengikut standard yang ditetapkan dalam perjanjian di mana nisbah kecerunan tebing sungai adalah 1:3 (tinggi : lebar). Lukisan Keratan Rentas Sungai yang dinyatakan di dalam dokumen perjanjian seperti di **Pelan 3.1**.

Pelan 3.1
Lukisan Keratan Rentas Sungai Di Dokumen Perjanjian



Sumber: Dokumen Perjanjian Projek

Lawatan Audit pada 18 Januari 2010 bersama jurutera JPS telah mengukur nisbah kecerunan tebing di kawasan selepas kerja pembaikan oleh Syarikat dan didapati nisbah kecerunan tebing adalah melebihi 1:3 seperti di **Foto 3.3**.

Foto 3.3
Nisbah Kecerunan Tebing Selepas Kerja Pembaikan 1:1.3



Sumber : Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi : Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang
Tarikh : 18 Januari 2010

UPEN menjelaskan bahawa pihaknya telah memaklumkan kepada Syarikat supaya mematuhi kriteria ditetapkan dalam pelan yang diluluskan oleh JPS.

Pada pendapat Audit, Syarikat tidak mematuhi nisbah kecerunan tebing sungai dan ini memberi kesan kepada kestabilan tebing dan rejim sungai.


c) Aktiviti Pengambilan Pasir Memberi Kesan Kepada Tebing Sungai

JPS telah memaklumkan kepada Syarikat ini pada 25 Ogos 2008 akan keperluan kajian hidraulik dan hidrologi sungai untuk menentukan ukuran dan kedalaman sungai yang dikorek serta menentukan kadar mendapan pasir. Garis panduan JPS menetapkan bahawa pasir tidak boleh diambil dalam lingkungan 100 meter dari sebarang struktur hidraulik. Pasir juga tidak boleh diambil di mana hakisan terjadi atau dijangka berlaku umpamanya di liku tebing yang cekung (*concave bank*).

Semakan Audit mendapati Syarikat ini tidak menyediakan dan menyerahkan kajian hidraulik dan hidrologi tersebut kepada JPS. Akibatnya kawasan pengambilan pasir tidak dapat ditentukan dengan tepat bagi mengelakkan kerosakan kepada struktur hidraulik berdekatan. Semakan lanjut ke atas laporan pemantauan JPS mendapati Syarikat ini telah melaksanakan kerja pengambilan pasir di kawasan tebing sungai yang cekung dan dalam jarak 150 meter daripada struktur hidraulik iaitu landasan jambatan keretapi milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). JPS telah melaporkan kesan hakisan yang teruk walaupun kerja pengambilan pasir dilakukan di luar dari lingkungan 100 meter dari jambatan kerana Syarikat ini tidak menjalankan kajian hidraulik dan hidrologi. Kesan kerosakan tebing yang dilaporkan oleh KTMB dan JPS adalah seperti di **Foto 3.4** dan **Foto 3.5**.

Foto 3.4

Keadaan Tembok Jambatan Landasan Keretapi Yang Terhakis



Sumber : Keretapi Tanah Melayu Berhad
Lokasi : Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang
Tarikh : 10 November 2008

Foto 3.5

Aktiviti Pengambilan Pasir Di Kawasan Tebing Sungai Yang Cekung



Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran
Lokasi : Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang
Tarikh : 21 Januari 2009

UPEN memaklumkan telah mengeluarkan surat meminta Syarikat membuat kajian hidraulik dan hidrologi pada 31 Disember 2009, manakala Syarikat memaklumkan ia sedang berunding dengan JPS berhubung penyediaan kajian berkenaan kerana ia melibatkan kos yang besar.

Pada pendapat Audit, Syarikat ini tidak mematuhi syarat JPS supaya menyediakan kajian hidraulik dan hidrologi. Kerja-kerja pengambilan pasir berhampiran struktur hidraulik landasan jambatan keretapi telah mengakibatkan kesan hakisan yang serius.

d) Pelebaran Sungai Melebihi Kelebaran Dibenarkan JPS

Surat JPS pada 5 Februari 2009 memaklumkan bahawa kelebaran sungai yang dibenarkan ialah 20 meter sahaja dan bakinya 10 meter rizab kiri dan kanan tebing sungai untuk kerja penyenggaraan.

Lawatan Audit pada 5 November 2009 mendapati sungai telah dilebarkan melebihi ukuran yang dicadangkan. Lokasi kawasan sungai yang diukur kelebarannya adalah seperti di **Peta 3.1**.



Hasil daripada pengukuran yang dijalankan mendapati lokasi B dan C telah dilebarkan melebihi ketetapan JPS iaitu kelebaran sungai 20 meter. Bacaan pengukuran yang dijalankan oleh pegawai JPS di empat lokasi di sepanjang sungai adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Bacaan Lebar Sungai Batang Tampin

Lokasi	Nama Lokasi	Ukuran Kelebaran Sungai (Bahagian Atas)		
		Dibenarkan (Meter)	Sebenar (Meter)	Pertambahan (Meter)
A	Landasan Keretapi	20	19	-
B	150 meter dari Landasan Kereta api	20	35	15
C	100 meter dari Jambatan Masjid Pulau Sebang	20	26	6
D	Jambatan Masjid Pulau Sebang	20	14	-

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

UPEN dalam maklum balasnya telah mengarahkan Syarikat melaksanakan kerja-kerja pelebaran sungai mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh JPS dan memperbaiki tebing sungai yang dipotong secara menegak serta mematuhi cadangan yang dikemukakan dalam pelan konsep. Manakala Syarikat memaklumkan akan mematuhi arahan tersebut dan memperbaiki tebing sungai.

Pada pendapat Audit, kerja-kerja melebarkan sungai adalah melebihi keluasan yang dibenarkan oleh JPS. Pelebaran sungai ini telah menyebabkan kawasan rizab tebing sungai yang dikhatusukan untuk penyenggaraan sungai menjadi lebih sempit.

e) Kolam Takungan Tidak Diselenggarakan

Garis panduan mengeluarkan pasir oleh JPS mengehendaki Pengusaha menyediakan tiga kolam mendapan bagi memastikan air cucian pasir yang keluar ke sungai dikawal dengan baik. JAS melalui suratnya bertarikh 29 Jun 2009 menyatakan Syarikat perlu memastikan kolam perangkap mendapan adalah mencukupi sebagai langkah kawalan bagi memastikan air sungai tidak tercemar. Syarikat juga perlu mengemukakan laporan pengawasan kualiti air sungai di hulu dan hilir tapak projek setiap bulan kepada JAS semasa kerja-kerja mengorek dan mendalamkan sungai dijalankan.

- i) Lawatan Audit pada 21 Oktober 2009 bersama pegawai JAS di Kg. Gadek mendapati Syarikat telah menyediakan tiga kolam takungan mendapan untuk mengalirkan air cucian pasir. Bagaimanapun kolam tersebut tidak diselenggarakan dengan baik dan menyebabkan air yang keluar dari kolam takungan ke sungai masih tidak terawat sepenuhnya. Salur air yang mengalirkan air dari kolam takungan dan keadaan air yang mengalir ke sungai adalah seperti di **Foto 3.6**.



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Sungai Batang Tampin, Kg. Gadek
Tarikh : 21 Oktober 2009

Lawatan susulan pasukan Audit pada 5 November 2009 di Kg. Gadek mendapati Syarikat tidak menjalankan kerja penyenggaraan kolam takungan menyebabkan kolam dipenuhi dengan kelodak dan lumpur seperti di **Foto 3.7** dan **Foto 3.8**.

Foto 3.7
Kedaan Kolam Takungan Semasa Kerja Cucian Pasir Dijalankan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kolam Takungan Ke-2, Kg.Gadek
Tarikh : 21 Oktober 2009

Foto 3.8
Kolam Takungan Dipenuhi Kelodak Dan Lumpur



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kolam Takungan Ke-2, Kg.Gadek
Tarikh : 5 November 2009

Semakan Audit di JAS mendapati Syarikat ini tidak mengemukakan laporan pengawasan kualiti air Sungai Melaka di hulu dan hilir tapak projek setiap bulan kepada JAS seperti yang disyaratkan.

- ii) Lawatan Audit pada 10 Disember 2009 di kawasan mencuci pasir di Kg. Tanjung Rimau Dalam mendapati Syarikat ini telah membuat penambahbaikan kolam takungan dengan menyediakan sistem penapisan daripada batu granit di kolam ketiga sebelum air di alirkan semula ke sungai seperti di **Foto 3.9**.

Foto 3.9
Sistem Penapis Daripada Batu Granit



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Sungai Batang Tampin, Kg. Tg. Rimau Dalam
Tarikh : 10 Disember 2009

Bagaimanapun Pihak Audit mendapati sistem penapisan ini masih tidak berkesan kerana kolam takungan tidak menepati standard yang ditetapkan oleh JPS. Kolam takungan yang tidak disenggarakan dengan baik telah menyebabkan air yang keluar ke sungai masih keruh seperti di **Foto 3.10**.

Foto 3.10
Air Kolam Yang Keruh Keluar Ke Sungai



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Sungai Batang Tampin, Kg. Tg. Rimau Dalam
Tarikh : 25 Januari 2010

UPEN menjelaskan bahawa Syarikat telah dimaklumkan tentang syarat tersebut dan PDTAG boleh membatalkan permit jika Syarikat ini tidak mematuhi syarat tersebut. JPS pula memaklumkan kolam takungan telah disediakan tetapi tidak mempunyai sistem penapisan yang sempurna. Manakala JAS pula telah mengeluarkan surat kepada Syarikat supaya mempertingkatkan keupayaan kolam takungan serta mengemukakan laporan pengawasan kualiti air sungai di hulu dan hilir tapak setiap bulan.

Pada pendapat Audit pengurusan kolam takungan oleh Syarikat ini tidak mematuhi ciri ditetapkan oleh JPS dan JAS.

3.4.2 Perjanjian Penswastaan

Perjanjian adalah dokumen penting yang perlu disediakan bagi memastikan kepentingan Kerajaan diambil kira dengan sebaik-baiknya dan semua syarat dipatuhi oleh Syarikat.

a) Dokumen Perjanjian Lewat Ditandatangani

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Dokumen perjanjian perlu ditandatangani oleh pihak Kerajaan Negeri dan Syarikat yang berjaya sebelum sesuatu projek dilaksanakan demi menjaga kepentingan Kerajaan.

Semakan Audit mendapati Surat Setuju Terima telah dihantar oleh UPEN kepada Syarikat pada 24 April 2008 dan dokumen perjanjian telah ditandatangani oleh wakil Kerajaan Negeri dan Syarikat pada 1 April 2009 iaitu 11 bulan selepas tarikh Surat

Setuju Terima. Syarikat telah memperoleh permit mengeluarkan bahan batuan (Borang 4C) daripada PDTAG pada 1 Ogos 2008. PDTAG telah mengeluarkan surat bertarikh 15 Oktober 2008 meminta Syarikat menyediakan pelan dan spesifikasi projek dengan kadar segera. Syarikat ini didapati telah menghantar pelan tanpa spesifikasi pada awal April 2009.

Semakan selanjutnya mendapati Syarikat ini telah beroperasi tanpa perjanjian selama lapan bulan dari bulan Ogos 2008 hingga Mac 2009. Oleh yang demikian semua obligasi Syarikat tidak dapat dikuatkuasakan dalam tempoh tersebut. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Tempoh Kelewatan Menandatangani Perjanjian

Bil.	Keterangan	Tarikh
1.	Surat kelulusan permohonan syarikat untuk mendalam dan melebarkan Sungai Batang Tampin dikeluarkan oleh UPEN.	11.4.2008
2.	Surat setuju terima oleh Syarikat.	24.4.2008
3.	Surat makluman kelulusan permit oleh PDTAG.	24.7.2008
4.	Permit Mengambil Bahan Batu (Borang 4C) dikeluarkan kepada Syarikat (Perjanjian menetapkan Syarikat perlu memulakan projek dalam tempoh sebulan daripada tempoh permit ini yang dikira sebagai tarikh "Commencement Date").	1.8.2008
5.	Dokumen perjanjian ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dan Syarikat.	1.4.2009

Sumber: Fail Projek Dan Dokumen Perjanjian UPEN

UPEN memaklumkan dokumen perjanjian hanya ditandatangani selepas pelan diluluskan oleh JPS.

Pada pendapat Audit, pengurusan dokumen perjanjian adalah tidak memuaskan kerana Syarikat dibiarkan beroperasi selama lapan bulan tanpa perjanjian.

b) Jabatan Mewakili Kerajaan Negeri Tidak Dinyatakan

Menurut Perkara A perjanjian projek "*The State Government is the registered owner of the Said Land and on 11th April, 2008 the State Government has approved the application of the Company to undertake the Project*".

Semakan Audit mendapati perjanjian ini tidak menyatakan Jabatan yang mewakili Kerajaan Negeri Melaka dan tidak mempunyai definisi kepada terma rujukan. Ini mengakibatkan projek yang telah dan sedang dijalankan tidak dipertanggungjawabkan secara khusus kepada mana-mana Jabatan.

Melalui maklum balas yang diterima, UPEN adalah bertanggungjawab bagi memantau pelaksanaan projek ini, manakala Jabatan Teknikal lain adalah bertanggungjawab mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan berkaitan seperti Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah (Kanun Tanah Negara dan Kaedah Tanah Melaka) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (rizab sungai).

Pada pendapat Audit, dokumen perjanjian tidak menyatakan dengan jelas Jabatan yang mewakili Kerajaan Negeri Melaka.

c) Spesifikasi Tidak Dikemukakan Oleh Syarikat

Menurut Fasal 1.1(b) perjanjian projek, “*The State Government agrees that the Company shall at its own costs and expense complete the Project in accordance with the plans and specification to widen and deepen the said Area as approved by Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Melaka (JPS) which plans include a ban and the landscaping work and to erect the flow direction indicator as approved by the JPS in the Said Area*”.

Semakan Audit mendapati spesifikasi untuk melebar dan mendalamkan sungai tidak disediakan oleh Syarikat. Ini menyebabkan kerja yang dilakukan oleh Syarikat sepanjang sungai tidak mengikut spesifikasi yang sepatutnya diluluskan terlebih dahulu oleh JPS.

UPEN memaklumkan pelan projek telah dikemukakan oleh Syarikat dan telah diluluskan oleh JPS manakala JPS memaklumkan bahawa pelan tersebut tidak menggambarkan secara terperinci spesifikasi dan skop projek. Syarikat memaklumkan juru perunding yang dilantik sedang dalam proses menyediakan spesifikasi terperinci projek.

Pada pendapat Audit, pihak UPEN tidak memantau penyediaan dokumen perjanjian bagi memastikan spesifikasi disediakan oleh Syarikat dan diluluskan terlebih dahulu oleh JPS sebelum perjanjian ditandatangani.

3.4.3 Pemantauan Dan Penguatkuasaan Alam Sekitar Berhubung Aktiviti Pengambilan Pasir

Mesuarat Teknikal Projek Mendalamkan Dan Melebarkan Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang, Daerah Alor Gajah yang dipengerusikan oleh UPEN meminta supaya Jabatan Teknikal yang terlibat dengan projek tersebut memainkan peranan proaktif bagi memastikan projek tersebut dilaksanakan secara teratur dan mengikut garis panduan serta kaedah yang telah ditetapkan.

Semakan Audit mendapati JPS telah memaklumkan kepada UPEN mengenai kegagalan Syarikat mematuhi syarat-syarat pengeluaran pasir sungai. Adalah didapati sehingga Mac 2010 Syarikat masih gagal menyerahkan spesifikasi projek dan kajian hidraulik serta hidrologi kepada JPS.

Sementara JAS telah melaksanakan kawalan berkala setiap dua bulan sekali bagi memantau kualiti air di sepanjang Sungai Melaka. JAS mendapati langkah kawalan pencemaran yang dilaksanakan oleh pihak Syarikat adalah tidak memuaskan dan tidak berkesan sehingga menyebabkan kualiti air Sungai Melaka merosot.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang telah dijalankan oleh JPS dan JAS terhadap projek adalah baik. Namun demikian tiada tindakan diambil oleh UPEN terhadap Syarikat yang gagal mematuhi ketetapan JPS dan JAS.

3.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan Projek Mendalam Dan Melebarkan Kawasan Sungai Batang Tampin, Mukim Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka dilaksanakan dengan tidak memuaskan. Projek ini juga didapati memberi impak negatif kepada alam sekitar. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya UPEN memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a)** Memastikan syarat pengeluaran pasir sungai oleh JPS dan syarat pengawalan kualiti air sungai oleh JAS dipatuhi sepenuhnya oleh Syarikat.
- b)** Kesan jangka panjang projek perlu diberi perhatian oleh pihak UPEN dan Jabatan Teknikal supaya projek tidak memberi impak negatif kepada alam sekitar.
- c)** Memastikan ketepatan kandungan perjanjian dan dokumen sokongan hendaklah disediakan dan diluluskan sebelum perjanjian ditandatangani bagi menjamin kepentingan Kerajaan Negeri.
- d)** Memastikan pemantauan projek dijalankan mengikut ketetapan dokumen perjanjian.
- e)** Tindakan sewajarnya perlu diambil segera sekiranya Syarikat gagal mematuhi perjanjian.

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

4. PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memilih Konsortium Consec Gali untuk melaksanakan penswastaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di kawasan selatan Semenanjung Malaysia. Pihak Konsortium ini seterusnya telah menubuhkan sebuah syarikat iaitu Southern Waste Management Environment Sdn. Bhd. (SWM). Tujuan penswastaan ini adalah untuk meningkatkan kecekapan kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal selaras dengan pembangunan yang pesat. Satu perjanjian konsesi telah ditandatangani antara Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dengan SWM pada akhir Disember 1998.

4.1.2 Sisa pepejal adalah bahan buangan hasil daripada aktiviti sosioekonomi atau bahan yang tidak lagi dikehendaki atau lebihan setelah penyiapan sesuatu proses. Sisa pepejal terdiri daripada sisa buangan domestik, sisa buangan pembinaan, sampah kebun dan sampah pukal.

4.1.3 Secara amnya penjanaan sisa pepejal sedang dan akan terus meningkat di negara ini akibat pertumbuhan sosioekonomi dan secara khusus adalah disebabkan oleh beberapa aspek iaitu perkembangan perdagangan, pertambahan penduduk tempatan dan pendatang, pertumbuhan pembangunan (bangunan dan premis) dan kebudayaan serta amalan.

4.1.4 SWM menguruskan tapak pelupusan sisa pepejal di Mukim Krubong yang berkeluasan 25.56 hektar. MBMB telah membelanjakan sejumlah RM22.50 juta, RM22.31 juta dan RM23.80 juta masing-masing bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 untuk pengurusan sisa pepejal. Sehingga 31 Disember 2009 MBMB telah menjelaskan semua bayaran tertunggak kepada SWM.

4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan sisa pepejal dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan dengan mengambil kira kesan terhadap alam sekitar.

4.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pengurusan sisa pepejal bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 di bawah penyeliaan Jabatan Pengindahan Bandar, MBMB.

Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak dan mengkaji maklumat berdasarkan data, rekod, fail dan dokumen berhubung dengan pelaksanaan pengurusan sisa pepejal. Borang Soal Selidik telah diedarkan kepada responden yang telah dikenal pasti untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan mengenai isu yang berkaitan. Lawatan fizikal dibuat ke kawasan perumahan, pasar dan premis perniagaan, tapak pelupusan haram dan tapak pelupusan sisa pepejal. Khidmat kepakaran daripada Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kimia telah juga diperolehi.

4.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya pengurusan sisa pepejal bagi MBMB adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah di peringkat pengurusan kutipan sisa pepejal, pengurusan tapak pelupusan dan penyediaan laporan tidak mengikut keperluan Jabatan Alam Sekitar. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

4.4.1 Pengurusan Kutipan Sisa Pepejal

Perjanjian asal dan perjanjian tambahan di antara MBMB dan SWM menetapkan jadual kutipan, lokasi, penukaran tong-tong sisa pepejal dan kutipan sisa pepejal. Lawatan Audit ke 20 daripada 52 lokasi yang terdapat di dalam senarai perjanjian tambahan di antara MBMB dan SWM mendapati:

a) Penyediaan Tong Sisa Pepejal Tidak Mengikut Jadual Perjanjian

Semakan Audit pada 5 September 2009 mendapati empat lokasi yang ditempatkan *Rel Bin* telah ditukar kepada Tong Sampah Beroda. Kuantiti *Rel Bin* yang disediakan tidak mematuhi jadual seperti yang tercatat dalam perjanjian tambahan. Pihak MBMB juga tidak membuat potongan bayaran bulanan ke atas SWM untuk *Rel Bin* yang tidak dibekalkan dan yang ditukar. Berdasarkan sampel Audit, pihak MBMB dianggarkan kerugian sejumlah RM137,520 dalam tempoh tiga tahun dari tahun 2007 hingga 2009 kerana tuntutan yang dibuat oleh pihak SWM Sdn. Bhd. adalah berdasarkan jadual perjanjian seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Penyediaan Tong Sisa Pepejal Tidak Mengikut Jadual Perjanjian
Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Lokasi	Jadual Perjanjian		Penemuan		Kerugian Sebulan	Anggaran Kerugian 3 tahun
		Rel Bin	(RM)	Rel Bin / TSB	(RM)		
		(a)	(b)	(c)=(a)-(b)	(d)=(c)x36		
1.	Hadapan Kampungku Sayang	1	300	3 TSB	210	90	3,240
2.	Kampungku Sayang	1	300	3 TSB	210	90	3,240
3.	Jalan Bukit Piatu	2	600	4 TSB	280	320	11,520
4.	Jalan Kesidang 3/13, Kampung Lapan	1	300	4 TSB	280	20	720
5.	Simpang Masjid Peringgit	1	300	Tiada Rel Bin	-	300	10,800
6.	Hadapan Tanah Wakaf Pantai Peringgit	1	300	Tiada Rel Bin	-	300	10,800
7.	Sebelah Mobil Mata Kuching	1	300	Tiada Rel Bin	-	300	10,800
8.	Belakang Hospital-Kg. Pulau Melaka	2	600	1 Rel Bin	300	300	10,800
9.	Kampung Tun Razak	1	300	Tiada Rel Bin	-	300	10,800
10.	Jalan Pantai Peringgit	2	600	1 Rel Bin	300	300	10,800
11.	Kompleks Munsyi Abdullah	3	900	1 Rel Bin	300	600	21,600
12.	Pangsapuri Sri Siantan, Bukit Baru	7	2,100	4 Rel Bin	1200	900	32,400
Jumlah						3,820	137,520

Sumber: Rekod MBMB

Bilangan tong sisa pepejal yang dibekalkan tidak mengikut jadual perjanjian, bagaimanapun bilangannya telah ditambah selepas teguran Audit seperti di **Foto 4.1** hingga **Foto 4.8**.

Berdasarkan **Foto 4.1** dan **Foto 4.3**, empat buah *Rel Bin* telah diletakkan di Pangaspuri Sri Siantan semasa penemuan Audit. Selepas teguran Audit, pihak SWM telah menukar keempat-empat *Rel Bin* berkenaan kepada lapan buah tong Sampah Beroda (TSB) seperti di **Foto 4.2** dan sebuah tong sampah besar (RORO) seperti di **Foto 4.4**.

Foto 4.1

Tong Sisa Pepejal Di Pangsapuri Sri Siantan

Sebelum



Sumber : Jabatan Audit Negara

Lokasi : Pangsapuri Sri Siantan

Tarikh : 5 September 2009

Foto 4.2

Tong Sisa Pepejal Di Pangsapuri Sri Siantan

Selepas



Sumber : Jabatan Audit Negara

Lokasi : Pangsapuri Sri Siantan

Tarikh : 7 Mei 2010

Foto 4.3

Tong Sisa Pepejal Di Pangsapuri Sri Siantan

Sebelum



Sumber : Jabatan Audit Negara

Lokasi : Pangsapuri Sri Siantan

Tarikh : 5 September 2010

Foto 4.4

Tong Sisa Pepejal Di Pangsapuri Sri Siantan

Selepas



Sumber : Jabatan Audit Negara

Lokasi : Pangsapuri Sri Siantan

Tarikh : 7 Mei 2010

Berdasarkan **Foto 4.5**, empat buah TSB telah diletakkan di Jalan Bukit Piatu semasa penemuan Audit. Selepas teguran Audit, keempat-empat TSB berkenaan telah ditukarkan kepada sebuah RORO seperti di **Foto 4.6**.

Foto 4.5
Tong Sisa Pepejal Di Jalan Bukit Piatu



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Bukit Piatu
Tarikh : 5 September 2009

Foto 4.6
Tong Sisa Pepejal Di Jalan Bukit Piatu



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Bukit Piatu
Tarikh : 7 Mei 2010

MBMB menjelaskan bahawa kawasan terlibat telah diambil tindakan kecuali Jalan Kesidang 3/13, Kampung Lapan. Perbezaan bayaran RM20 tidak dituntut kerana MBMB mengambil kira tempat tambahan yang lain di mana SWM tidak membuat tuntutan terhadap penukaran tong-tong sisa pepejal yang melebihi kos yang sepatutnya.

b) Rel Bin Rosak

Lawatan Audit pada 5 November 2009 di Pokok Mangga dan Peringgit Pantai mendapati Rel Bin yang dibekalkan telah berlubang dan tidak sesuai digunakan lagi. Ini menyebabkan sisa pepejal terkeluar dan mengotorkan kawasan pembuangan serta mewujudkan bau yang tidak menyenangkan. Rel Bin yang rosak adalah seperti di **Foto 4.7** dan **Foto 4.8**. Bagaimanapun, Rel Bin tersebut telah diganti seperti di **Foto 4.9** dan **Foto 4.10**.

Foto 4.7
Rel Bin Rosak



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pokok Mangga
Tarikh : 5 November 2009

Foto 4.8
Rel Bin Rosak



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Peringgit Pantai
Tarikh : 5 November 2009

Foto 4.9

Rel Bin Yang Telah Rosak Telah Diganti

Selepas



Sumber : Jabatan Audit Negara

Lokasi : Pokok Mangga

Tarikh : 2 Julai 2010

Foto 4.10

Rel Bin Yang Telah Rosak Telah Diganti

Selepas



Sumber : Jabatan Audit Negara

Lokasi : Peringgit Pantai

Tarikh : 2 Julai 2010

Maklum balas daripada MBMB menjelaskan kedua-dua tong di lokasi yang terlibat telah diganti baru. Ini selaras dengan perancangan MBMB bagi tahun 2010 di mana sebelum bulan Mac 2010, SWM telah diarah untuk menggantikan tong-tong yang telah rosak untuk keselesaan dan kemudahan pengguna membuang sisa pepejal.

c) Kutipan Sisa Pepejal Tidak Sempurna

Lawatan Audit pada 11 September 2009 di Taman Bukit Cheng dan Taman Paya Emas mendapati tong sampah tidak diletakkan di tempat asalnya serta tidak ditutup semula selepas kutipan. Selain itu air larutan resap juga mengalir di atas jalan dan mengakibatkan bau busuk seperti di **Foto 4.11** dan **Foto 4.12**.

Foto 4.11

Tong Sampah Tidak Ditutup Semula Selepas Kutipan



Sumber : Jabatan Audit Negara

Lokasi : Taman Bukit Cheng

Tarikh : 11 September 2009

Foto 4.12

Tong Sampah Tidak Diletak Semula Ditempat Asal



Sumber : Jabatan Audit Negara

Lokasi : Taman Paya Emas

Tarikh : 11 September 2009

Pihak SWM juga tidak membersihkan jalan apabila air larutan resap keluar dari lori semasa proses mampatan sisa pepejal seperti di **Foto 4.13**. Ini mengakibatkan bau busuk dan keadaan ini sering kali terpaksa ditanggung oleh penduduk setempat.

Foto 4.13
Air Larutan Resap Tidak Dibersihkan Selepas
Proses Mampatan



*Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Taman Bukit Cheng
Tarikh : 11 September 2009*

Maklum balas daripada MBMB menjelaskan amaran sentiasa dikeluarkan kepada SWM dan kompaun RM500 telah dan akan terus dikenakan oleh MBMB kepada syarikat di bawah kelolaan SWM yang gagal mematuhi syarat-syarat pungutan yang telah ditetapkan.

d) Tapak Konkrit Tong Sisa Pepejal Tidak Dibina

Lawatan Audit pada 5 November 2009 di lima lokasi iaitu Padang Flat Sri Siantan, Kampung Bukit Pulau, Jalan Pokok Mangga, Kampung Peringgit Pantai dan Kampung Tanjung Minyak, mendapati tiada pembinaan tapak konkrit untuk tempat tong sisa pepejal. Ini menyebabkan tong berkenaan menjadi tempat takungan air dan berbau busuk serta sisa pepejal menjadi sebatи bersama permukaan tanah. Terdapat bukti sisa pepejal yang tertinggal di sekeliling tong tidak dibersihkan selepas kutipan seperti di **Foto 4.14** dan **Foto 4.15**.

Foto 4.14
Sisa Pepejal Di Sekeliling Tong Tidak Dibersihkan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pokok Mangga
Tarikh : 5 November 2009

Foto 4.15
Sisa Pepejal Di Sekeliling Tong Tidak Dibersihkan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Ayer Keroh
Tarikh : 5 November 2009

MBMB memaklumkan amaran sentiasa dikeluarkan kepada SWM bagi menjalankan pembersihan ke atas lebihan sisa pepejal yang tertinggal.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan dan penyediaan tempat pembuangan sisa pepejal oleh SWM adalah tidak memuaskan. Ini adalah kerana penukaran *Rel Bin* kepada Tong Sampah Beroda dan kuantiti *Rel Bin* tidak mengikut jadual perjanjian, *Rel Bin* rosak, kutipan sisa pepejal tidak sempurna dan tapak konkrit tong sisa pepejal tidak dibina.

4.4.2 Prestasi Pengurusan Pelupusan Sisa Pepejal

Syarat kelulusan laporan *Environmental Impact Assessment (EIA)* yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) menetapkan 33 kriteria pembinaan tapak pelupusan untuk dipatuhi. Kriteria yang tidak dipatuhi adalah seperti berikut:

a) Parit Dan Benteng Tidak Dibina Di Tapak Pelupusan

Kriteria 15, syarat kelulusan laporan *EIA* menetapkan SWM hendaklah membina parit dan benteng di sekeliling tapak pelupusan.

Lawatan Audit pada bulan 5 November 2009 ke tapak pelupusan Krubong mendapati SWM tidak membina parit dan benteng di sekeliling tapak pelupusan. Ini menyebabkan air larutan resap mengalir ke sungai melalui *Flap Gate* seperti di **Foto 4.16** dan **Foto 4.17**.

Foto 4.16
Air Larutan Resap Mengalir Keluar Ke Sungai



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tapak Pelupusan, Krubong
Tarikh : 5 November 2009

Foto 4.17
Air Larutan Resap Mengalir Keluar Melalui Flap Gate



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tapak Pelupusan, Krubong
Tarikh : 5 November 2009

Lawatan susulan Audit pada 18 Mac 2010 bersama Pegawai JAS mendapati tanah telah digunakan untuk mengambus Flap Gate di sebelah dalam kawasan tapak berkenaan seperti di **Foto 4.18** dan **Foto 4.19**. Tindakan ini dapat menghalang pengaliran air larutan resap daripada mengalir keluar ke sungai.

Foto 4.18
Flap Gate Bahagian Dalam Telah Dikambus



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tapak Pelupusan, Krubong
Tarikh : 18 Mac 2010

Foto 4.19
Flap Gate Bahagian Luar Sungai



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tapak Pelupusan, Krubong
Tarikh : 18 Mac 2010

Maklum balas daripada MBMB menjelaskan bahawa Flap Gate berkenaan telah ditutup dan di sebelah dalamnya telah dikambus dengan tanah.

b) Air Larutan Resap

Kriteria 10, syarat kelulusan laporan EIA menetapkan air larutan resap, sebelum dilepaskan ke mana-mana alur air daratan hendaklah diolah agar mematuhi sekurang-kurangnya Piawai B, Jadual Ketiga, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (kumbahan dan efluen-efluen perindustrian) 1979, P.U. (A) 12.

Semakan Audit mendapati rawatan air larutan resap di tapak pelupusan sisa pepejal Krubong ini tidak dilakukan. Pada 23 Disember 2009, JAS telah menyerahkan laporan analisis kimia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kimia Malaysia dan mendapati air larutan resap yang dilepaskan ke sungai ini adalah kotor dan melepas tahap Standard Piawaian B yang ditetapkan. Ini menunjukkan tiadanya tindakan dilakukan bagi membolehkan air larutan resap ini dirawat dan menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar. Hasil analisis ini ditunjukkan seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Parameter Ujian Air Larutan Resap Selepas Pelepasan

Bil.	Jenis Ujian	Keputusan Ujian Piawaian B	Standard Piawaian B
1.	<i>Chemical Oxygen Demand (mg/l)</i>	1,400 mg/l	<100 mg/l
2.	<i>Biochemical Oxygen Demand (mg/l)</i>	210 mg/l	<50 mg/l

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

MBMB memaklumkan SWM dilarang melepaskan air larutan resap ke sungai dan semua air larutan resap yang mengalir keluar hendaklah disalurkan ke dalam parit di sekeliling tapak pelupusan yang berfungsi sebagai kolam takungan.

c) Kemudahan Pembersihan Roda Kenderaan

Kriteria 18, syarat kelulusan laporan *EIA* menetapkan SWM hendaklah membersihkan roda lori bagi lori yang keluar dari tapak pelupusan.

Lawatan Audit pada 15 Disember 2009 ke tapak pelupusan sisa pepejal mendapati, tempat pembersihan (*washing bay*) baru dibina dan digunakan mulai pertengahan November 2009. *Washing bay* yang disediakan hanya sesuai untuk membersihkan roda lori kecil sahaja. Namun terdapat juga lori yang masih menggunakan jalan lain untuk keluar dari tapak pelupusan dan tidak melalui *washing bay* yang digunakan untuk tujuan pembersihan. **Foto 4.20** hingga **Foto 4.23** adalah berkaitan.

Foto 4.20
Lori Tidak Menggunakan Washing Bay



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tapak Pelupusan, Krubong
Tarikh : 15 Disember 2009

Foto 4.21
Washing Bay Di Tapak Pelupusan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tapak Pelupusan, Krubong
Tarikh : 15 Disember 2009

Foto 4.22
Tayar Lori Dibasuh Di Tapak Pelupusan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tapak Pelupusan, Krubong
Tarikh : 15 Disember 2009

Foto 4.23
Laluan Jalan Ke Tapak Pelupusan Teruk Berdebu



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tapak Pelupusan, Krubong
Tarikh : 15 Disember 2009

Maklum balas daripada MBMB menjelaskan bahawa semua lori yang keluar masuk ke tapak pelupusan perlu menggunakan washing bay yang disediakan untuk tujuan pembersihan. Pemantauan secara berterusan akan dilakukan dan kompaun akan dikeluarkan kepada pemandu yang ingkar.

d) Kawasan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Tidak Berpagar

Kriteria 29, syarat kelulusan laporan E/A menetapkan pagar hendaklah dibina di sekeliling tapak pelupusan bagi mengelakkan aktiviti scarvenging.

Semakan Audit mendapati pagar yang dibina telah musnah disebabkan oleh timbunan sisa pepejal, kecurian dan pencerobohan seperti di **Foto 4.24**. Menurut MBMB pagar

tidak dibina semula kerana kawasan tersebut telah penuh dan sedang menunggu tapak baru yang masih dalam proses pengambilan balik tanah.

Foto 4.24
Pagar Roboh



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tapak Pelupusan, Krubong
Tarikh : 5 November 2009

Maklum balas daripada MBMB menjelaskan pembinaan pagar baru tidak akan dilakukan kerana tapak ini akan ditutup dan dipindahkan ke kawasan baru pada tahun 2011.

e) **Sisa Pepejal Tidak Dikambus Secara Sempurna**

Kriteria 5, syarat kelulusan laporan E/A menetapkan sisa pepejal hendaklah dikambus setiap hari.

Semakan Audit mendapati sisa pepejal yang berada di tapak pelupusan tidak dikambus setiap hari kerana tiada pemantauan oleh MBMB seperti di **Foto 4.25**.

Foto 4.25
Sisa Pepejal Tidak Dikambus Dengan Sempurna



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tapak Pelupusan, Krubong
Tarikh : 5 November 2009

Bau busuk dari tapak pelupusan ini mengganggu penduduk setempat dan pengguna jalan raya di Krubong. Isu ini pernah dilaporkan di dalam Berita Harian pada Ogos 2009 seperti di **Foto 4.26** dan **Foto 4.27**.

Foto 4.26

Keratan Akhbar Berita Harian



RASUL AZLI SAMAD / BERITA HARIAN

PENGGUNA terpaksa menutup hidung akibat bau busuk setiap kali melalui kawasan pusat pelupusan sampah di Krubong.

Enam, Azman, Tuan

Sumber : Berita Harian
Tarikh : 17 Ogos 2009

Foto 4.27

Keratan Akhbar Berita Harian

Krubong lubuk sampah

*BHacon
HTS/09*



Mansor Sekbon

percikiran Kompleks Sultan Haji Jejoh di Lubuk Sungai Utang-Ayer Keroh-Selendar (Sas), yang bakal menjadi gelanggang utama temasya Sunan Malaysia (Sukma) edisi ke-13 pada 29 Mei hingga 6 Jun.

Seorang lagi zanduhuk dari Kampung Gangga, Suban Sasam, 55, ketika ditemui berkata, sejak bau busuk pusat pelupusan ini semakin serius, belum segan untuk menerima tetumur dari luar.

Suboh yang sudah lama merupakan di kampung berkenaan berkata, beliau juga sering menerima runutan daripada pengguna Lebih Sas temasya pelancongan meminta bantuan peliharaan batu besar dari pusat pelupusan berkemana.

Sebelum ini Berita Harian difahamkan Rementerian Pe-

kali termasuk hingga ke peringkat Kerajaan Pusat.

Namun,

sehingga hari ini, tidak ada perbaikan.

Jika pusat

pelupusan ini masih boleh beroperasi, banyak lagi masalah akan timbul. Sekarang pun, kita sudah berlepas masalah HINI (selesesa babi)," kata seorang penduduk Kampung Gangga, Mansor Sekbon, 75, ketika diintervju.

Tinjauan mendapati antara

kawasan kediaman yang teruk

terjejas

adalah Taman Seri

Krubong, Taman Peninsular

Park, Taman Cempaka, Taman

Mukim,

Kampung Gangga

dan Kampung Krubong. Enam kawasan ini dikatakan mula terjejas pada awal tahun lalu

sejak lima tahun lalu.

Selain itu, kawasan per-

industrian Krubong, Cheng dan

segan untuk menerima tetumur dari luar.

Suboh yang sudah lama me-

retar

dari

berkemana

beliau juga sering

menerima

rungutan

daripada

pengguna

Lebih Sas temasya

pelancongan meminta bantuan

peliharaan batu besar

dari pusat

pelupusan berkemana.

Sebelum ini Berita Harian

pe-

rumahan dan Kerajaan Tem

patuh

sabah beberapa

ketika

menyampaikan

perbaikan

akan menggariskan

deng

sebuah insenator

bernilai

RM600 juta di Sungai Ulu

tan

semua sej

Namun, sehingga hari

keumatuan yang dikenal

itu tidak rampak

dan

dilakuk

tempat

Akitunya, perbadan

memerlukan

baik

baik

busuk

*t nyudan
legit 8x2 27/8
repar*

Sumber : Berita Harian
Tarikh : 17 Ogos 2009

Maklum balas daripada MBMB menjelaskan kontrak pengambusan sisa pepejal menggunakan tanah akan diambil alih oleh MBMB. Pengambusan secara lebih menyeluruh akan dilakukan bagi mengatasi bau dan pemandangan yang kurang menyenangkan.

Pada pendapat Audit, MBMB gagal memastikan SWM mematuhi kriteria kelulusan EIA bagi pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal.

4.4.3 *Environmental Management Plan* Tidak Disediakan

Mengikut kriteria 23, *EIA* yang dikeluarkan oleh JAS bagi projek tapak pelupusan sisa pepejal Mukim Krubong, *Environmental Management Plan (EMP)* hendaklah disediakan dan diserahkan kepada JAS setiap kali tapak baru dibina. *EMP* hendaklah mengandungi pelan pengurusan bagi memastikan tapak pelupusan diuruskan dengan baik dan mengelakkan sebarang masalah pencemaran alam sekitar.

Semakan Audit mendapati pihak SWM tidak pernah menyediakan laporan *EMP* untuk tapak pelupusan di Mukim Krubong. Ini menyebabkan tapak pelupusan tidak diuruskan dengan baik kerana tiada panduan khusus bagi menguruskan tapak pelupusan sisa pepejal.

*Selepas teguran Audit, MBMB memaklumkan akan mengarahkan SWM menyediakan laporan *EMP* bagi memastikan setiap syarat *EIA* dipatuhi.*

Pada pendapat Audit, pematuhan *EIA* adalah tidak memuaskan kerana SWM tidak menyediakan laporan *EMP*.

4.4.4 Bayaran Notice To Correct Tidak Mengikut Perjanjian

Perkara 18(b)(i) perjanjian asal antara SWM dengan MBMB menyatakan sekiranya SWM gagal menjalankan sebarang aktiviti pelupusan sisa pepejal, MBMB boleh mengeluarkan notis bertulis *Notice to Correct (NTC)* kepada SWM dan menghendaki SWM melaksanakan pembaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Perjanjian tambahan mulai tahun 2006 menetapkan caj RM50 bagi setiap *NTC*.

Semakan Audit mendapati MBMB telah mengenakan bayaran *NTC* secara potongan kepada SWM sejumlah RM100 berbanding RM50 seperti yang dinyatakan dalam perjanjian. Bagi tahun 2007 hingga Ogos 2009 sejumlah 564 kes atau bersamaan RM56,400 pengurangan *NTC* yang ditolak daripada bayaran oleh MBMB berdasarkan caj RM100 setiap *NTC*, berbanding RM28,200 yang sepatutnya dikenakan kepada SWM.

Maklum balas MBMB menjelaskan mulai tahun 2010 perjanjian tambahan mengambil kira caj RM100 untuk setiap NTC.

Pada pendapat Audit, pengenaan caj RM100 bagi setiap *NTC* tanpa perjanjian boleh memberi implikasi undang-undang kepada MBMB.

4.4.5 Statistik Penyakit – Denggi, Malaria Dan Cirit Birit Bagi Negeri Melaka

Pelupusan sisa pepejal yang kurang memuaskan boleh menyebabkan penyakit seperti denggi, malaria dan cirit birit. Statistik data diperolehi dari Pejabat Kesihatan Melaka Tengah berhubung taburan statistik penyakit denggi, malaria dan cirit birit bagi kawasan-kawasan di sekitar negeri Melaka adalah seperti di **Jadual 4.3** dan **Jadual 4.4**. Daripada statistik tersebut cuma kes denggi yang boleh dikaitkan dengan penempatan berdekatan dengan tempat pelupusan sisa pepejal di Krubong. Bagaimanapun bilangannya adalah kecil berbanding dengan kawasan lain iaitu empat kes pada tahun 2007, tujuh kes pada tahun 2008 dan dua kes pada tahun 2009.

Jadual 4.3
Statistik Penyakit Denggi Dan Malaria Bagi Negeri Melaka
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Kawasan	Denggi			Malaria		
		Tahun			Tahun		
		2007	2008	2009	2007	2008	2009
1.	Ayer Keroh	1	1	19	-	-	-
2.	Ayer Molek	7	12	10	1	-	-
3.	Alai	2	-	5	-	-	-
4.	Bachang	7	18	32	-	-	-
5.	Balai Panjang	28	63	8	-	-	-
6.	Bandar Melaka	45	74	87	2	-	-
7.	Bertam	2	12	16	-	-	-
8.	Bukit Katil	22	28	14	2	1	1
9.	Bukit Lintang	4	3	1	-	-	-
10.	Bukit Piatu	3	3	1	-	-	-
11.	Bukit Rambai	8	10	6	-	-	-
12.	Bukit Baru	21	29	30	1	1	-
13.	Batu Berendam	25	42	19	1	-	-

Bil.	Kawasan	Denggi			Malaria		
		Tahun			Tahun		
		2007	2008	2009	2007	2008	2009
14.	Cheng	11	7	18	-	1	-
15.	Duyung	9	5	7	-	-	-
16.	Klebang Besar	5	5	2	-	-	-
17.	Klebang Kecil	2	3	17	-	-	-
18.	Krubong	4	7	2	-	-	-
19.	Malim	1	-	6	-	-	-
20.	Padang Temu	8	4	3	-	-	-
21.	Paya Rumput	6	9	2	-	1	-
22.	Peringgit	18	12	27	-	-	-
23.	Pernu	3	7	1	-	-	-
24.	Semabok	9	9	13	-	-	-
25.	Sungai Udang	11	9	3	1	2	4
26.	Tangga Batu	1	6	5	-	-	-
27.	Tanjung Kling	12	8	17	-	-	-
28.	Tanjung Minyak	2	2	3	1	-	-
29.	Telok Mas	11	6	3	-	-	-
30.	Ujung Pasir	5	14	8	-	-	-
Jumlah		293	408	385	9	6	5

Sumber: Pejabat Kesihatan Melaka Tengah

Jadual 4.4
Statistik Penyakit Cirit Birit Bagi Negeri Melaka
Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Kawasan Mengikut Klinik Kesihatan	Cirit Birit		
		Tahun		
		2007	2008	2009
1.	Poliklinik Peringgit	1,206	1,373	1,075
2.	Poliklinik Ayer Keroh	1,015	870	494
3.	Klinik Jalan Gereja	576	124	166
4.	Kesihatan Kecil Tengkera	612	253	107
5.	Kesihatan Kecil Ujung Pasir	531	545	258
6.	Kesihatan Kecil Klebang	584	399	206
7.	Kesihatan Kecil Ayer Molek	734	461	187
8.	Kesihatan Kecil Tanjong	221	255	232
9.	Kesihatan Kecil Cheng	327	319	189
10.	Kesihatan Kecil Sg. Udang	358	490	260
11.	Kesihatan Kecil Bukit Rambai	257	167	183
Jumlah		6,421	5,256	3,357

Sumber: Pejabat Kesihatan Melaka Tengah

Pada pendapat Audit, penyakit berjangkit di kawasan penduduk di sekitar tapak pelupusan sisa pepejal adalah terkawal.

4.4.6 Pemantauan Oleh MBMB

Bahagian Pembersihan Dan Pengindahan Bandar bertanggungjawab sepenuhnya memantau kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal yang dilaksanakan oleh SWM.

Tujuan penubuhan Bahagian ini adalah untuk memastikan kebersihan keseluruhan kawasan di bawah pentadbiran MBMB sentiasa bersih.

Semakan Audit mendapati tiada sebarang jadual pelaksanaan diwujudkan dalam membuat pemantauan secara berkala ke atas pengurusan sisa pepejal ini. Jadual ini perlu diadakan dalam memantau dan menilai prestasi kutipan dan pembersihan sisa pepejal yang dijalankan oleh SWM.

Pihak Audit mendapati 44 daripada 70 responden (62.9%) menyatakan tumpahan air larutan resap tidak dibersihkan. Selain itu Hasil dari soal selidik yang diedarkan juga mendapati 42 daripada 70 responden (58%) menyatakan tong tidak diletak balik ke tempat asalnya selepas pungutan sisa pepejal dilakukan. Sementara 44 daripada 70 responden (62.9%) pula menyatakan sisa pepejal yang bertaburan selepas proses pungutan dilakukan tidak dipungut semula atau dibersihkan. **Carta 4.1** menunjukkan hasil dari tinjauan soal selidik yang diedarkan.

Carta 4.1
Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Pengurusan Sisa Pepejal Oleh SWM



Maklum balas daripada MBMB menjelaskan seliaan ada dan akan terus dijalankan setiap 2 minggu oleh pihak MBMB dan sesalinan laporan berkenaan akan diserahkan kepada pihak Audit.

Pihak pendapat Audit, pemantauan MBMB terhadap kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal yang dilaksanakan oleh SWM adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana tiada jadual pelaksanaan pemantauan disediakan dan tahap kepuasan pelanggan adalah kurang memuaskan.

4.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan pungutan sisa pepejal boleh dipertingkatkan, bagaimanapun pengurusan tapak sisa pepejal adalah tidak memuaskan. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan supaya MBMB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a) Memastikan SWM menyediakan tong yang mencukupi dan menggantikan yang rosak dan penyediaan tapak konkrit bagi setiap tong sisa pepejal.
- b) Memastikan air larutan resap di tapak pelupusan dirawat supaya tidak mencemarkan alam sekitar.
- c) Memastikan parit dan benteng dibina di tapak pelupusan sisa pepejal bagi memastikan air larutan resap tidak mengalir keluar ke sungai yang berhampiran.
- d) Penggunaan *washing bay* dan tembakan air perlu dilakukan secara tetap dan tiada pengecualian bagi mengelakkan pencemaran debu.
- e) Memastikan sisa pepejal dikambus dengan tanah secara sempurna bagi mengelakkan pencemaran bau yang mengganggu penduduk setempat serta pengguna jalan raya berhampiran.
- f) Memastikan syarikat konsesi mematuhi syarat penyediaan laporan EIA sebelum tapak pelupusan beroperasi.

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH DAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN

5. PENGURUSAN PELESENAN PREMIS PERNIAGAAN, PENJAJA, PASAR MALAM DAN GERAI MAJLIS

5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Fungsi utama Majlis Perbandaran (Majlis) adalah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, sosial dan budaya serta menentukan kualiti hidup penduduk tempatan terkawal dan terjamin. Sehubungan dengan itu, Majlis telah menetapkan tanggungjawab utamanya untuk mengawal semua jenis perniagaan, perdagangan, dan perusahaan yang dijalankan dalam kawasan pentadbirannya. Tanggungjawab ini adalah selaras dengan kuasa yang diberi di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk menggubal undang-undang kecil pelesenan dan menguatkuasakannya.

5.1.2 Bagi mencapai visi menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang menyediakan perbandaran yang unggul, cekap dan cemerlang, Majlis telah menetapkan matlamat untuk memastikan segala bentuk perniagaan di daerahnya dilesenkan, mewujudkan pusat penjaja serta peniaga kecil setempat dan memberikan kemudahan tapak perniagaan yang bersesuaian. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) telah meletakkan tanggungjawab pengurusan pelesenan perniagaan, penjaja, pasar malam dan gerai Majlis di bawah pentadbiran Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan, manakala Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) di bawah pentadbiran Jabatan Kawalan Perniagaan. Bagi tahun 2006 hingga 2008 hasil lesen yang dikutip oleh MPAG berjumlah RM3.40 juta, manakala MPJ pula sejumlah RM1.82 juta. Peningkatan hasil lesen bagi MPAG dan MPJ setiap tahun bagi tempoh 2006 hingga 2008 adalah kurang dari 8%.

5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Audit adalah untuk menilai sama ada pengurusan pelesenan bagi premis perniagaan, penjaja, pasar malam dan gerai bagi kawasan pentadbiran MPAG dan MPJ telah dibuat dengan cekap dan berkesan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

5.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pelaksanaan dan pemantauan pengurusan pelesenan premis perniagaan, penjaja, pasar malam dan gerai di MPAG dan MPJ bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009.

Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak dan memeriksa rekod, fail, laporan, minit mesyuarat, analisis terhadap data dan dokumen yang berkaitan serta laporan penguatkuasaan yang dilaksanakan. Lawatan ke tapak premis perniagaan dan temu bual dengan pemilik premis dan pegawai Majlis juga dijalankan.

5.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya pengurusan lesen bagi kedua-dua Majlis adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian dalam memastikan pengurusan lesen diuruskan dengan baik. Antara kelemahan yang wujud dalam pengurusan lesen ialah pelaksanaan tidak menyeluruh ke atas undang-undang kecil yang diwartakan; premis yang didirikan tidak mempunyai penyewa; premis beroperasi tanpa lesen dan kompaun yang dikeluarkan tidak diambil tindakan susulan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

5.4.1 Premis Terbiar Tanpa Penyewa

Tanggungjawab Majlis adalah menyediakan kemudahan prasarana dan meningkatkan pencapaian sosio ekonomi melalui pelaburan dan perniagaan. Bagi mencapai matlamat tersebut Majlis menyediakan kemudahan premis perniagaan terdiri daripada lot kedai, pasar, medan selera, gerai dan kios yang ditawarkan secara sewaan. Majlis perlu menyediakan dan menyelenggara infrastruktur dan kemudahan awam.

Lawatan Audit pada 14 Oktober 2009 ke Daerah Alor Gajah mendapati sebuah gerai dibina melalui peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan kos RM9,950 dalam keadaan semak samun. Manakala ruang niaga di tingkat atas Pasar Pulau Sebang yang dibina pada tahun 2001 melalui geran Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kos RM1.61 juta masih gagal disewa. Lawatan Audit pada 24 Oktober 2009 ke Daerah Jasin pula mendapati Pasar Pekan Umbai yang telah siap pada 25 Oktober 2005 melalui peruntukan KPKT dengan kos RM1 juta masih tiada penyewa. Gerai Majlis yang terbiar dan kosong adalah seperti di **Foto 5.1** hingga **Foto 5.3**.

Foto 5.1
Gerai Terbiar



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Gerai Pulau Sebang, Alor Gajah (MPAG)
Tarikh : 14 Oktober 2009

Foto 5.2
Tingkat Atas Pasar Tiada Penyewa



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tingkat Atas Pasar Pulau Sebang, Alor Gajah (MPAG)
Tarikh : 14 Oktober 2009

Foto 5.3
Pasar Tanpa Penyewa



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pasar Baru Umbai, Jasin (MPJ)
Tarikh : 24 Oktober 2009

Pihak MPAG memaklumkan bahawa gerai KPLB telah dibina di atas tanah persendirian menyebabkan kuasa pihak MPAG terbatas. Pihak MPAG merancang untuk membuat pengambilan tanah tapak gerai-gerai yang bermasalah tersebut supaya mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap gerai-gerai tersebut dan boleh membuat pengisian dengan penyewa-penyewa baru. Untuk ruang niaga tingkat atas Pasar Pulau Sebang, MPAG memaklumkan tiada sambutan daripada orang ramai walaupun diiklankan beberapa kali. Sementara pihak MPJ memaklumkan kekosongan Pasar Pekan Umbai adalah disebabkan tidak mendapat sambutan peniaga walaupun iklan telah dikeluarkan. Bagaimanapun pihak MPJ telah menerima tawaran daripada UDA Holdings untuk memajukan semula kawasan tersebut. Sehingga 1 Julai 2010, MPJ memaklumkan seramai tujuh penyewa telah berniaga di Pasar Besar Umbai.

Pada pendapat Audit, pembinaan tiga premis perniagaan bernilai RM2.62 juta adalah satu pembaziran kerana terbiar kosong tanpa penyewa semenjak siap dibina.

5.4.2 Undang-undang Dan Garis Panduan

Seksyen 107, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) mengandungi peruntukan undang-undang untuk pengeluaran lesen atau permit, menetapkan kadar bayaran lesen, menentukan syarat lesen dan peruntukan melakukan pemeriksaan atau menyelia tred, pekerjaan atau premis yang dilesenkan. Manakala Seksyen 102, Akta 171, membolehkan Majlis menggubal undang-undang kecil. Semakan Audit terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang kecil yang telah diwartakan mendapati perkara-perkara seperti berikut:

a) Undang-undang Kecil (UUK) Diwartakan Tidak Dikuatkuasakan

Seksyen 106 Akta 171 menetapkan penyiaran dalam warta apa-apa undang-undang kecil, kaedah atau peraturan adalah menjadi satu notis yang cukup mengenai undang-undang kecil, kaedah atau peraturan itu dan mengenai pengesahannya oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Semakan Audit mendapati tiga daripada sembilan undang-undang kecil berkaitan pelesenan telah diwartakan sejak sembilan tahun yang lalu tetapi belum dikuatkuasakan di MPAG. Ini disebabkan undang-undang baru yang diwartakan tidak memansuhkan undang-undang lama yang sedang diguna pakai. Adalah difahamkan juga pelaksanaan undang-undang kecil berkenaan tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi menjaga kepentingan orang awam. Kesannya MPAG tidak dapat menjana hasil tambahan terutamanya lesen rumah tumpangan tersebut. Butiran undang-undang kecil tidak dikuatkuasakan adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1
Undang-Undang Kecil Tidak Dikuatkuasakan Di MPAG**

Bil.	Tajuk Undang-undang Kecil	Tarikh/Rujukan Warta	Undang-undang Kecil Diguna Pakai
1.	Undang-undang Kecil Rumah Tumpangan (MDAG) 2000	22.12.1999/ M.P.U. 6	Jadual kedua Bil. 21 Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDAG) 1984
2.	Undang-undang Kecil Panggung dan Tempat Hiburan Awam (MDAG) 2000	22.12.1999/ M.P.U. 7	Jadual kedua Bil. 51-52 Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDAG) 1984
3.	Undang-undang Kecil Kawalan Lembu/Kerbau (MDAG) 1987	29.10.1987/ M.P.U. 2	Jadual kedua Bil. 16 Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAG) 1984

Sumber: Undang-undang Kecil MPAG

Pegawai Undang-undang MPAG bersetuju undang-undang lama perlu dibatalkan dan sedang dalam proses pembatalan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan undang-undang kecil yang telah diwartakan tidak memuaskan kerana tidak dikuatkuasakan dan undang-undang lama masih diguna pakai.

b) Kadar Lesen Di caj Tidak Selaras Dengan Yang Diwartakan

Seksyen 102A Akta 171, menetapkan sesuatu undang-undang kecil, kaedah atau peraturan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan boleh menetapkan bayaran dan caj. Seksyen 103 menetapkan undang-undang kecil, kaedah atau peraturan tidak dikuatkuasakan sehingga ia disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan disiarkan dalam Warta. Penyiaran dalam Warta apa-apa undang-undang, kaedah atau peraturan adalah menjadi notis yang sah dari segi perundangan.

Semakan Audit mendapati kadar lesen yang dicaj tidak selaras dengan kadar yang ditetapkan dalam undang-undang kecil yang diwartakan. Berdasarkan senarai undang-undang kecil MPAG yang sedang berkuat kuasa menunjukkan sehingga bulan September 2009 belum ada sebarang pindaan terhadap kadar lesen bagi mana-mana undang-undang kecil MPAG. Perubahan kadar lesen ini diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan diperakui dalam Mesyuarat Majlis Penuh tanpa pewartaan. Keputusan ini telah memberi kesan kepada orang awam yang mana telah membayar lesen melebihi kadar yang boleh dikuatkuasakan. Kadar lesen diwartakan berbanding kadar lesen dicaj adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Kadar Lesen Diwartakan Berbanding Kadar Lesen Dicaj Di MPAG

Bil.	Tajuk Undang-undang Kecil	Jenis Lesen	Kadar Diwartakan (RM)	Kadar Dicaj (RM)
1.	Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDAG) 1984	Kuari	600	2,000
2.	Undang-undang Kecil Pasar Malam/Sehari (MDAG) 1989	Pasar Malam	25	36
3.	Undang-undang Kecil Penjaja (MDAG) 1983	Menjaja Ubat/Minyak Sapu	12	36
4.	Undang-undang Kecil Penjaja (MDAG) 1983	Menjaja Kain/Pakaian	30	36

Sumber: Rekod MPAG

MPAG memaklumkan telah meluluskan perubahan kadar lesen pada Mesyuarat Penuh Bil. 12/2005 pada 23 Disember 2005 dan pindaan kadar lesen dalam proses pewartaan.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan caj tambahan bagi lesen-lesen sedia ada tanpa pewartaan oleh Majlis adalah tidak sah dari segi undang-undang.

5.4.3 Rumah Tumpangan Beroperasi Tanpa Lesen

Bil. 21 Jadual Kedua Perintah 3 UUK Pelesenan Tred, Peniagaan dan Perindustrian (MDAG) 1984 menetapkan caj dan kadar lesen rumah tumpangan adalah RM60 hingga RM500 mengikut bilangan bilik telah ditetapkan.

Analisis Audit terhadap maklumat Unit Promosi Pelancongan Jabatan Ketua Menteri Melaka dengan data lejer pelesen rumah tumpangan MPAG tahun 2009 mendapati hanya 16 pengusaha rumah tumpangan yang berlesen berbanding 48 buah hotel/chalet/homestay yang beroperasi di Alor Gajah. Pegawai di Jabatan Pelesenan MPAG mengesahkan rumah tumpangan tidak berlesen adalah disebabkan bangunan tersebut tidak mempunyai pelan bangunan yang sah. Rumah tumpangan yang beroperasi tanpa lesen boleh memberi kesan kepada penyewa sekiranya berlaku kemalangan di premis tersebut yang mana akan menjelaskan kredibiliti MPAG serta sektor pelancongan Negeri Melaka amnya.

Pihak MPAG memaklumkan bahawa kebanyakannya pengusaha chalet tidak berlesen kerana permohonan lesen mereka tidak diluluskan oleh pihak Majlis disebabkan tidak mendapat kelulusan permit bangunan. Sehingga 1 Julai 2010, sebanyak 16 pengusaha rumah tumpangan telah berlesen. Pihak MPAG juga memaklumkan program pemutihan di mana kelonggaran terhadap syarat pengeluaran lesen rumah tumpangan secara berperingkat akan dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan lesen rumah tumpangan adalah kurang memuaskan kerana terdapat rumah tumpangan tidak berlesen yang mana boleh memberi tanggapan negatif jika diketahui oleh orang awam.

5.4.4 Operasi Lombong Pasir Sebelum Memohon Lesen

Undang-undang Kecil Pelesenan Perdagangan, Perniagaan dan Perindustrian (MDJ) 1985 menetapkan setiap permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Di Pertua dalam borang yang ditetapkan.

Semakan Audit terhadap enam fail pelesen lombong pasir di MPJ mendapati gambar premis dalam borang permohonan lesen premis perniagaan menunjukkan perniagaan telah beroperasi sebelum permohonan lesen seperti di **Foto 5.4**. Hasil laporan pemeriksaan premis perniagaan oleh MPJ juga mengesahkan perniagaan telah dimulakan semasa permohonan lesen dibuat.

Lawatan Audit pada 3 November 2009 ke Kampung Orang Asli Solok Terentak, Selandar mendapati satu premis lombong pasir telah beroperasi walaupun lesen masih dalam proses di MPJ seperti di **Foto 5.5**. Perkara ini berlaku kerana tiada koordinasi di antara Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin (PDTJ) dan MPJ. PDTJ sepatutnya memaklumkan kepada MPJ untuk tindakan pelesenan sebaik sahaja permit bahan batuan dikeluarkan kepada syarikat.

Foto 5.4
**Aktiviti Melombong Pasir Dalam Borang
Permohonan Lesen**



Sumber : Fail Pelesen No Akaun 10564 (MPJ)
Lokasi : Hutan Simpan Bukit Senggeh, Jasin
Tarikh : 15 November 2009

Foto 5.5
**Aktiviti Melombong Pasir Sedang Beroperasi
Dan Lesen Sedang Diproses**



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kampung Orang Asli, Solok Terentak,
Selendar
Tarikh : 3 November 2009

Pihak MPJ memaklumkan bahawa kompaun telah dikeluarkan ke atas pengusaha lombong pasir yang tidak berlesen. Selain itu satu surat telah dikeluarkan kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin dan Jabatan Perhutanan untuk memohon Jabatan terbabit dapat mengemukakan surat kelulusan permit pasir kepada pihak MPJ.

Pada pendapat Audit, pengurusan lesen lombong pasir kurang memuaskan kerana aktiviti melombong pasir telah beroperasi sebelum pengeluaran lesen.

5.4.5 Penjualan CD/VCD/DVD Cetak Rompak

Para 3(c) Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan menetapkan Kerajaan telah memutuskan penjualan CD/VCD/DVD cetak rompak adalah dilarang dan pihak Majlis boleh merampasnya. Syarat-syarat pengeluaran lesen premis hendaklah dimasukkan peruntukan bahawa pengusaha premis adalah dilarang menjual barang haram.

Lawatan Audit pada 3 November 2009 ke daerah Jasin mendapati sebuah premis yang dilesenkan telah menjual CD/VCD/DVD cetak rompak, manakala lawatan ke Pasar Malam Taman Maju Jasin mendapati salah satu penjaja pasar malam menjual CD/VCD/DVD cetak rompak seperti di **Foto 5.6** dan **Foto 5.7**.

Foto 5.6
Premis Menjual CD/VCD/DVD



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Kesang,Jasin
Tarikh : 3 November 2009

Foto 5.7
Menjual CD/VCD/DVD Di Pasar Malam



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pasar Malam Taman Maju Jasin
Tarikh : 11 November 2009

Semakan lanjut di MPJ mendapati syarat lesen tidak diperuntukkan mengenai larangan menjual CD/VCD/DVD cetak rompak.

Pihak MPJ memaklumkan tindakan memasukkan larangan menjual CD/VCD/DVD cetak rompak telah disertakan dalam syarat permohonan lesen perniagaan pasar malam pada 30 Jun 2010.

Pada pendapat Audit, pengurusan lesen terhadap penjualan CD/VCD/DVD kurang memuaskan kerana larangan menjual barang haram tidak dimasukkan dalam syarat pengeluaran lesen. Larangan ini perlu dimasukkan bagi tujuan penguatkuasaan.

5.4.6 Kompaun

Tawaran Kompaun Kesalahan MPAG menyatakan bahawa orang yang kena kompaun (OKK) perlu menjelaskannya dalam tempoh tujuh hari dari tarikh tawaran kompaun kesalahan dikeluarkan. Berdasarkan prosedur pengeluaran kompaun yang ditetapkan, Bahagian Undang-undang akan mengeluarkan amaran pertama untuk kompaun yang masih belum dijelaskan selepas sebulan. Jika ia berterusan untuk tempoh dua bulan amaran kedua akan dihantar kepada OKK dan notis tindakan mahkamah akan dikeluarkan kepada OKK.

Semakan Audit mendapati sejumlah 6,439 kes daripada tahun 2007 hingga bulan Julai 2009 masih belum diambil tindakan mahkamah oleh Bahagian Penguin kuasa. Semakan lanjut mendapati salinan tawaran kompaun tidak dicatatkan nilai kompaun yang dikeluarkan kepada OKK. Daftar kompaun juga tidak menunjukkan nilai kompaun yang perlu dikenakan kepada OKK. Bilangan kompaun adalah seperti di **Jadual 5.3**. Sampel tawaran kompaun tanpa nilai yang dikeluarkan MPAG seperti di **Foto 5.8**.

Jadual 5.3
Kompaun Yang Belum Diambil Tindakan Susulan
Bagi Tempoh 2007 Hingga Julai 2009

Tahun	Bil Kompaun
2007	1,175
2008	1,206
Sehingga Julai 2009	4,058
Jumlah	6,439

Sumber: Rekod Bahagian Penguatan kuasa MPAG

Foto 5.8
Kadar Kompaun Tidak Dinyatakan

Ruang 'RM' yang tidak diisi

Sumber: Rekod MPAG

Pada pendapat Audit, bilangan kompaun yang semakin meningkat dari tahun 2007 hingga Julai 2009 menunjukkan wujud kelemahan yang ketara dalam menguatkuasakan Undang-undang Kecil oleh MPAG.

5.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan pelesenan yang dijalankan oleh MPAG dan MPJ adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara dalam pengurusan lesen yang perlu dipertingkatkan khususnya di dalam menguatkuasakan undang-undang kecil dan memudahkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan aktiviti pelesenan, adalah disyorkan supaya Majlis memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a) Lokasi premis dan kemudahan yang disediakan oleh Majlis perlu dikaji dengan teliti bagi memastikan ia menarik minat peniaga untuk menyewa.
- b) Undang-undang Kecil yang telah diwartakan perlu dilaksanakan.
- c) Syarat kelulusan lesen rumah tumpangan perlu dikaji bagi memastikan semuanya berlesen dan bagi menjamin keselamatan orang awam yang mendiaminya.
- d) Kerja pemantauan dan penguatkuasaan secara efektif perlu dijalankan dalam memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi. Koordinasi Majlis dengan Unit Promosi

Pelancongan, Jabatan Ketua Menteri, Pejabat Daerah Dan Tanah dan lain-lain Jabatan/Agensi perlu diwujudkan bagi mendapatkan maklumat lesen-lesen yang boleh dikutip.

- e) Lesen yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah dimasukkan syarat bahawa pengusaha premis dilarang menjual barang haram.
- f) Tawaran kompaun yang telah dikeluarkan perlu diambil tindakan susulan secara berkala. Kadar maksimum untuk tawaran kompaun hendaklah dikuatkuasakan segera.

MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

6. PENGURUSAN HARTANAH

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1 Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) adalah merupakan pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas, nazr am dan amanah daripada segala perihal yang mewujudkan amanah khairat selaras dengan Seksyen 77 dan 78 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) Tahun 2002 (Enakmen). Sehubungan itu, MAIM telah menetapkan objektif untuk memastikan semua harta wakaf dan baitulmal diletakhak di atas nama MAIM.

6.1.2 Aktiviti MAIM dilaksanakan melalui enam bahagian iaitu Unit Pentadbiran dan Perkhidmatan, Unit Kewangan dan Akaun, Unit Sumber Maklumat, Unit Wakaf dan Sumber Am, Unit Zakat dan Unit Balai Islam. Pengurusan harta tanah MAIM (harta wakaf dan baitulmal) adalah di bawah tanggungjawab Unit Wakaf dan Sumber Am yang mempunyai fungsi seperti berikut:

- a) Menyelaras dan menyelesaikan pengurusan tanah wakaf dan hal yang berhubung dengan harta yang tidak berwaris;
- b) Mengenal pasti dan memajukan tanah dan harta wakaf di Negeri Melaka sama ada melalui rancangan projek perindustrian, perumahan, perdagangan serta menyeragamkan pentadbiran;
- c) Mentadbir dan memastikan bayaran sewa bagi rumah sewa wakaf Kampung Hulu dan Kampung Keling serta rumah sewa yang diperoleh dari wakaf am dan wakaf khas;
- d) Membangun dan meningkatkan hasil harta wakaf dan baitulmal melalui usaha sama dengan agensi lain; dan
- e) Mengenal pasti tanah yang berpotensi untuk pengambilan balik tanah bagi tujuan Agama Islam.

6.1.3 Sehingga akhir tahun 2008, MAIM mempunyai nilai harta tanah berjumlah RM37.43 juta. Butiran harta tanah MAIM adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Jenis dan Nilai Hartanah MAIM
Sehingga Akhir Tahun 2006 Hingga 2008

Jenis Hartanah	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Bangunan	8.68	19.65	28.32
Tanah	18.81	19.13	9.11
Jumlah	27.49	38.78	37.43

Sumber: Penyata Kewangan MAIM Tahun 2006 Hingga 2008

6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan harta MAIM dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan berlandaskan Enakmen dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

6.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan terhadap harta meliputi proses penerimaan, perekodan, penyenggaraan, pembangunan dan pelupusan harta MAIM bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. Sampel yang dipilih adalah 45 daripada 54 (83.33%) fail wakaf yang telah di rekod dan 45 daripada 56 (80.36%) fail baitulmal yang telah direkod.

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak rekod di MAIM seperti fail, minit mesyuarat, kertas cadangan, daftar harta wakaf dan faraid serta membuat lawatan ke lokasi yang dipilih serta meninjau kemajuan projek pembangunan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dilakukan bagi mendapatkan penjelasan.

6.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya pengurusan harta MAIM adalah kurang memuaskan. Akibat kegagalan projek usaha sama dengan Regal Merger Sdn. Bhd. (RMSB), MAIM terpaksa mendahului wang zakat berjumlah RM13.85 juta bagi membina Kompleks MAIM. Sehingga tarikh pengauditan, MAIM masih belum mendapat baki ganti rugi dari RMSB berjumlah RM3.45 juta. Kelemahan lain yang diperhatikan ialah pengubahsuaian ruang dalam Kompleks Perniagaan Al-Azim yang tidak merujuk kepada Jabatan Kerja Raya Melaka. Kos pengubahsuaian Kompleks Perniagaan Al-Azim untuk disewa kepada Jabatan Agama Islam Melaka telah ditanggung oleh MAIM melalui pendahuluan dari peruntukan Baitulmal berjumlah RM1.80 juta. Pengurusan harta, penyelenggaraan rekod harta dan pemantauan harta MAIM pula adalah lemah. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

6.4.1 Kelemahan Pengurusan Pembangunan Hartanah

Projek yang diaudit adalah projek pembangunan secara usaha sama dan projek pengubahsuaian seperti berikut:

a) Projek Pembangunan Secara Usaha Sama Dengan Regal Merger Sdn. Bhd. (RMSB)

MAIM telah menandatangani satu perjanjian usaha sama dengan RMSB pada 13 Disember 2002. RMSB dikehendaki membina Kompleks MAIM di PT 1155, Bandar Bukit Baru, Daerah Melaka Tengah dalam tempoh 18 bulan dari tarikh surat perjanjian ditandatangani dengan kos pembinaan berjumlah RM10.16 juta. Sebagai balasan,

RMSB diberi hak membangunkan tanah di PT 83 dan MAIM akan memindah milik PT 83 kepada RMSB sebaik sahaja pembinaan Kompleks MAIM selesai.

i) Kegagalan Membangunkan Kompleks MAIM

RMSB telah mengingkari perjanjian dengan tidak membina Kompleks MAIM sehingga tamat tempoh perjanjian pada 13 Jun 2004, sebaliknya membina projek pembangunan lima tingkat Kompleks Perniagaan dan 30 unit rumah kedai tiga tingkat di atas PT 83. Mesyuarat MAIM Bil. 2 Tahun 2004 pada 10 Julai 2004 telah memutuskan untuk menamatkan perjanjian asal. Mesyuarat juga bersetuju supaya RMSB mengemukakan perjanjian baru bagi membenarkan RMSB meneruskan pembangunan di PT 83 dan menanggung kos pembangunan Kompleks MAIM.

Semakan Audit terhadap kronologi perjanjian usaha sama yang disediakan oleh MAIM mendapati RMSB telah meneruskan pembangunan di PT 83 tanpa mengemukakan perjanjian baru kepada MAIM sehingga projek selesai pada tahun 2007. Kegagalan RMSB membina Kompleks MAIM menyebabkan MAIM terpaksa membangunkan sendiri Kompleks tersebut berjumlah RM13.85 juta dengan menggunakan peruntukan wang zakat. Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan Negeri Melaka Bil. 1 Tahun 2005 bertarikh 1 Februari 2005 telah memutuskan RMSB membayar ganti rugi sejumlah RM10.16 juta. Sehingga tarikh akhir pengauditan RMSB cuma membayar kepada MAIM sejumlah RM1 juta dalam bentuk tunai dan serahan bangunan bernilai RM5.71 juta, manakala baki berjumlah RM3.45 juta tidak dilunaskan oleh RMSB.

Pada pendapat Audit, MAIM telah gagal memantau RMSB dalam pematuhan syarat perjanjian penswastaan. MAIM tidak melaksanakan kuasa yang ada padanya untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap RMSB walaupun dengan jelas RMSB telah melanggar syarat perjanjian.

ii) Surat Perwakilan Kuasa Projek Tidak Dibatalkan

Bagi memastikan proses pembangunan yang dirancang oleh MAIM berjalan dengan lancar, Surat Perwakilan Kuasa akan diberi kepada RMSB bagi menguruskan hal-hal berkaitan pembangunan tanah. Surat Perwakilan Kuasa telah dikeluarkan bersama dokumen perjanjian pada 13 Disember 2002.

Semakan Audit mendapati pembatalan perjanjian usaha sama pada 10 Julai 2004 tidak melibatkan pembatalan Surat Perwakilan Kuasa yang diberikan kepada RMSB. Semakan selanjutnya di dokumen kronologi mendapati berlaku kecuaian oleh pihak MAIM kerana menyerahkan Surat Hak Milik tanah PT 83 kepada RMSB pada 13 Oktober 2006 selepas perjanjian ditamatkan. Surat perwakilan kuasa yang tidak dibatalkan telah membenarkan RMSB bertindak tanpa pengetahuan MAIM ke atas pemilikan PT 83.

Pihak RMSB telah memecah PT 83 kepada lima lot kecil iaitu Lot 105 hingga Lot 109 dengan kelulusan Pejabat Tanah Dan Galian Melaka pada 14 Disember 2006. Selanjutnya, RMSB telah berjaya menjual Lot 106 pada 7 Februari 2007 kepada BC Lim Enterprise dengan harga RM10.5 juta dan Lot 105 kepada Universiti Terbuka Malaysia pada 8 Oktober 2007 dengan harga RM10.4 juta seperti di **Foto 6.1** dan **Foto 6.2**. Manakala bagi Lot 107, Lot 108 dan Lot 109 telah dikaveat oleh pihak MAIM pada 18 Oktober 2007 sebaik sahaja mengetahui RMSB telah menjual dua lot tanah tersebut kepada pihak ketiga.

Foto 6.1
Tanah Dan Bangunan MAIM
Terjual Kepada BC Lim Enterprise



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi : PT106, Mukim Bukit Baru, Melaka
Tarikh : 13 September 2009

Foto 6.2
Tanah MAIM Dijual
Kepada Universiti Terbuka Malaysia



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi : PT105, Mukim Bukit Baru, Melaka
Tarikh : 13 September 2009

Pihak MAIM memaklumkan tidak mengetahui kewujudan Surat Perwakilan Kuasa. Kewujudan surat ini hanya diketahui oleh pihak MAIM melalui carian rasmi yang dibuat pada 2 Julai 2007 setelah mendapat maklumat bahawa sebahagian tanah di atas Lot PT 83 telah terjual kepada BC Lim Enterprise Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, sepatutnya pihak MAIM mengetahui kewujudan Surat Perwakilan Kuasa kerana surat tersebut telah ditandatangani oleh Pengurus MAIM pada 13 Disember 2002 bersamaan dengan tarikh perjanjian asal. MAIM juga didapati telah menyerahkan Surat Hak Milik PT 83 kepada RMSB pada 13 Oktober 2006 tanpa menyedari akibat daripada penyerahan tersebut.

b) Projek Pengubahsuaian Kompleks Perniagaan Al-Azim, Bukit Palah

Projek pengubahsuaian Kompleks Perniagaan Al-Azim telah diluluskan dalam Mesyuarat Bajet MAIM bagi tahun 2009. Berikutnya itu, satu tawaran tender telah dikeluarkan bagi kerja pengubahsuaian ruang pejabat untuk enam lot premis bangunan Kompleks Perniagaan Al-Azim. Tujuan pengubahsuaian adalah untuk disewakan kepada Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Semakan Audit terhadap projek ini mendapati kelemahan seperti berikut:

i) Tidak Merujuk Kepada Jabatan Kerja Raya

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1995 para 9.2 menyatakan kuasa meluluskan pelantikan juru perunding diberi kepada Lembaga Perolehan Jabatan/Agensi bagi kos juru perunding yang kurang daripada RM1.0 juta dan hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Teknikal seperti Arahan Perbendaharaan 182.1.

Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pihak MAIM ada memohon untuk menggunakan khidmat Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka semasa perancangan awal projek pengubahsuaian ini. Semakan selanjutnya mendapati MAIM telah melantik Mustapha Akitek sebagai juru perunding bagi melaksanakan projek pengubahsuaian ruang dalaman Kompleks Perniagaan Al-Azim dengan kos perunding berjumlah RM0.16 juta. Perjanjian pelantikan Mustapha Akitek sebagai juru perunding telah ditandatangani pada 10 Februari 2009.

Pihak MAIM memaklumkan telah menubuhkan Jawatankuasa Perolehan MAIM. Semua kerja pembekalan dan pemberian akan dilaksanakan dan dibentangkan kepada urus setia Jawatankuasa Perolehan MAIM untuk ulasan dan kelulusan.

Pada pendapat Audit, pengubahsuaian ruang dalaman Kompleks Perniagaan Al-Azim yang tidak merujuk kepada Jabatan Kerja Raya Negeri akan memberi kesan kepada keselamatan pegawai kerana berkemungkinan ruang pejabat tersebut tidak selamat diduduki disebabkan tidak disahkan oleh pegawai teknikal yang bertauliah.

ii) Pengubahsuaian Ditanggung Oleh MAIM

Arahan Perbendaharaan 182.1 (d) menyatakan untuk kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian, kebenaran tuan punya bangunan hendaklah diperoleh terlebih dahulu.

Semakan Audit mendapati MAIM telah bersetuju untuk menyewakan enam lot premis perniagaan Kompleks Perniagaan Al-Azim kepada Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Bagaimanapun, JAIM memohon kepada MAIM untuk menanggung kos pengubahsuaian tersebut. Semakan lanjut mendapati kos pengubahsuaian telah ditanggung oleh MAIM melalui pendahuluan dari peruntukan baitulmal berjumlah RM1.80 juta. Tiada perjanjian ditandatangani oleh pihak MAIM dan JAIM untuk membayar balik pendahuluan ini. Melalui surat bertarikh 13 Oktober 2009, JAIM telah bersetuju untuk membayar balik pendahuluan melalui bayaran ansuran dalam tempoh lima tahun.

Pihak MAIM memaklumkan pembayaran balik pendahuluan oleh JAIM secara ansuran selama lima tahun dengan kadar RM6,000 sebulan telah dimasukkan dalam perjanjian sewa yang ditandatangani pada 1 Mei 2010.

Pada pendapat Audit, JAIM sepatutnya menanggung kos pengubahsuaian kerana JAIM yang akan menyewa bangunan MAIM.

6.4.2 Pengurusan Tanah Wakaf

Wakaf merupakan pemberian harta sama ada tanah, bangunan dan sebagainya kepada pentadbir wakaf. Wakaf tersebut bertujuan untuk kebajikan pewakaf dan masyarakat Islam.

a) Kelewatan Pendaftaran Tanah Wakaf

Borang permohonan (Borang A) yang lengkap diisi oleh pewakaf mengikut panduan wakaf hendaklah dikemukakan ke MAIM. Pewakaf juga dikehendaki memenuhi dan mengemukakan bersama perkara berikut:

- i) Surat Pengakuan untuk mewakafkan tanah;
- ii) Borang Pindah Milik (Borang 14A) atau Borang Serah Balik Tanah (Borang 12A atau 12B);
- iii) Salinan Geran yang disahkan;
- iv) Pelan lokasi menandakan tempat yang hendak diwakafkan jika mewakafkan sebahagian tanah sahaja; dan
- v) Salinan Kad Pengenalan.

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2006 hingga November 2009, MAIM telah menerima 54 permohonan mewakafkan tanah. Sejumlah 45 permohonan telah disemak dan didapati sembilan daripada 45 permohonan (20%) tidak didaftarkan dalam tempoh 21 hingga 164 bulan. Proses peletakan hak mengambil masa yang panjang adalah disebabkan tiada senarai semak permohonan disediakan oleh MAIM. Cukai tanah pewakaf tertungggak. Geran lewat diserahkan oleh pewakaf kepada Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) untuk pembatalan hak milik. Surat pengesahan status hak milik tanah wakaf lewat dikemukakan oleh MAIM kepada PDT. Dokumen permohonan tidak lengkap dan pewakaf tidak menyertakan pelan lokasi tanah untuk diwakafkan. Tempoh proses peletakan hak MAIM atas tanah yang diwakafkan berdasarkan fail yang diaudit setakat 30 November 2009 adalah seperti di **Jadual 6.2**.

**Jadual 6.2
Tempoh Proses Pendaftaran Pewakafan Setakat 30 November 2009**

Bil.	No. Lot	Mukim	Tarikh Penyerahan Kepada Pejabat Daerah Dan Tanah	Tempoh Proses (Bulan)	Tujuan Pewakafan
1.	880 MCL 1223	Bukit Rambai	5.3.1996	164	Pembinaan Sekolah Agama
2.	105 GMMCL 407	Ayer Molek	21.11.2003	72	Tidak Dinyatakan
3.	219 GMMCL 165	Balai Panjang	9.3.2004	68	Tidak Dinyatakan
4.	1454 DSPN 1424	Kelemak	3.4.2004	67	Tidak Dinyatakan
5.	473 GMMCL 330	Duyung	14.4.2005	55	Tidak Dinyatakan
6.	824 GMM 476	Bukit Baru	19.4.2005	55	Tidak Dinyatakan

Bil.	No. Lot	Mukim	Tarikh Penyerahan Kepada Pejabat Daerah Dan Tanah	Tempoh Proses (Bulan)	Tujuan Pewakafan
7.	2427 GMMCL 1614	Bukit Rambai	26.6.2006	39	Tidak Dinyatakan
8.	2356 GMM 994	Kesang	30.3.2007	32	Tidak Dinyatakan
9.	445 GMMCL 155	Jasin	26.2.2008	21	Pembinaan Sekolah Agama

Sumber: Rekod MAIM

Pihak MAIM memaklumkan hanya permohonan yang lengkap sahaja diproses dan dibukakan fail selain akan menyediakan senarai semak. Tempoh selesai proses wakaf di peringkat MAIM termasuk dihantar ke Pejabat Daerah Dan Tanah akan ditetapkan 30 hari. Tindakan susulan ada dibuat oleh pihak MAIM tetapi tidak secara berkala. Setiausaha MAIM memaklumkan satu tempoh yang sesuai akan dibuat bagi memantau permohonan pewakafan dan membuat surat peringatan kepada Pejabat Tanah dan Daerah untuk mengetahui status terkini permohonan tersebut.

Pada pendapat Audit, proses pendaftaran tanah wakaf adalah kurang memuaskan kerana MAIM tidak membuat pemantauan secara berkala bersama Pejabat Daerah Dan Tanah untuk mengetahui status pindah milik. Senarai semak permohonan tidak disediakan bagi memantau proses pewakafan dan tempoh memproses permohonan wakaf tidak ditetapkan.

b) Kaedah Meletak Hak Milik Tanah

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan tiga kaedah untuk meletak hak milik ke atas tanah yang diwakafkan iaitu:

- i) Serah balik tanah.
- ii) Pindah milik.
- iii) Peletakan hak berkanun di bawah Seksyen 416C Kanun Tanah Negara (KTN).

Bagi tempoh tahun 2006 hingga November 2009, terdapat 47 permohonan disemak di mana 21 permohonan menggunakan kaedah serah balik tanah dan 24 permohonan menggunakan kaedah pindah milik. Manakala terdapat dua permohonan menggunakan kaedah peletakan hak berkanun tanah wakaf. Semakan Audit terhadap dua kaedah meletak hak milik tanah mendapati kelemahan seperti berikut:

i) Kaedah Serah Balik Tanah

Pewakaf diminta menyerah tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 197 KTN dengan menggunakan Borang Serah Balik Tanah (Borang 12A) bagi keseluruhan tanah atau Borang 12B di bawah Seksyen 200 KTN bagi sebahagian tanah. Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi milik kepada MAIM atau merizabkan tanah tersebut dengan meletakkan MAIM sebagai Pegawai Pentadbir di bawah

Seksyen 62 KTN. Bagi penyerahan tanah jika sekiranya terdapat kepentingan berdaftar seperti gadaian, pajakan atau penyewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran, persetujuan pewaris atau badan yang berkepentingan perlu diperoleh secara bertulis oleh tuan punya tanah terlebih dahulu.

Semakan Audit mendapati sembilan daripada 21 permohonan masih belum selesai diletak hak atas nama MAIM walaupun terdapat permohonan yang telah dibuat semenjak tahun 1996. Tempoh proses peletakan hak mengambil masa yang lama disebabkan pertelingkahan antara waris, penglibatan pihak ketiga seperti pengesahan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Pejabat Daerah Dan Tanah semasa proses pendaftaran hak milik. Kelewatan proses pewakafan ini menyebabkan tanah yang hendak diwakafkan tidak dapat dimanfaatkan untuk tujuan ianya diwakafkan.

Pihak MAIM memaklumkan proses pewakafan menggunakan Seksyen 12B dan 12A Kanun Tanah Negara hanya akan diproses selepas pewakaf melaksanakan proses pecah bahagi sempadan.

Pada pendapat Audit, proses pindah milik melalui serah balik tanah adalah kurang memuaskan kerana MAIM tidak membuat pemantauan secara berkala bersama PDT untuk mengetahui status pindah milik.

ii) Kaedah Peletakan Hak Berkanun

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bil. 8 Tahun 1999 bertujuan menasihatkan semua Pendaftar Hak Milik dan Pentadbir Tanah berhubung pendaftaran tanah wakaf secara peletakan hak berkanun kepada Majlis Agama Islam (MAI) negeri-negeri di bawah Seksyen 416C Kanun Tanah Negara (KTN).

Menurut Pekeliling tersebut, MAI Negeri dibenarkan memohon peletakan hak berkanun bagi tanah yang hendak diwakafkan kepada Pendaftar Hak Milik dan Pentadbir Tanah di bawah Seksyen 416C KTN. Tujuannya adalah untuk menjaga kepentingan harta tanah yang telah diwakafkan tetapi masih belum dipindah milik ke Pihak Berkuasa Negeri.

MAIM telah mengguna pakai Seksyen 416C KTN bagi menyelesaikan kes Masjid Terentang dan Masjid Sungai Jernih. Tindakan ini tidak disokong oleh PDT kerana meminta perakuan pewaris dikemukakan walaupun Seksyen 416C KTN tidak mensyaratkannya. Masjid Kampung Terentang dan Masjid Sungai Jernih yang masih belum dipindah milik dengan menggunakan Seksyen 416C KTN adalah seperti di **Foto 6.3** dan **Foto 6.4**.

Foto 6.3
Masjid Kampung Terentang



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kg.Terentang, Jasin
Tarikh : 11 November 2009

Foto 6.4
Masjid Sungai Jernih



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi : Lubuk China, Melaka
Tarikh : 11 November 2009

Pada pendapat Audit, proses peletakan hak berkanun tanah wakaf gagal dilaksanakan di bawah Seksyen 416C KTN kerana PDT memohon perakuan pewaris dan dua orang saksi sedangkan tidak dinyatakan di Seksyen 416C KTN.

6.4.3 Daftar Harta Wakaf, Harta Faraid Dan Sewa Hartanah Tidak Kemas Kini

Perenggan 234 Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Bagi Majlis Agama Islam (Amalan Terbaik) menetapkan satu daftar aset tetap diselenggara untuk merekodkan butiran mengenai setiap aset tetap yang diselenggara. Manakala perenggan 321 di Amalan Terbaik menyatakan semua harta wakaf hendaklah direkodkan di dalam Daftar Wakaf. MAIM mengamalkan sistem perekodan data harta diselenggara secara manual. MAIM juga menguruskan daftar tanah bagi kes-kes harta pusaka melalui kaedah faraid yang terdapat hak Baitulmal dan harta yang diterima secara wakaf. Daftar ini hendaklah diselenggara dengan kemas kini supaya memudahkan pihak pengurusan mengetahui dengan mudah bilangan dan nilai harta diselenggara.

Semakan Audit mendapati daftar-daftar tersebut tidak di selenggara dengan lengkap dan kemas kini. Maklumat penting seperti keluasan tanah, nilai tanah, tarikh borang pewakafan/faraid dan tarikh penyerahan kepada PDT tidak diisi dalam daftar. Rekod harta diselenggara yang disewa didapati bercampur dengan harta diselenggara Baitulmal. Perkara ini berlaku kerana kurang pemantauan daripada pegawai penyelia. Ini menyukarkan rujukan dan semakan kedudukan terkini harta-harta yang diuruskan oleh MAIM.

Pihak MAIM memaklumkan bagi menambah baik penyelenggaraan perekodan harta diselenggara, pihak MAIM bercadang untuk menggunakan pakai Sistem Simpanan Data Geopastial (GIS) yang dibina oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Melaka.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan Daftar Harta Wakaf, Harta Faraid Dan Sewa Hartanah adalah tidak memuaskan.

6.4.4 Pemantauan

Pemantauan yang berterusan terhadap Pengurusan Harta Wakaf dan Baitulmal adalah penting bagi memastikan harta-harta tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Semakan Audit mendapati MAIM ada menjalankan pemantauan terhadap harta wakaf tetapi tidak dilaksanakan secara menyeluruh kerana terdapat kelemahan seperti berikut:

a) Pencerobohan Tanah Baitulmal Di Mukim Durian Tunggal

Lawatan Audit bersama pegawai MAIM pada 10 November 2009 di Lot 1292, Mukim Durian Tunggal Melaka mendapati sebuah rumah jenis kekal telah dibina di atas tanah tersebut tanpa kebenaran MAIM seperti di **Foto 6.5**. Kes ini telah di kaveat dan dibawa ke mahkamah untuk diselesaikan.

Foto 6.5
Rumah Didirikan Di Tanah Baitulmal



*Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Lokasi : Lot 1292 Mukim Durian Tunggal
Tarikh : 10 November 2009*

b) Tanah Wakaf Tidak Dapat Dikenal Pasti Lokasi

Lawatan Audit bersama pegawai MAIM pada 11 November 2009 terhadap 22 lokasi tanah wakaf dan baitulmal mendapati pegawai MAIM tidak dapat mengenal pasti lokasi sebenar dua lot tanah seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Tanah Wakaf Tidak Dapat Dikenal Pasti Lokasi

Bil.	No. Lot	Mukim	Keluasan Tanah	Status Tanah
1.	865 GMMCL 620	Padang Temu	Tiada Maklumat	Tanah Kosong
2.	1307 PM 33	Ayer Paa'bas	6.12 ekar	Tanah Kosong

Sumber: Rekod MAIM

Lokasi tanah tidak dapat dikenal pasti kerana MAIM tidak pernah membuat lawatan serta tidak membuat pengesahan di Pejabat Daerah Dan Tanah bagi mengenal pasti lokasinya secara tepat.

Pihak MAIM memaklumkan Bahagian Wakaf dan Sumber Am telah memohon untuk mendapatkan tambahan kakitangan bagi melaksanakan lawatan, pemantauan dan pemeriksaan terhadap tanah-tanah milik MAIM dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap tanah-tanah wakaf dan baitulmal adalah tidak memuaskan kerana MAIM tidak menjalankan pemeriksaan secara berkala.

6.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan harta tanah MAIM tidak diurus dengan cekap dan berkesan. Rekod yang tidak kemas kini serta pemantauan yang kurang berkesan adalah punca kelemahan yang perlu diberi perhatian. MAIM perlu mengadakan perancangan yang tersusun untuk pengurusan harta tanahnya. Ini adalah bagi memastikan tanah-tanah wakaf yang diamanahkan kepada MAIM boleh digunakan bagi tujuan meningkatkan sosioekonomi masyarakat Islam serta memenuhi hajat pewakaf. Bagi mencapai matlamat pengurusan harta tanah MAIM yang lebih cekap adalah disyorkan supaya MAIM memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a) Memantau projek pembangunan mengikut perjanjian dan merujuk kepada ulasan Pejabat Penasihat Undang-undang dan Jabatan Kerja Raya Negeri bagi memastikan projek terlaksana dan kepentingan MAIM dijaga.
- b) Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf dan Baitulmal bagi memastikan setiap harta tanah yang diwakafkan dapat dimanfaat seajar dengan niat pewakaf serta memberi pulangan kepada MAIM dan dapat memantapkan lagi ekonomi umat Islam khususnya.
- c) Mengambil tindakan segera bagi meletakkan hak MAIM ke atas harta tanah yang diterima secara wakaf atau faraid.
- d) Memantau harta yang diwakafkan dengan menubuhkan jawatankuasa atau penguasaan kuasa supaya harta wakaf dan baitulmal dapat dimanfaatkan serta mengelak daripada dicerobohi dan memastikan harta berkenaan dalam keadaan terkawal.
- e) Membuat lawatan fizikal secara berkala dengan kerjasama Pejabat Daerah Dan Tanah bagi menentu sahkan lokasi tanah wakaf dan baitulmal.
- f) Menyediakan Daftar Harta Wakaf, Daftar Faraid dan Daftar Sewaan Hartanah secara khusus, lengkap dan kemas kini.



BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

7. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang mana lebih daripada 50% modal saham berbayarnya adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Satu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 yang telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah mengaudit syarikat subsidiari Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka iaitu Melaka International Trade Centre Sdn. Bhd. dan syarikat subsidiari Perbadanan Ketua Menteri Melaka iaitu Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

8. MELAKA INTERNATIONAL TRADE CENTRE SDN. BHD.

8.1 LATAR BELAKANG

8.1.1 Melaka International Trade Centre Sdn. Bhd. (MITC) adalah merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dengan modal berbayar sejumlah RM1.0 juta dan telah beroperasi mulai tahun 2003. Objektif MITC adalah untuk menyediakan tempat persidangan, konvensyen, tempat perniagaan dan pameran yang terbesar di Melaka. Aktiviti yang telah dijalankan di MITC adalah pameran pengguna, pusat pelancongan antarabangsa, persidangan raja-raja, pameran pelaburan antarabangsa, pusat seminar dan konvensyen. Pada tahun 2009, MITC dianggotai oleh tujuh orang Ahli Lembaga Pengarah.

8.1.2 Pengurusan MITC diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh tujuh orang pegawai pengurusan dan sembilan orang pegawai sokongan. Pengurusan MITC adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Akta Buruh 1955, pekeliling dan lain-lain peraturan yang perlu dipatuhi oleh Syarikat Kerajaan.

8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pelaburan Kerajaan/Agensi kepada MITC telah diurus dan digunakan dengan ekonomi, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

8.3 SKOP DAN KAEDEAH PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2007 hingga 2009. Sementara analisis maklumat kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2007 hingga 2009.

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal terhadap aset. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai MITC juga dilaksanakan.

8.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Mac hingga Mei 2009 mendapati MITC mengalami kerugian bersih bagi dua tahun berturut-turut iaitu bagi tahun kewangan 2007 dan 2008. Pengurusan aktiviti utama Syarikat adalah kurang memuaskan di mana terdapat beberapa kelemahan seperti masalah aliran tunai sehingga menyebabkan pinjaman, pendahuluan dan sewa tertunggak dengan PKNM, kerosakan bangunan tidak diperbaiki, kamera litar tertutup tidak berfungsi, bonus di bayar walaupun Syarikat mengalami kerugian dan tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Penjelasan lanjut berhubung prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Syarikat adalah seperti berikut:

8.4.1 Prestasi Kewangan


Perbandingan prestasi kewangan bagi tahun 2007 hingga 2009 secara keseluruhan mendapati MITC mengalami kerugian bersih bagi dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2007 dan 2008 masing-masing berjumlah RM1.90 juta dan RM1.00 juta, manakala tahun 2009 MITC memperoleh keuntungan bersih sejumlah RM0.75 juta. Kerugian semakin menurun kerana faktor peningkatan ke atas pendapatan dan pendapatan lain. Pendapatan MITC meningkat pada tahun 2009 berbanding tahun sebelumnya kepada RM8.05 juta (79.3%) dan pendapatan lain meningkat kepada RM 1.33 juta (13,200%). Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi MITC bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 8.1** dan **Carta 8.1**.

Jadual 8.1
Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung/(Rugi) Bagi
Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	4.19	4.49	8.05
Perbelanjaan Operasi	1.37	1.28	7.04
Untung Kasar	2.82	3.21	1.01
Pendapatan Lain	-	0.01	1.33
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	4.71	4.21	1.58
Untung/(Rugi) Operasi	(1.89)	(0.99)	0.76
Kos Kewangan	0.01	0.01	0.01
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(1.90)	(1.00)	0.75
Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Bersih	(1.90)	(1.00)	0.75

Sumber: Penyata Kewangan MITC

Carta 8.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung/(Rugi)
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan MITC

Sumber: Penyata Kewangan MITC

a) Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan MITC, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan MITC bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Analisis Nisbah Kewangan MITC Bagi
Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2007	2008	2009
i.	Nisbah Semasa	0.26:1	0.28:1	0.39:1
ii.	Margin Keuntungan	(0.45):1	(0.22):1	0.08:1
iii.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	(0.61):1	(0.26):1	0.13:1
iv.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	(1.90):1	(1.00):1	0.75:1

Sumber: Penyata Kewangan MITC

Huraian terperinci bagi nisbah yang disenaraikan dalam **Jadual 8.2** adalah seperti berikut:

- i) **Nisbah Semasa** - Mengikut analisis Audit, nisbah semasa MITC bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah sangat rendah di mana setiap RM1.00 liabiliti hanya mampu ditanggung oleh masing-masing RM0.26, RM0.28 dan RM0.39 nilai aset semasa. Perkara ini berlaku kerana liabiliti semasa MITC yang terdiri daripada pemutang perniagaan, pelbagai pemutang dan akruan serta pemutang sewa beli semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Pada pendapat Audit, nisbah semasa MITC bagi ketiga-tiga tahun berkenaan adalah tidak memuaskan kerana kurang daripada kadar 2:1. Oleh itu MITC tidak berupaya melunaskan liabiliti semasa dengan menggunakan aset semasanya.

- ii) **Margin Keuntungan** - Analisis Audit mendapati, MITC mengalami kerugian dua tahun berturut-turut daripada tahun 2007 hingga tahun 2008. Pada tahun 2007, bagi setiap RM1.00 hasil jualan, margin kerugian yang dialami adalah RM0.45, manakala pada tahun 2008 pula, margin kerugian menurun kepada RM0.22. Walaupun MITC dapat mengurangkan kerugian yang dialami, namun kerugian terkumpul pada tahun-tahun sebelumnya tetap memberi kesan kepada kewangan MITC di samping kos pentadbiran dan operasinya yang tinggi dari tahun ke tahun. Sewaan bangunan milik PKNM berjumlah RM1.41 juta setahun merupakan sebab utama MITC mengalami kerugian setiap tahun. Menurut rekod perakaunan sehingga 31 Disember 2008, MITC masih mempunyai tunggakan sewa bangunan dengan PKNM sejumlah RM7.02 juta. Walau bagaimanapun, pada tahun 2009 MITC memperoleh keuntungan sejumlah RM0.75 juta. Faktor utama yang menyebabkan MITC memperoleh keuntungan pada tahun tersebut adalah kerana pelupusan berperingkat ke atas sewaan bangunan PKNM sejumlah RM1.33 juta daripada jumlah keseluruhan RM7.02 juta.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan MITC bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah tidak memuaskan kerana MITC mempunyai tanggungan yang tinggi sehingga tidak dapat dibiayai oleh aset dan ekuitinya. Bagaimanapun, penurunan kerugian semasa MITC dan keuntungan pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan yang positif berbanding tahun sebelumnya.

- iii) **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** - Analisis Audit mendapati setiap RM1.00 nilai aset yang digunakan pada tahun 2007 dan 2008, MITC mengalami pulangan atas aset yang negatif masing-masing sejumlah RM0.61 dan RM0.26. Faktor utama yang menyumbang kepada pulangan negatif terhadap aset MITC adalah kerana perbelanjaan pentadbiran dan operasi yang tinggi dan melebihi untung kasar Syarikat. Walau bagaimanapun, pada tahun 2009 setiap RM1.00 nilai aset yang

digunakan MITC memperoleh kepulangan atas aset yang positif iaitu sejumlah RM0.13.

Pada pendapat Audit, pulangan atas aset adalah tidak memuaskan kerana setiap RM1.00 aset yang dilaburkan *bagi tahun 2007 dan 2008* tidak memberi pulangan yang positif dalam tempoh dua tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, pada tahun 2009 MITC telah mulai memperoleh pulangan positif ke atas penggunaan asetnya.

- iv) **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti -** Analisis Audit mendapati pada tahun 2007 dan 2008 tiada pulangan yang diterima atas setiap RM1.00 ekuiti yang digunakan kerana tahun-tahun tersebut MITC mengalami pulangan negatif masing-masing sejumlah RM1.90 dan RM1.00. Faktor utama yang menyumbang kepada pulangan negatif atas ekuiti MITC adalah kerana perbelanjaan pentadbiran dan operasi yang tinggi dan melebihi untung kasar Syarikat. Walau bagaimanapun, pada tahun 2009 setiap RM1.00 ekuiti yang digunakan MITC memperoleh pulangan atas ekuiti yang positif iaitu sejumlah RM0.75.

Pada pendapat Audit, pulangan atas ekuiti adalah tidak memuaskan bagi tahun 2007 dan 2008 kerana MITC tidak dapat menjana pulangan positif atas ekuitinya bagi tempoh tahun-tahun tersebut. Bagaimanapun, pada tahun 2009 MITC telah mulai memperoleh pulangan positif ke atas penggunaan ekuitinya.

8.4.2 Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif.

a) Perbezaan Rekod Baki Pinjaman Dan Pendahuluan Dengan PKNM

Arahan Perbendaharaan 143(a) menetapkan bahawa buku akaun utama, contohnya buku tunai dan lejar hendaklah diselenggara dengan rekod-rekod kecil sebagaimana perlu. Semua buku-buku akaun hendaklah diimbang setiap bulan dan baki dalam lejar kecil hendaklah disamakan dengan akaun kawalan yang berkenaan.

Semakan Audit mendapati MITC telah menerima pinjaman berjumlah RM1.0 juta pada tahun 2005 dan pendahuluan sejumlah RM1.59 juta daripada PKNM bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008. Sehingga April 2010, perjanjian pinjaman masih belum disediakan. MITC hanya berkemampuan menjelaskan hutang sejumlah RM0.17 juta kepada PKNM kerana **masalah kewangan dan aliran tunai yang serius**. Lejar pemutang di MITC berjumlah RM6.99 juta, manakala lejar pengutang di PKNM berjumlah RM9.84 juta pada 31 Januari 2009. **Ini menunjukkan perbezaan sejumlah RM2.85 juta.**

Semakan lanjut mendapati MITC hanya menyediakan lejar pemutang PKNM tanpa mengklasifikasikan akaun pemutang kepada akaun sewaan dan pendahuluan.

Bagaimanapun, MITC ada mewujudkan lejar pinjaman secara berasingan. MITC juga didapati tidak menyediakan penyata penyesuaian pinjaman dan pendahuluan bagi menyesuaikan baki yang direkodkan di PKNM.

MITC memaklumkan akan mengambil tindakan menyemak semula perbezaan baki pinjaman dan pendahuluan yang direkodkan. Maklum balas MITC pada 1 Julai 2010, menjelaskan PKNM masih dalam proses merangka draf perjanjian pinjaman dan MITC telah mengambil tindakan dengan membuat pelarasan terhadap jumlah perbezaan baki pinjaman antara rekod di MITC dengan PKNM.

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod pinjaman dan pendahuluan adalah tidak memuaskan kerana MITC tidak menyediakan penyata penyesuaian bagi menyesuaikan baki pinjaman dan pendahuluan yang direkodkan di PKNM.

b) Kerosakan Bangunan Tidak Diperbaiki

Mengikut Perenggan 3(d) Perjanjian Sewa yang disediakan bagi tempoh bermula 1 Mei 2007 hingga 30 April 2009 menetapkan kerja pemberian besar akan dilaksanakan oleh pemilik bangunan. Perenggan 2(c) dan (d) pula menetapkan penyewa bertanggung jawab menyenggara antaranya sistem hawa dingin, pencegah kebakaran, lif dan eskalator, pendawaian dan kelengkapan elektrik, litar kamera tertutup dan siaraya serta membaiki bumbung yang mengalami kerosakan dan kebocoran.

Semakan Audit mendapati sehingga bulan September 2009, dokumen perjanjian sewa masih belum ditandatangani oleh MITC bagi menentukan pihak yang bertanggungjawab menjalankan penyenggaraan bangunan. Semakan lanjut mendapati mulai bulan Julai 2006, pihak pengurusan MITC menerima arahan daripada PKNM supaya mengambil alih dan menanggung kos penyenggaraan bangunan. Bagaimanapun kerosakan bangunan tidak dibaiki oleh MITC kerana masalah kewangan. Lawatan Audit pada 9 April 2009 ke lokasi bangunan mendapati terdapat pelbagai kerosakan dan kebocoran seperti di **Foto 8.1** hingga **Foto 8.4**.

Foto 8.1
Kerosakan Siling Akibat Resapan Air Hujan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Bilik Lembaga Pengarah MITC
Tarikh : 9 April 2009

Foto 8.3
Keretakan Bahagian Rusuk Bangunan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Tiang Pertama dan Kedua Berhadapan Dataran MITC
Tarikh : 9 April 2009

Foto 8.2
Kerosakan Siling Akibat Resapan Air Hujan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pintu Utama Di Lobi MITC
Tarikh : 9 April 2009

Foto 8.4
Kerosakan Siling Akibat Resapan Air Hujan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Dewan Pameran MITC
Tarikh : 9 April 2009

Pihak MITC memaklumkan perjanjian sewa bangunan telah ditandatangani tanpa tarikh dan belum dimatikan setem dan semua penyenggaraan kecil akan ditanggung oleh MITC manakala penyenggaraan berskala besar akan dilaporkan kepada PKNM untuk tindakan. Maklum balas MITC pada 1 Julai 2010 menyatakan pada pertengahan Jun 2010, PKNM telah membuat penilaian terhadap kerosakan bangunan bagi menentukan kos penyenggaraan bagi membaiki kerosakan tersebut dan perkara ini masih dalam perbincangan. Bagaimanapun, MITC telah menjalankan penyenggaraan kecil seperti menampal simen bagi menghalang keretakan menjadi lebih teruk.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan bangunan MITC adalah tidak memuaskan kerana pihak MITC bergantung kepada PKNM sebagai pemilik bangunan bagi melaksanakan kerja pembaikan berikutkan kedudukan kewangan MITC yang tidak kukuh.

c) Sistem Kamera Litar Tertutup Tidak Disenggarakan

Mengikut Lampiran B Perjanjian Sewa Bangunan, MITC bertanggungjawab menanggung kos senggaraan secara pakej dan komprehensif bagi sistem kamera litar tertutup di Kompleks MITC. Senggaraan merangkumi menggantikan keseluruhan kelengkapan kamera, sistem kabel serta pendawaian yang rosak. Laporan bulanan secara berkala perlu dikemukakan kepada PKNM bagi kerja senggaraan sistem kamera litar tertutup.

Semakan Audit mendapati kesemua 14 kamera litar tertutup tidak berfungsi sejak pertengahan tahun 2005. **Foto 8.5** dan **Foto 8.6** menunjukkan peralatan kamera litar tertutup MITC yang tidak berfungsi.

Foto 8.5
Kamera Litar Tertutup Tidak Berfungsi



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Lobi Aras Bawah MITC
Tarikh : 9 April 2009

Foto 8.6
Peralatan Kamera Litar Tertutup Tidak Berfungsi



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Bilik Kawalan
Tarikh : 9 April 2009

Mengikut pihak MITC, sistem kamera litar tertutup MITC tidak berfungsi kerana ia tidak disenggara dan memerlukan kos yang tinggi bagi menaik taraf peralatan dan kerja pendawaian. Masalah kewangan yang dihadapi oleh MITC menyebabkan tindakan tidak dapat diambil bagi memastikan sistem kamera litar tertutup berfungsi.

Pihak MITC memaklumkan akan membincangkan masalah penyenggaraan kamera litar tertutup serta keselamatan bangunan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Maklum balas MITC pada 1 Julai 2010 menyatakan bahawa sistem kamera litar tertutup telah berfungsi di bawah kendalian pihak operasi syarikat. Bagaimanapun, keadaan sistem tersebut masih perlu di naik taraf dan memerlukan penyenggaraan menyeluruh. MITC telah mendapatkan beberapa sebut harga bagi membaiki serta menyenggara sistem tersebut. Isu kamera litar tertutup ini juga telah dimaklumkan dalam mesyuarat pemantauan anak syarikat PKNM.

Pada pendapat Audit, pengurusan sistem kamera litar tertutup mula berfungsi hanya selepas teguran Audit.

8.4.3 Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal Syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan Syarikat, dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik akan dapat membantu Syarikat ini mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi Syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Bagi mempertingkatkan tadbir urus dalam sektor awam, Ketua Setiausaha Negara telah mengedarkan satu Garis Panduan Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam kepada semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri untuk dipraktikkan dan garis panduan ini perlu diterima pakai oleh Syarikat Kerajaan.

a) Pembayaran Dividen Tidak Pernah Dibuat

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 antaranya menyatakan dividen perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat kecuali jika syarikat tidak bercadang untuk membayar dividen hendaklah memberi butiran berikut:

- i) Sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar.
- ii) Cadangan bayaran bonus kepada kakitangan.
- iii) Cadangan penggunaan keuntungan dan asas-asasnya.
- iv) Kerugian terkumpul (jika ada).
- v) Tahun kewangan di mana kerugian terkumpul dijangka boleh dihapuskan dan dividen dapat dibayar.

Semakan Audit mendapati MITC tidak mengisyiharkan dividen kepada Kerajaan Negeri kerana ia mengalami kerugian. Berdasarkan penyata kewangan MITC bagi tahun 2006, 2007 dan 2008 menunjukkan MITC mengalami kerugian masing-masing berjumlah RM2.26 juta, RM1.90 juta dan RM1.00 juta. MITC didapati tidak mengemukakan sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993.

Maklum balas MITC pada 1 Julai 2010 menyatakan bahawa pembayaran dividen tidak pernah dibuat kerana MITC mengalami kerugian sepanjang beroperasi sehingga tahun 2008. Selepas teguran Audit, MITC akan mengambil tindakan mengemukakan surat kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi memaklumkan kerugian yang dihadapi. Bagaimanapun, dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2010 bertarikh 24 Jun 2010, mesyuarat telah bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah RM20,000 sebagai dividen bagi tahun 2009 kepada PKNM.

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan MITC tidak peka kepada Pekeliling Perbendaharaan berkaitan dividen kerana tidak pernah mengemukakan sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri.

b) Pembayaran Bonus Semasa Kerugian

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan pembayaran bonus kepada pegawai yang berkhidmat di Syarikat Kerajaan boleh dilaksanakan apabila Syarikat memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Perenggan 4 pekeliling ini juga menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri adalah diminta mematuhi Pekeliling ini selaras dengan keputusan Persidangan Menteri - Menteri Besar Dan Ketua - Ketua Menteri Ke 69 pada 10 Jun 1993. Bagi syarikat - syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Besar/Ketua Menteri.

Semakan Audit mendapati pembayaran bonus bagi tahun 2007 dan 2008 hanya diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan tidak dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Pembayaran bonus telah dibayar kepada kakitangan dan Ahli Lembaga Pengarah MITC bagi tahun 2007 berjumlah RM44,080 dan tahun 2008 berjumlah RM37,380, walaupun MITC mengalami kerugian semasa bagi tahun 2007 sejumlah RM1.90 juta dan tahun 2008 sejumlah RM1.0 juta. Jumlah bayaran bonus bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Bayaran Bonus Bagi Tahun 2007 Dan 2008

Perkara	2007 (RM)	2008 (RM)
Bonus - Kakitangan MITC	20,080	25,680
Bonus - Ahli Lembaga Pengarah	24,000	11,700
Jumlah Bonus Dibayar	44,080	37,380
Kerugian Tahun Semasa	(1,899,095)	(994,649)

Sumber: Rekod MITC

Pihak MITC mengambil maklum akan perkara yang dibangkitkan dan memaklumkan segala tindakan pemberian bonus di masa akan datang akan diusulkan kepada YAB Ketua Menteri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Maklum balas pada 1 Julai 2010, MITC bersetuju untuk menggunakan pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 dan akan memaklumkannya dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi pengesahan pemakaian pekeliling tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran bonus adalah tidak wajar kerana MITC mengalami kerugian. Kelulusan pembayaran bonus ini tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan ianya bercanggah dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993.

c) Pemantauan Oleh Lembaga Pengarah MITC

Seksyen 131B(1), Akta Syarikat 1965 menyatakan Lembaga Pengarah mempunyai semua kuasa yang diperlukan untuk mengurus, mengarah dan menyelia pengurusan urus niaga dan hal ehwal Syarikat yang tertakluk kepada apa-apa pengubahsuaian,

pengecualian atau had yang terkandung dalam Akta Syarikat atau dalam Memorandum atau perkara-perkara Syarikat.

Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah ada membincangkan laporan jualan, laporan kewangan, laporan perjawatan, aktiviti pemasaran dan operasi serta maklum balas mengenai perkara-perkara berbangkit. Antara tindakan yang diambil lanjutan daripada Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah menaikkan kadar sewaan dewan, mengenakan cukai perkhidmatan dan meningkatkan aktiviti pemasaran bagi meningkatkan jualan serta rancangan jangka panjang perniagaan.

Bagaimanapun, pihak Pengurusan MITC tidak membangkitkan isu penyenggaraan dan keselamatan bangunan untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah sejak tahun 2007 hingga 2009. Sementara kekerapan mesyuarat didapati semakin merosot di mana pada tahun 2008 hanya sekali sahaja mesyuarat diadakan berbanding tahun 2007 dan 2009. Butiran kekerapan Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4
Mesyuarat Lembaga Pengarah Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Bil. Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	Kekerapan Mesyuarat (Kali)
2007	1/2007	9.1.2007	3
	2/2007	8.5.2007	
	3/2007	2.10.2007	
2008	1/2008	19.6.2008	1
2009	1/2009	2.3.2009	3
	2/2009	8.5.2009	
	3/2009	16.10.2009	

Sumber: Rekod MITC

Maklum balas pada 1 Julai 2010, MITC telah memaklumkan kepada Setiausaha Syarikat bahawa bagi tahun 2010, Mesyuarat Lembaga Pengarah akan diadakan setiap 3 bulan sekali. Perkara ini telah dipersetujui oleh semua Ahli Lembaga Pengarah melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, pemantauan di peringkat Lembaga Pengarah adalah memuaskan kecuali terdapat isu penyenggaraan dan keselamatan bangunan tidak dibangkitkan oleh pihak pengurusan MITC untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

8.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan MITC selepas tujuh tahun beroperasi adalah kurang memuaskan dan perhatian yang sewajarnya perlu diberikan terhadap prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam pengurusan MITC, adalah disyorkan supaya MITC memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a)** Mempertingkatkan pendapatan dan memperkuuhkan prestasi kewangan Syarikat ini.
- b)** Menyediakan penyata penyesuaian akaun pinjaman dan pendahuluan bagi mengenal pasti perbezaan amaun yang direkodkan antara MITC dan PKNM.
- c)** Sistem kamera litar tertutup hendaklah diselenggarakan dengan segera bagi menjamin keselamatan bangunan dan orang awam.
- d)** Pembayaran bonus semasa Syarikat ini mengalami kerugian hendaklah diberhentikan.
- e)** Lembaga Pengarah MITC perlu memastikan peraturan terhadap Syarikat Kerajaan dan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia dipatuhi.
- f)** Pengurusan MITC bertanggungjawab menerima pakai dan mengemas kini prosedur dan peraturan kewangan yang perlu dipatuhi oleh Syarikat Kerajaan selaras dengan pindaan terkini Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan.

PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA

9. PUTRA SPECIALIST HOSPITAL (MELAKA) SDN. BHD.

9.1 LATAR BELAKANG

9.1.1 Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd. (PSHM) dahulu dikenali sebagai The Southern Hospital Melaka Sdn. Bhd. ditubuhkan pada tahun 1995 dengan modal saham berbayar berjumlah RM50 juta. PSHM dimiliki oleh Kerajaan Negeri Melaka di bawah Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI) dengan pegangan saham yang berjumlah RM18.68 juta (70.5%). Objektif PSHM adalah untuk menawarkan semua jenis rawatan perubatan. PSHM mengutamakan tiga prinsip iaitu penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi, berkemampuan dan mengurangkan masa menunggu. Pada tahun 2009, PSHM dianggotai oleh lapan orang Ahli Lembaga Pengarah.

9.1.2 Pengurusan PSHM diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seorang Penolong Ketua Pegawai Eksekutif serta 412 orang kakitangan pengurusan dan operasi. PSHM mempunyai cawangan di Batu Pahat, Johor iaitu Putra Specialist Hospital (Batu Pahat) Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh PSHM. Pengurusan PSHM adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Akta Buruh 1955, ‘*Private Healthcare Facilities And Services Act 1998*’, pekeliling dan lain-lain peraturan yang perlu dipatuhi oleh Syarikat Kerajaan.

9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pelaburan Kerajaan/Agenzi kepada PSHM telah diurus dan digunakan dengan ekonomi, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

9.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2007 hingga 2009. Sementara analisis maklumat kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2007 hingga 2009.

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal terhadap aset. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai PSHM juga dijalankan.

9.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2009 mendapati PSHM memperoleh keuntungan bersih bagi tahun 2007 dan 2009 tetapi mengalami kerugian bersih pada tahun 2008. Pengurusan aktiviti utama PSHM adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan seperti tunggakan bil pesakit berjumlah RM14.50 juta, tunggakan sewa bangunan sejumlah RM29.77 juta dan tiada had meluluskan diskau bil pesakit. Sementara kelemahan tadbir urus korporat pula ialah pengurusan perolehan tidak mengikut proses tender dan sebut harga; bil lewat dijelaskan kepada pembekal; komisen pemungut hutang diragui; dividen tidak pernah dicadangkan walaupun Syarikat mendapat keuntungan dan pembayaran bonus semasa Syarikat mengalami kerugian. Penjelasan lanjut berhubung prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat PSHM adalah seperti berikut:

9.4.1 Prestasi Kewangan


Perbandingan prestasi kewangan pada tahun 2007 dan 2008 menunjukkan PSHM memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM2.55 juta bagi tahun 2007 dan kerugian bersih sejumlah RM15.32 juta pada tahun 2008. Faktor utama yang menyebabkan PSHM mengalami kerugian drastik pada tahun 2008 adalah kerana peruntukan semula kos sewa bangunan sejumlah RM17.28 juta yang kurang diperuntukkan mulai tahun 2004 hingga 2007. Kadar sewa bangunan yang sepatutnya dikenakan bagi tempoh 2004 hingga 2007 ialah RM0.44 juta sebulan tetapi telah diambil kira sebagai RM0.08 juta sebulan. Manakala bagi tahun 2008 sewa bangunan telah dikurangkan kepada RM0.37 juta sebulan. Pada tahun 2009, PSHM mencatat keuntungan bersih sejumlah RM0.26 juta. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan serta untung rugi PSHM bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 9.1** dan **Carta 9.1**.

Jadual 9.1
Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung Rugi Bagi
Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	31.47	46.38	48.54
Perbelanjaan Operasi	11.49	15.21	18.58
Untung Kasar	19.98	31.17	29.96
Pendapatan Lain	3.95	5.19	3.14
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	21.15	51.33	32.62
Untung/(Rugi) Operasi	2.78	(14.97)	0.48
Kos Kewangan	0.14	0.23	0.12
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	2.64	(15.20)	0.36
Cukai	0.09	0.12	0.10
Untung/(Rugi) Bersih	2.55	(15.32)	0.26

Sumber: Penyata Kewangan PSHM

Carta 9.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung/(Rugi) Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan PSHM

Sumber: Penyata Kewangan PSHM

a) Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PSHM beberapa nisbah kewangan telah dianalisis terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan PSHM bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Analisis Nisbah Kewangan PSHM Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2007	2008	2009
i.	Nisbah Semasa	0.57:1	0.34:1	0.34:1
ii.	Margin Keuntungan	0.07:1	(0.30):1	0.01:1
iii.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.09:1	(0.40):1	0.01:1
iv.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.05:1	(0.31):1	0.01:1

Sumber: Penyata Kewangan PSHM

Huraian terperinci bagi nisbah yang disenaraikan dalam **Jadual 9.2** adalah seperti berikut:

- i) **Nisbah Semasa** - Mengikut analisis Audit, nisbah semasa PSHM bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah sangat rendah di mana setiap RM1.00 liabiliti hanya mampu ditanggung oleh masing-masing RM0.57 dan RM0.34 nilai aset semasa. Perkara ini berlaku kerana liabiliti semasa PSHM yang terdiri daripada pembekal ubat-ubatan dan sewa beli peralatan yang semakin meningkat setiap tahun. Sementara sewa bangunan yang diambil kira sejumlah RM0.08 juta sebulan berbanding perjanjian sejumlah RM0.44 juta sebulan bagi tahun 2004 hingga 2007 telah diperuntukkan semula sejumlah RM17.28 juta pada tahun 2008.

Pada pendapat Audit, nisbah semasa PSHM bagi ketiga-tiga tahun berkenaan adalah tidak memuaskan kerana kurang daripada kadar 2:1. Ini menunjukkan PSHM tidak berupaya menampung keseluruhan liabiliti semasa dengan aset semasanya.

- ii) **Margin Keuntungan** - Analisis Audit mendapati, PSHM mendapat keuntungan pada tahun 2007 dan 2009. Pada tahun 2007, bagi setiap RM1.00 hasil jualan, margin keuntungan yang diperoleh PSHM adalah RM0.07 dan pada tahun 2009 menurun kepada RM0.01. Pada tahun 2008 pula PSHM mengalami kerugian di mana bagi setiap RM1.00 hasil jualan, PSHM kerugian sejumlah RM0.30. Analisis Audit mendapati sebab utama kerugian pada tahun 2008 adalah kerana PSHM telah memperuntukkan semula kos sewaan bangunan. Bagaimanapun hasil jualan didapati telah meningkat setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa kos sewaan bangunan yang diperuntukkan semula memberi impak yang besar dalam Akaun Pendapatan PSHM bagi tahun 2008.

Pada pendapat Audit, pendapatan PSHM menunjukkan peningkatan setiap tahun. Bagaimanapun margin keuntungan yang diperoleh bagi tahun 2007 dan 2009 amat rendah sementara bagi tahun 2008 PSHM mengalami kerugian kerana menanggung kos sewa bangunan yang kurang diperuntukan bagi tempoh 2004 hingga 2007.

- iii) **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** - Analisis Audit mendapati setiap RM1.00 nilai aset yang digunakan pada tahun 2007 dan 2009, PSHM mendapat pulangan ke atas aset masing-masing sejumlah RM0.09 dan RM0.01 manakala pada tahun 2008 PSHM mendapat pulangan negatif RM0.40 kerana menanggung kos sewa bangunan yang di kurang peruntukan bagi tempoh 2004 hingga 2007.

Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya, pulangan atas aset adalah tidak memuaskan kerana kadar pulangan adalah rendah dan tidak konsisten dari tahun ke tahun.

- iv) **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** - Analisis Audit mendapati kadar pulangan atas setiap RM1.00 ekuiti pada tahun 2007 dan 2009 adalah masing-masing sejumlah RM0.05 dan RM0.01. Manakala pada tahun 2008 PSHM mengalami kadar pulangan negatif berjumlah RM0.31.

Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya, pulangan atas ekuiti adalah tidak memuaskan kerana kadar pulangan adalah rendah dan tidak konsisten dari tahun ke tahun.

9.4.2 Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif.

a) Tunggakan Sewa Bangunan

Perjanjian sewaan antara Tabung Amanah Melaka (TAM) dan PSHM mula ditandatangani pada 1 Januari 2004 dengan tempoh sewaan selama dua tahun hingga 31 Disember 2005. Sewaan bulanan dikenakan mulai tahun 2004 hingga 2007 sejumlah RM440,000 manakala mulai tahun 2008 pada kadar RM370,000 sebulan. Sewaan bulanan perlu dijelaskan oleh PSHM sebelum atau selewat-lewatnya pada tujuh hari bulan pada setiap bulan.

Semakan Audit terhadap sewaan bangunan mendapati tunggakan hutang sejumlah RM29.77 juta bagi sewaan bangunan, bayaran pajakan dan bayaran penalti gagal dijelaskan kepada Kerajaan Negeri (melalui TAM) dari tempoh bulan Mei 2004 sehingga 31 Disember 2009 seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Tunggakan Hutang Dengan TAM Sehingga 31 Disember 2009

Butiran	Jumlah Tunggakan (RM Juta)
Tunggakan sewa bangunan (Sebahagian Mei 2004 – Dis 2007)	19.31
Tunggakan bayaran pajakan (mulai Jan 2008)	5.50
Jumlah	24.81
Penalti bayaran lewat sewaan bangunan	4.70
Penalti bayaran lewat wang pendahuluan	0.26
Jumlah	4.96
Jumlah Keseluruhan	29.77

Sumber: Rekod Hutang PSHM

Semakan lanjut mendapati pengurusan PSHM telah menuntut perbelanjaan penyenggaraan sejumlah RM3.28 juta pada 12 Februari 2009 daripada TAM seperti di **Jadual 9.4**. Perbelanjaan meliputi insurans bangunan, pengubahsuaian bangunan, lif, penghawa dingin, kebocoran dinding, kontraktor elektrik dan pencegahan anai-anai. Berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani sejak 1 Januari 2004, pemilik bangunan bersetuju menanggung kos penyenggaraan bangunan tetapi sehingga tarikh pengauditan, tuntutan perbelanjaan berkenaan masih belum dijelaskan oleh TAM.

Jadual 9.4
Tuntutan Perbelanjaan Penyenggaraan Oleh PSHM
Bagi Tempoh Tahun 2004 Hingga 2008

Jenis Perbelanjaan	Tahun					
	2004 (RM)	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	Jumlah (RM)
Insurans Bangunan	30,757	35,876	45,471	44,620	44,910	201,634
Pengubahsuaian	0	449,500	0	0	0	449,500
Lif	21,780	27,269	39,000	43,250	34,750	166,049
Penghawa Dingin	1,088,405	698,993	297,330	103,440	137,060	2,325,228
Kebocoran Dinding	8,250	0	0	60,000	0	68,250
Kontraktor Letrik	3,600	3,200	4,800	18,540	4,800	34,940
Pencegahan Anai-anai	6,050	4,400	6,600	6,600	6,050	29,700
Jumlah	1,158,842	1,219,238	393,201	276,450	227,570	3,275,301

Sumber: Fail Sewa Bangunan PSHM

Pihak PSHM memaklumkan perjanjian sewaan bangunan telah ditandatangani pada 1 September 2009 dan pembayaran tunggakan sewaan telah dilaksanakan seperti jadual pembayaran ansuran yang telah dipersetujui TAM. Maklum balas pada 1 Julai 2010 menyatakan sehingga 30 Jun 2010, jumlah bayaran ansuran yang telah dibuat kepada TAM adalah sejumlah RM7.51 juta.

Pada pendapat Audit, pengurusan sewaan bangunan tidak memuaskan kerana PSHM tidak berupaya untuk membuat pembayaran mengikut jadual yang ditetapkan serta tunggakan sewa bangunan yang semakin meningkat setiap tahun.

b) Tunggakan Bil Pesakit

PSHM menetapkan beberapa kaedah tindakan bagi mengutip tunggakan bil pesakit yang melebihi 90 hari seperti menghantar surat peringatan, lawatan ke lokasi penghutang, menyenarai hitam pelanggan dan tindakan undang-undang dan khidmat nasihat pengurusan.

Semakan Audit mendapati tunggakan bil pesakit bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM14.50 juta berbanding tahun 2008 sejumlah RM13.81 juta, manakala bagi tahun 2007 adalah RM11.19 juta. Tunggakan telah meningkat sejumlah RM0.69 juta dari tahun 2008 hingga 2009. Tunggakan bil pesakit bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 9.5** dan tunggakan mengikut umur seperti di **Jadual 9.6**.

Jadual 9.5
Tunggakan Bil Pesakit Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009

Kategori	Tahun		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Kerajaan dan Badan Berkanun	1.15	1.02	0.90
Swasta	1.75	2.17	5.16
Organisasi Penjagaan Kesihatan	3.66	4.98	2.64
Syarikat Insurans	2.24	2.84	2.53
Klinik	0.33	0.36	0.35
Pembayaran Sendiri	2.06	2.44	2.92
Jumlah	11.19	13.81	14.50

Sumber: Laporan Tunggakan Bil Pesakit PSHM

Jadual 9.6
Tunggakan Bil Pesakit Mengikut Umuran Pada 31 Disember 2009

Kategori	Semasa	31- 60	61 – 90	91-120	121-150	>150	Jumlah
	< 30 Hari	Hari	Hari	Hari	Hari	Hari	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
Kerajaan dan Badan Berkanun	223,096	172,939	117,872	84,524	19,421	279,877	897,729
Swasta	2,019,920	1,077,385	482,307	309,555	138,245	1,137,561	5,164,973
Organisasi Penjagaan Kesihatan	825,015	431,099	128,409	36,539	127,935	1,092,672	2,641,669
Syarikat Insurans	662,462	699,118	316,258	135,817	58,119	655,158	2,526,932
Klinik	30,060	4,721	1,273	10,157	344	308,190	354,745
Pembayaran Sendiri	62,411	70,312	91,382	67,999	64,673	2,567,739	2,924,516
Jumlah	3,822,964	2,455,574	1,137,501	644,591	408,737	6,041,197	14,510,564

Sumber: Laporan Tunggakan Bil Pesakit PSHM

Semakan lanjut mendapati bil tertunggak melebihi 150 hari adalah lebih tinggi bagi pesakit pembayaran sendiri berbanding daripada kategori lain. Antara sebabnya ialah kerana terdapat pesakit yang tidak dikenakan deposit walaupun prosedur hospital ada menetapkannya. Daripada 659 pesakit pembayaran sendiri, 28 bil pesakit telah dipilih sebagai sampel dan mendapati 16 (57.14%) pesakit tidak dikenakan deposit dan menyebabkan bil tertunggak sejumlah RM0.45 juta seperti di **Jadual 9.7**.

Jadual 9.7
Sampel Bil Deposit Tidak Dikutip

Bil.	No. Bil	Tarikh Bil	Tunggakan (Hari)	Jumlah Bil Belum Jelas (RM)	Deposit Tidak Dituntut (RM)
1.	ICS15273	5.7.2007	727	4,370	3,496
2.	ICS15985	7.9.2007	663	21,148	16,918
3.	ICS16326	6.10.2007	634	12,451	9,961
4.	ICS17373	12.1.2008	536	24,944	19,955
5.	ICS19089	5.6.2008	391	7,221	5,777
6.	ICS19829	29.7.2008	337	9,577	7,662

Bil.	No. Bil	Tarikh Bil	Tunggakan (Hari)	Jumlah Bil Belum Jelas (RM)	Deposit Tidak Dituntut (RM)
7.	ICS20002	9.8.2008	326	60,964	48,771
8.	ICS20993	21.10.2008	253	8,931	7,145
9.	ICS21435	22.11.2008	221	21,844	17,475
10.	ICS22198	27.1.2009	155	21,034	16,828
11.	ICS22449	17.2.2009	134	75,010	60,008
12.	ICS22450	3.3.2009	120	33,273	26,618
13.	ICS22911	24.3.2009	99	63,150	50,520
14.	ICS23476	7.5.2009	55	23,372	18,697
15.	ICS23640	20.5.2009	42	31,194	24,955
16.	ICS24186	27.6.2009	4	26,618	21,295
Jumlah				445,101	356,081

Sumber: Rekod Tunggakan Hasil PSHM

Pihak PSHM memaklumkan terpaksa merawat pesakit yang memerlukan rawatan segera. Pesakit gagal menjelaskan bayaran setelah mendapat rawatan dan terdapat juga kes kematian yang masih belum sempat menjelaskan bayaran. Surat perintah pembayaran melalui peguam akan dikeluarkan kepada pesakit yang gagal menjelaskan tunggakan bil. Maklum balas pada 1 Julai 2010, sehingga 31 Mei 2010, tunggakan bil pesakit telah berkurangan kepada RM13.60 juta.

Pada pendapat Audit, pengurusan bil pesakit tidak memuaskan dari segi tunggakan hutang yang semakin meningkat pada setiap tahun serta terdapat kes deposit tidak dikenakan kepada pesakit yang menyebabkan tunggakan bil meningkat.

c) Perbezaan Tuntutan Bil Pesakit Dilindungi Insurans

Prosedur kerja bagi bil pesakit yang menggunakan khidmat syarikat insurans dan organisasi penjagaan kesihatan dikehendaki menjelaskan deposit tidak melebihi RM300 semasa pendaftaran dan sebelum menerima rawatan dalam wad. Pengesahan daripada syarikat insurans melalui surat jaminan awalan adalah diwajibkan sebelum dimasukkan ke dalam wad bagi menentukan kelayakan dan had pembiayaan pesakit yang boleh ditaja.

Semakan Audit terhadap bil pesakit yang ditaja oleh syarikat insurans mendapati pemantauan tidak dibuat dengan berkesan terhadap baki kos rawatan yang perlu dijelaskan oleh pesakit berikut tidak ditanggung sepenuhnya oleh syarikat insurans. Sampel Audit terhadap 20 bil pesakit berjumlah RM115,425 telah dipilih bagi pesakit yang dimasukkan ke wad pada 26 November 2008 hingga 10 Mac 2009. Berdasarkan surat jaminan muktamad daripada syarikat insurans, kesemua 20 pesakit hanya ditanggung sejumlah RM98,378, manakala sejumlah RM13,117 perlu ditanggung sendiri oleh pesakit. Bil rawatan bagi 20 pesakit telah dituntut oleh PSHM kepada syarikat insurans walaupun sebahagian kos rawatan pesakit tidak ditanggung oleh syarikat insurans. Akibatnya kos rawatan sejumlah RM13,117 yang perlu ditanggung sendiri oleh

kesemua 20 pesakit masih belum dijelaskan dan Jabatan Kawalan Kredit menghadapi kesukaran bagi mendapatkan tunggakan hutang daripada pesakit.

Pihak PSHM memaklumkan akan memberi khidmat rundingan dan cara penyelesaian pembayaran bil pesakit yang tidak dilindungi oleh pihak insurans. Maklum balas pada 1 Julai 2010, Jawatankuasa Kewangan PSHM telah menetapkan bahawa bagi bil tertungggak yang melebihi RM5,000 ke atas, Notis Perintah akan dikeluarkan dan tindakan undang-undang akan diambil jika gagal menjelaskan bil tertungggak tersebut. Tunggakan bil yang dilindungi insurans adalah disebabkan pihak insurans telah memberi pengesahan GL ketika rawatan awal diterima. Tetapi setelah mendapat rawatan penuh, didapati kos rawatan tidak dapat dibiayai atas sebab-sebab seperti kos rawatan melebihi jumlah premium ditetapkan atau/dan pesakit gagal mengisyiharkan penyakit yang telah dihidapi ketika permohonan pembelian insurans dibuat.

Pada pendapat Audit, pengeluaran bil kepada syarikat insurans tidak memuaskan kerana terdapat perbezaan amaun dituntut oleh PSHM dengan amaun yang dilindungi oleh syarikat insurans.

d) Kadar Diskaun Bil Pesakit Tidak Ditetapkan

Peraturan bagi pemberian diskauan kepada pesakit adalah penting bagi menentukan antaranya kadar diskauan yang ditetapkan, pegawai yang diberi kuasa dan asas mempertimbangkan diskauan berdasarkan kemampuan kewangan pesakit.

Semakan Audit mendapati pegawai yang dibenarkan untuk memberi diskauan kepada syarikat korporat adalah Ketua Pegawai Eksekutif, manakala pesakit di bawah pembiayaan sendiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Penolong Pengurus Jabatan Perniagaan. Daripada 10 sampel bil pesakit berjumlah RM193,986 yang membayai sendiri rawatan didapati kadar diskauan yang diberi adalah antara 13.7% hingga 57.2%. Maklumat terperinci mengenai pemberian diskauan kepada pesakit adalah seperti di **Jadual 9.8.**

Jadual 9.8
Pemberian Diskauan Kepada Pesakit

Bil.	No. Bil	Tarikh Bil	Jumlah Bil (RM)	Jumlah Diskaun (RM)	Diskaun (%)
1.	ICS18071	14.3.2008	21,856	4,026	18.4
2.	ICS210122	2.10.2008	103,072	14,159	13.7
3.	ICS22011	9.1.2009	19,323	5,800	30.0
4.	ICS22046	12.1.2009	23,385	5,385	23.0
5.	ICS22373	9.2.2009	2,711	711	26.2
6.	ICS22698	6.3.2009	7,025	3,091	44.0
7.	ICS23277	24.4.2009	1,599	915	57.2
8.	ICS23285	25.4.2009	1,246	545	43.7
9.	ICS23425	5.5.2009	13,035	3,035	23.3
10.	ICS23771	28.5.2009	734	334	45.5
Jumlah			193,986	38,001	

Sumber : Rekod Bil Pesakit PSHM

Penetapan kadar diskaun yang belum disediakan oleh pihak pengurusan telah menyebabkan diskaun diberi tanpa kawalan dan boleh menjelaskan pendapatan PSHM.

Pihak PSHM memaklumkan pemberian diskaun adalah mengikut budi bicara pihak pengurusan yang berdasarkan latar belakang pesakit serta merupakan salah satu cara penyelesaian bagi mengelak bil tertunggak. Maklum balas pada 1 Julai 2010, menyatakan PSHM telah bersetuju menetapkan bahawa pemberian diskaun tidak lagi digalakkan. Tetapi bagi kes-kes tertentu pemberian diskaun akan ditetapkan oleh pihak Pengurusan PSHM. Bagi bil rawatan yang dibayai oleh Syarikat/Insurans, pihak PSHM dan Doktor telah bersetuju dengan mengenakan caj rawatan hanya 80% daripada Jadual Pembayaran (Fee Schedule of Private Healthcare Facilities and Services Act). Ianya bertujuan menggalakkan Syarikat/Insurans menghantar lebih ramai pesakit ke PSHM.

Pada pendapat Audit, pemberian diskaun tanpa kadar yang ditetapkan boleh menjelaskan pendapatan PSHM.

9.4.3 Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal Syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan Syarikat, dan pengurusan risiko. Tadbir Urus Korporat yang baik akan dapat membantu Syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi Syarikat ini diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Bagi mempertingkatkan tadbir urus dalam sektor awam, Ketua Setiausaha Negara telah mengedarkan satu Garis Panduan Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam kepada semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri untuk dipraktikkan dan garis panduan ini perlu diterima pakai oleh Syarikat Kerajaan.

a) Pengurusan Perolehan

PSHM mempunyai polisi perolehan yang menetapkan perolehan melebihi RM10,000 hingga RM200,000 perlu dibuat melalui proses sebut harga dan RM200,000 ke atas perlu dibuat melalui proses tender. Bagaimanapun prosedur tender tidak ditetapkan. Oleh itu, Arahan Perbendaharaan 170 dan 171 adalah terpakai.

i) Perolehan Tanpa Tender

Polisi perolehan PSHM menetapkan nilai melebihi RM200,000 hendaklah dibuat dengan proses tender. Arahan Perbendaharaan 171 menetapkan prosedur tender yang perlu dilaksanakan.

Semakan Audit mendapati PSHM tidak menyelenggarakan daftar tender. Oleh itu bilangan dan nilai perolehan yang ditenderkan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 tidak dapat ditentukan. Semakan rawak terhadap lima perolehan bernilai RM9.52 juta telah diperoleh tanpa proses tender seperti di **Jadual 9.9**.

Jadual 9.9
Perolehan Tanpa Tender Bagi Tempoh Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	Perolehan	Tahun Perolehan	Jumlah (RM Juta)
1.	Kontrak Penyenggaraan bangunan dan peralatan	2008	3.79
2.	20 unit <i>Fresenius Dialysis Machine</i> , 3 unit <i>Renatron Dialyser Reprocessor</i> dan 1 unit <i>Pismaflex Machine</i>		1.03
3.	1 unit <i>Mobile Operation Table Maquet Betaster</i> dan 1 unit <i>Operating Theatre Table Extension Device For Orthopaedics</i>		0.22
4.	1 Unit <i>Neuro Surgical Microscope</i>	2009	0.48
5.	1 Unit <i>Philip Intergris H3000 Cathlab System</i>		4.00
Jumlah			9.52

Sumber: Rekod Kewangan PSHM

PSHM memaklumkan perolehan dibuat berdasarkan persetujuan Jawatankuasa Tender untuk membeli secara terus dengan alasan peralatan dibeli berdasarkan spesifikasi dan jenama yang ditentukan dan diperlukan oleh 'end user' iaitu doktor pakar Neuro dan Cardiologist. Maklum balas pada 1 Julai 2010, menyatakan Jawatankuasa Tender PSHM akan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah bagi mendapat pengesahan sebelum pembelian dibuat.

ii) Perolehan Tanpa Sebut Harga

Polisi perolehan PSHM menetapkan perolehan melebihi RM10,000 hingga RM200,000 hendaklah dibuat dengan proses sebut harga. Prosedur sebut harga sepatutnya dilaksanakan mengikut Arahan Perbendaharaan 170 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009.

Semakan Audit mendapati PSHM tidak menyelenggarakan daftar sebut harga. Oleh itu bilangan dan nilai perolehan melalui sebut harga bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 tidak dapat ditentukan. Semakan rawak terhadap lapan sebut harga bernilai RM0.83 juta telah diperoleh tanpa proses sebut harga seperti di **Jadual 9.10**.

Jadual 9.10
Perolehan Tanpa Sebut Harga Bagi Tempoh Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	Perolehan	Tahun Perolehan	Jumlah (RM Juta)
1.	Supply and Installation on the Vinyl Sheet at 5th Floor of Operation Theatre Room	2008	0.11
2.	Penyenggaraan Alat Hawa Dingin		0.07
3.	Kerja-kerja Pengubahsuaian Tandas Di Tingkat 11.		0.10
4.	Kerja-kerja Mengecat Wad 5, 6, & 7 Serta Tingkat 11 PSHM.		0.06
5.	Pembelian PABX System		0.15
6.	Kerja-kerja Pengubahsuaian Tandas Awam Di Tingkat 3.		0.11
7.	Kerja-kerja Pengubahsuaian Tandas Di Tingkat 3.		0.15
8.	5,000 Books @ RM15.00/Book Putra Specialist Hospital Coporate Company Profile	2009	0.08
Jumlah			0.83

Sumber: Rekod Kewangan PSHM

PSHM memaklumkan pembelian dibuat secara terus dan telah mendapatkan sebut harga yang lain bagi tujuan perbandingan. Maklum balas pada 1 Julai 2010, bagi tujuan penyelenggaraan daftar sebut harga, Material Management Department PSHM telah mewujudkan sistem daftar sebut harga.

iii) Pecah Kecil Perolehan

Polisi perolehan PSHM menetapkan perolehan melebihi RM200,000 hendaklah dibuat dengan proses tender. Prosedur tender sepatutnya dilaksanakan mengikut Arahan Perbendaharaan 171.

Semakan Audit mendapati sebanyak tiga perolehan kerja penyenggaraan alat hawa dingin berjumlah RM0.26 juta telah di pecah kecil. Perolehan tersebut dibuat pada 10 Disember 2008, 23 Disember 2008, 15 Januari 2009 dengan pembekal yang sama.

PSHM memaklumkan pembelian perlu dilakukan kerana peralatan telah rosak dan perlu ditukar. Pembelian tidak dibuat secara tender kerana pembelian dilakukan secara berperingkat bergantung kepada aliran tunai, kedudukan kewangan dan keperluan semasa.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan adalah tidak memuaskan kerana perolehan tidak dibuat mengikut proses tender tetapi perolehan di pecah kecil untuk mengelakkan tender.

b) Bil Lewat Dijelaskan Kepada Pembekal

Mengikut Arahan Perbendaharaan 103, bil hendaklah dijelaskan dalam masa 14 hari selepas tarikh ianya diterima. Bagaimanapun polisi dan prosedur Jabatan Akaun PSHM tidak menetapkan tempoh pembayaran bagi bil yang perlu dijelaskan.

Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2009, PSHM mempunyai bil yang belum dijelaskan kepada pembekal berjumlah RM15.34 juta seperti di **Jadual 9.11**. Sejumlah RM1.44 juta bil yang belum dijelaskan telah melebihi 150 hari. Perkara ini berlaku kerana PSHM mengalami masalah aliran tunai di mana setakat 31 Disember 2009 baki tunai di bank hanya berjumlah RM1.60 juta.

Jadual 9.11
Bil-Bil Yang Belum Dijelaskan Sehingga 31 Disember 2009

Bil.	Perkara	Semasa (1-30 Hari) (RM Juta)	31-60 Hari (RM Juta)	61-90 Hari (RM Juta)	91-120 Hari (RM Juta)	121-150 Hari (RM Juta)	Lebih 150 Hari (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Pemutang Perniagaan	1.82	1.09	0.96	0.70	0.43	0.28	5.28
2.	Pemutang Lain	1.44	0.24	0.47	0.45	0.04	1.16	3.80
3.	Pemutang Sewa beli	6.26	-	-	-	-	-	6.26
Jumlah		9.52	1.33	1.43	1.15	0.47	1.44	15.34

Sumber: Rekod Kewangan PSHM

Maklum balas pada 1 Julai 2010, Mesyuarat Kewangan PSHM Bil. 2/2010 telah menetapkan dan mengesahkan tempoh kredit kepada si pemutang. PSHM memaklumkan bil-bil tidak dapat dijelaskan pada masa yang ditetapkan kerana PSHM menghadapi kedudukan aliran tunai yang kurang memuaskan di mana pada 31 Disember 2009 baki tunai di bank hanya berjumlah RM1.60 juta. Selain itu, sehingga 31 Disember 2009, bil yang belum dijelaskan berjumlah RM15.34 juta telah mengambil kira pembelian mesin Cathlab melalui sewa beli berjumlah RM4.20 juta (termasuk faedah). Bagaimanapun, pembayaran ansuran bulanan akan dibuat kepada pihak Bank bermula dari Februari 2010 dengan bayaran bulanan sejumlah RM70,080. Sehingga 31 Mei 2010, bil yang belum dijelaskan telah menurun kepada RM13.70 juta.

Pada pendapat Audit, pengurusan bil yang belum dijelaskan adalah tidak memuaskan kerana terdapat bil berjumlah RM1.44 juta masih belum berbayar walaupun melebihi 150 hari.

c) Komisen Pemungut Hutang Diragui

Ketua Pegawai Eksekutif telah melantik seorang pemungut hutang mulai awal Disember 2005 dengan terma dan syarat seperti di surat tawaran kerja. Bayaran komisen adalah atas kadar 7% daripada jumlah hutang yang berjaya dipungut.

Semakan Audit terhadap pelantikan pemungut hutang telah dibuat oleh Ketua Pegawai Eksekutif tanpa kelulusan Ahli Lembaga Pengarah. Komisen sejumlah RM82,641 dibayar kepada pemungut hutang pada 2 Januari 2008 melalui empat keping cek yang diserahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Komisen adalah berdasarkan pungutan

hutang sejumlah RM1.18 juta bagi pungutan bulan Disember 2005 hingga Disember 2007 dari 768 bil pesakit yang membiayai sendiri rawatan. Pengurusan pembayaran adalah tidak teratur kerana komisen dibayar berdasarkan senarai pungutan hutang di baucar bayaran komisen tanpa mengikut bil pesakit. Berdasarkan 10 daripada 768 bil pesakit yang diambil sebagai sampel Audit, sejumlah RM9,482 bayaran komisen tidak layak dibayar kerana deposit dan bil hospital sejumlah RM92,334 telah dijelaskan oleh pesakit sendiri sepanjang tempoh berada di wad, manakala diskaun sejumlah RM43,124 diberi oleh pihak pengurusan.

Semakan lanjut mendapati komisen sejumlah RM82,641 telah dikembalikan secara tunai pada 24 April 2008 melalui resit 013402 setelah hampir empat bulan diterima dengan alasan pemungut hutang bersetuju melaksanakan tugas secara sukarela. Alasan pengembalian wang tunai tersebut tidak diiringi dengan surat persetujuan secara bertulis daripada pemungut hutang.

PSHM memaklumkan lantikan Pemungut Hutang diluluskan dalam mesyuarat bertarikh 3 November 2005 yang dipengerusikan oleh bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dan dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Eksekutif Akaun dan Audit Dalam PSHM. Pengiraan jumlah bayaran komisen kepada Pemungut Hutang disediakan oleh PSHM bukannya daripada Pemungut Hutang. PSHM mengakui berlaku kesilapan dalam pengiraan jumlah bayaran komisen tersebut. Pemungut Hutang telah memulangkan duit komisen tersebut secara sukarela dengan alasan beliau tidak menjalankan tugas sepenuh masa.

Pada pendapat Audit, pelantikan pemungut hutang separuh masa adalah tidak teratur kerana tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah, kesilapan jumlah bayaran komisen dan pemulangan balik komisen yang meragukan menunjukkan pengurusan kewangan yang tidak telus.

d) Pembayaran Dividen Tidak Pernah Dibuat

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 antaranya menyatakan dividen perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat kecuali jika syarikat tidak bercadang untuk membayar dividen hendaklah memberi butiran berikut:

- i) Sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar;
- ii) Cadangan bayaran bonus kepada kakitangan;
- iii) Cadangan penggunaan keuntungan dan asas-asasnya;
- iv) Kerugian terkumpul (jika ada); dan
- v) Tahun kewangan di mana kerugian terkumpul dijangka boleh dihapuskan dan dividen dapat dibayar.

Semakan Audit mendapati PSHM tidak pernah membuat pembayaran dividen kepada pemegang saham walaupun Kerajaan Negeri memegang saham PSHM sejak tahun 1998. Berdasarkan penyata kewangan, PSHM mempunyai keuntungan sebelum cukai pada tahun 2005, 2006 dan 2007 yang masing-masingnya berjumlah RM3.93 juta,

RM1.52 juta dan RM2.55 juta. Cadangan untuk tidak membuat pembayaran dividen serta sebab-sebabnya juga tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Dengan itu pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri di dalam PSHM selama 10 tahun sejak tahun 1998 tidak memberi sebarang dividen.

PSHM memaklumkan walaupun PSHM menunjukkan keuntungan pada tahun semasa tetapi mengalami kerugian jika mengambil kira hutang tahun sebelumnya. Oleh itu, PSHM tidak mampu untuk membayar dividen tahunan kepada pemegang saham. Bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui pemegang saham utama meminta PSHM menyumbang sejumlah RM250,000 kepada Tabung Pendidikan Negeri Melaka.

Pada pendapat Audit, urusan pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri adalah tidak memuaskan kerana PSHM tidak membuat pembayaran dividen kepada pemegang saham semasa syarikat ini mendapat keuntungan. Manakala cadangan untuk tidak membuat pembayaran dividen serta sebab-sebabnya juga tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

e) Pembayaran Bonus Semasa Kerugian

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan pembayaran bonus kepada pegawai yang berkhidmat di Syarikat Kerajaan boleh dilaksanakan apabila syarikat memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Perenggan 4, Pekeliling ini juga menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri adalah diminta mematuhi Pekeliling ini selaras dengan keputusan Persidangan Menteri-Menteri Besar Dan Ketua-Ketua Menteri Ke 69 pada Jun 1993. Bagi syarikat-syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Besar/Ketua Menteri.

Semakan Audit terhadap pengurusan bayaran bonus mendapati pembayaran bonus bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 tidak dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Cadangan pembayaran bonus hanya diusulkan kepada Lembaga Pengarah PSHM dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

Semakan lanjut mendapati pembayaran bonus untuk tahun 2008 berjumlah RM0.50 juta telah dibuat walaupun PSHM mengalami kerugian. Bayaran bonus berjumlah RM0.80 juta bagi tahun 2009 telah dibayar pada bulan November dan Disember 2009 walaupun penyata kewangan masih belum ditutup. Jumlah bayaran bonus bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 9.12**.

Jadual 9.12
Bayaran Bonus Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Perkara	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
Bonus - Ahli Lembaga Pengarah	10,000	15,000	11,000
Bonus - Kakitangan PSHM	430,108	487,887	784,852
Jumlah	440,108	502,887	795,852
Keuntungan/(Kerugian) Tahun Semasa	2,638,225	(15,329,399)	Penyata belum audit

Sumber: Rekod PSHM

f) Pembayaran Bonus Kepada Pekerja Tidak Layak

Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3 Tahun 2007 menetapkan bonus tahun 2007 tidak layak dibayar kepada pekerja asing, *expatriate doctors* dan kakitangan yang tidak sah dalam jawatan pada 31 Disember 2007.

Semakan Audit mendapati PSHM telah membuat pembayaran satu bulan bonus kepada lapan orang jururawat dari India yang berjumlah RM11,340 yang hanya diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif sahaja. Dengan itu pembayaran ini tidak mengikut peraturan seperti mana kelulusan Lembaga Pengarah.

PSHM memaklumkan pembayaran bonus dibuat setelah mendapat kelulusan daripada mesyuarat Lembaga Pengarah PSHM Bil. 3 Tahun 2009 bertarikh 15 September 2009. Kelulusan pembayaran bonus kepada pekerja asing bagi tahun 2007 telah dibawa ke mesyuarat perjawatan dan disahkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3 Tahun 2009 bertarikh 15 September 2009.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran bonus bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 adalah tidak memuaskan kerana tidak dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Pembayaran bonus tahun 2008 adalah tidak wajar kerana PSHM mengalami kerugian. Sementara pembayaran bonus tahun 2009 adalah terlalu awal kerana prestasi kewangan PSHM pada tahun tersebut masih belum muktamad. Selain itu, bayaran bonus bagi tahun 2007 telah dibayar kepada kakitangan yang tidak layak mengikut peraturan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah dan hanya diluluskan pada tahun 2009 selepas teguran Audit.

9.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan PSHM adalah kurang memuaskan dan perhatian sewajarnya perlu diberikan terhadap prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam pengurusan PSHM adalah disyorkan supaya PSHM memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :

- a)** Deposit hendaklah dituntut sepenuhnya daripada pesakit semasa berada di wad seperti ditetapkan oleh prosedur kerja.
- b)** Pengurusan PSHM perlu menyemak prosedur tuntutan bil pesakit dari syarikat insurans supaya tidak melebihi perlindungan yang ditetapkan.
- c)** Garis panduan pemberian diskauh hendaklah menetapkan kadar diskauh bagi memastikan diskauh berpatutan dan tidak melebihi had diberi agar tidak menjelaskan pendapatan PSHM.
- d)** Mematuhi polisi dan prosedur perolehan yang ditetapkan oleh PSHM dan memastikan kawalan dalaman polisi tersebut adalah mencukupi atau mengguna pakai polisi perolehan Kerajaan bagi mendapat harga yang kompetitif dan mengelakkan daripada pemborosan, pembaziran dan penyelewengan.
- e)** Merancang perbelanjaan bagi memastikan aliran tunai mencukupi untuk menampung perbelanjaan aktiviti.
- f)** Pembayaran dividen hendaklah dibuat semasa PSHM mendapat keuntungan dan sebab kenapa dividen tidak dapat dibayar hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993. Manakala pembayaran bonus hendaklah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri serta pemberian bonus semasa PSHM mengalami kerugian mestilah dihentikan kerana ia tidak mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993.



BAHAGIAN III PERKARA AM

BAHAGIAN III PERKARA AM

10. PENDAHULUAN

Semakan semula telah dibuat terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lepas dan yang masih belum selesai untuk menentukan sama ada tindakan susulan yang sewajarnya telah diambil oleh pihak yang berkenaan untuk mengatasi kelemahan yang dilaporkan. Selain itu, bahagian ini juga turut melaporkan mengenai pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.

11. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008

Pada tahun 2008, kajian telah dijalankan di tujuh buah Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka, Jabatan Pengairan Dan Saliran Melaka, Syarikat Air Melaka Berhad, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. Antara kelemahan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

11.1 PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

- **PENGURUSAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS)**

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.1 (b)	i) Perbelanjaan Melebihi Peruntukan SPEKS masih membenarkan proses bayaran walaupun peruntukan semasa tidak mencukupi.	Perkara yang sama masih lagi berulang pada tahun 2009 khususnya melibatkan bayaran emolument. Didapati juga selepas bulan Disember waran pindah peruntukan bagi melaraskan vot berbaki negatif telah berlaku di Jabatan Perhutanan.	Pemantauan perlu ditingkatkan bagi memastikan tidak berlakunya perbelanjaan melebihi peruntukan.
	iii) Cek Diproses Sebelum Baucar Bayaran disempurnakan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan membuat	<i>Patches</i> bagi penambahbaikan tersebut perlu

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	Semakan Audit mendapati baucar bayaran ditarikhkan lewat dari tarikh cek/EFT.	penambahbaikan ke atas reka bentuk SPEKS di mana penutupan harian akan dilakukan secara auto pada setiap menjelang jam 12.00 tengah malam.	disegerakan oleh JANM.
2.5.6	Pengurusan Pelaksanaan Dan Penyelenggaraan Projek Dua daripada 11 modul SPEKS masih belum digunakan iaitu Modul Aset dan Modul Pelaburan	i. Modul Aset telah sedia untuk digunakan. Arahan penggunaannya kepada semua Ketua Jabatan/PTJ dikeluarkan pada 29 April 2010.	Tindakan adalah memuaskan.
		ii. Modul Pelaburan masih belum digunakan disebabkan tidak memenuhi keperluan Kerajaan Negeri.	Elemen dalam modul yang tidak memenuhi keperluan Kerajaan Negeri perlu dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal SPEKS.
		iii. Modul pinjaman kenderaan dan pinjaman komputer sahaja yang digunakan manakala bagi pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pinjaman diberi kepada Agensi Negeri pada tahun 2009 masih belum diproses menerusi modul Pinjaman. Daftar dan rekod pinjaman masih di sedia secara manual dan tidak melalui SPEKS walaupun integrasi data pinjaman telah dilaksanakan.	Arahan dan tindakan lebih tegas perlu dilaksanakan

11.2 JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA
- PENGURUSAN KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA)

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
3.5.6	<p>a) Akaun Amanah KAFA</p> <p>iii) Lawatan Audit ke enam SRA JAIM dengan pegawai Unit Pembangunan JAIM mendapati pembayaran bagi sembilan kerja pemberian di enam SRA JAIM berjumlah RM0.39 juta dijelaskan kepada kontraktor tanpa lawatan dan pengesahan JAIM. Selain itu enam kerja pemberian bagi lima SRA JAIM berjumlah RM0.30 juta telah dijelaskan pembayarannya kepada kontraktor walaupun tidak mengikut spesifikasi kerja.</p>	<p>JAIM akan memastikan spesifikasi pembangunan SRA JAIM disediakan dengan lebih terperinci dan dihantar ke Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka untuk semakan. Setiap kerja akan dipantau, laporan projek akan mengambil kira gambar sebelum dan selepas projek bagi perbandingan kerja yang dilaksanakan bagi tujuan bayaran.</p>	Tindakan adalah memuaskan.
	<p>c) Bantuan Pembangunan Dan Pemberian Sekolah</p> <p>i) Dokumentasi Projek</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran kemajuan dijelaskan oleh guru besar Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIM bagi 28 projek yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Sekolah (LEKAS) tanpa dokumen sokongan dan spesifikasi kerja. • Laporan kemajuan projek tidak disediakan oleh SRA JAIM mengikut garis panduan yang ditetapkan. 	<p>Jabatan telah mengambil tindakan mengadakan perjumpaan dan memberi taklimat kepada semua Pengerusi LEKAS setiap tahun untuk membincangkan isu-isu semasa. Bagi tahun 2010, perjumpaan tersebut telah diadakan pada 10 Mac 2010.</p>	Tindakan adalah memuaskan.
3.5.9	<p>Status Hak Milik Tanah</p> <p>a) Senarai yang disediakan tidak lengkap dan kemas kini memandangkan hanya 145 atau 93% daripada 156 SRA JAIM telah disenaraikan. Selain itu, maklumat seperti nombor lot, mukim, keluasan tanah dan pemilik tanah masih belum lengkap.</p>	<p>JAIM telah mengenal pasti status hak milik SRA JAIM dan telah mengambil tindakan permohonan rizab ke atas tanah berstatus Tanah Kerajaan. Bagi Tanah Persendirian dan Tanah Pesuruhjaya Persekutuan, JAIM memerlukan peruntukan untuk pengambilan balik tanah.</p>	Tindakan adalah memuaskan.

11.3 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI MELAKA - PENGURUSAN BANTUAN

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
4.5.1	<p>Pemberian Geran Daripada Kerajaan Negeri Kelab Sukan Dan Kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka (KASMA) telah menerima geran daripada peruntukan Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2008 berjumlah RM25,000 untuk aktiviti sukan. Pemberian ini tidak mematuhi Garis Panduan Pemberian Bantuan Geran kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO).</p>	<p>KASMA telah mengambil tindakan untuk membayar balik sejumlah RM25,000 kepada Kerajaan Negeri dengan kadar RM2,000 sebulan secara ansuran selama 12 bulan. Ansuran pertama telah dijelaskan secara ansuran pada 6/1/2010 berjumlah RM2,000.</p>	Tindakan telah dilaksanakan.
4.5.2	<p>Penerima Bantuan Yang Telah Pun Meninggal Dunia Sejumlah RM12,720 telah dibayar kepada lima penerima yang telah meninggal dunia.</p>	<p>Kesemua jumlah bantuan tersebut telah diterima semula oleh Jabatan. Petugas terlibat telah diberi surat 'Amaran Bertulis Secara Pentadbiran' oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka.</p>	Tindakan telah dilaksanakan.
4.5.4	<p>Laporan Pemantauan Terhadap Aktiviti NGO Yang Menerima Bantuan Geran Laporan pemantauan secara berkala terhadap penerima geran tidak disediakan.</p>	<p>Tindakan pemantauan pertubuhan sukarela kebajikan telah dilaksanakan dengan melantik Pegawai Kebajikan sebagai ex-officio dan menyediakan laporan pemantauan.</p>	Tindakan adalah memuaskan.

11.4 JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MELAKA
- PROJEK PENGAWALAN HAKISAN PANTAI

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.1	Kajian Impak Pembangunan Jabatan Pengairan Dan Saliran Melaka (JPSM) telah menetapkan bahawa penilaian impak yang komprehensif dan terperinci ke atas projek pembangunan hendaklah dijalankan selaras dengan arahan, garis panduan dan surat pekeliling yang dikeluarkan.	Kajian Pengurusan Pantai Bersepadu (<i>Integrated Shoreline Management Plan (ISMP)</i>) telah disiapkan oleh pihak perunding yang dilantik oleh JPS Malaysia. Bagaimana pun ianya belum diwartakan kerana ianya perlu dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan dijangka akan dibentangkan pada bulan Jun 2010.	Tindakan adalah memuaskan.
5.5.5	Penyenggaraan Projek Pengawalan Hakisan Pantai JPSM tidak menyediakan jadual penyenggaraan secara berkala. JPSM juga tidak memohon peruntukan khusus untuk kerja penyenggaraan semua projek pengawalan hakisan pantai yang dibina olehnya. Peruntukan penyenggaraan adalah perlu bagi menyenggara sebarang kerosakan terhadap struktur hakisan pantai.	JPSM telah memohon peruntukan bagi skop penyelenggaraan tersebut di dalam permohonan bajet mengurus bagi tahun 2011.	Tindakan penambahbaikan akan disusuli.
5.5.6	Maklumat Inventori Hakisan Pantai JPSM sebagai agensi pelaksana projek kawalan hakisan pantai perlu mewujudkan mekanisme pengumpulan data berkaitan hakisan pantai bagi seluruh negeri Melaka. Mengikut Garis Panduan JPS 1/97, maklumat yang diperlukan bagi memproses pelan/permohonan pembangunan di kawasan pantai hendaklah memenuhi keperluan Seksyen tertentu di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa (Pindaan), 1995 (Akta A933). Ketiadaan maklumat dan inventori hakisan menyukarkan JPSM membuat pemantauan.	JPSM telah melaksanakan inventori bagi setiap struktur hakisan pantai yang telah dibina. JPSM akan memastikan setiap struktur yang dibina akan didaftarkan dengan penanda ditapak.	Tindakan adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.7	<p>Projek Pembangunan Di Zon Persisiran Pantai Projek yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) berada lebih kurang tujuh meter dari groin yang dibina oleh JPSM di Kuala Sungai Baru. Pembinaan struktur bangunan tersebut mengganggu fungsi groin sebagai struktur pengawalan hakisan pantai dan pemecah/penahan ombak. Struktur bangunan ini menyebabkan pemendapan pasir yang berlebihan serta mencetekkan lagi kuala sungai tersebut dan ini mengganggu pergerakan arus sungai dan bot nelayan.</p>	<p>JPSM dan MPAG memaklumkan akan bekerjasama secara berterusan memantau kawasan kuala sungai tersebut bagi mengelakkan mendapan pasir berdasarkan peruntukan sedia ada di kedua-dua Jabatan/Agensi.</p>	Tindakan penambahbaikan adalah memuaskan.

11.5 MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH - PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
6.5.1	<p>i. Bayaran Bulanan Pengurusan bayaran bulanan adalah tidak memuaskan disebabkan pengurangan bayaran bulanan tidak dibuat melalui satu perjanjian tambahan dan tiada bukti kelulusan diperoleh daripada Jawatankuasa Penswastaan Negeri.</p>	<p>Majlis telah membuat Perjanjian Tambahan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta dan telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak.</p> <p>Jawatankuasa Penswastaan Negeri Melaka, melalui surat bertarikh 19 Januari 2010 telah memperakunkan keputusan Majlis bagi meminda terma-terma perjanjian asal antaranya seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran sewa dikira berdasarkan lot beroperasi dengan kadar RM20/petak/bulan mulai 1 Mei 2006. • Pembahagian bayaran kompaun secara 40% Majlis dan 60% Syarikat mulai 1 Mei 2006. 	Tindakan adalah memuaskan.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
		<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran-bayaran sistem dipecah bahagi di mana bayaran sistem selepas 1 Mei 2006 ditanggung oleh Syarikat dan bayaran sebelum itu ditanggung oleh Majlis. • Tempoh konsesi adalah 10 tahun bermula daripada 1 Mei 2006 dan lanjutan masa lima tahun berikutnya akan dibenarkan tertakluk kepada syarat dan spesifikasi yang ditetapkan oleh MBMB. MBMB akan melaksanakan operasi kutipan bayaran tempat letak kereta dan kompaun selepas tamat tempoh konsesi tersebut. 	
	ii. Pendahuluan Emolumen Pengurusan pendahuluan emolumen tidak memuaskan kerana MBMB tidak sepatutnya dibebankan secara menanggung pendahuluan emolumen anggota Penguin kuasa yang bertugas di Syarikat Konsesi seperti yang telah ditetapkan dalam klausa perjanjian.	Majlis masih lagi mendahulukan pembayaran emolumen anggota yang ditempatkan di Syarikat atas alasan menjaga kebajikan anggota yang masih merupakan anggota lantikan Majlis. Bagaimanapun, Syarikat diminta menjelaskan bayaran balik emolumen sebelum 15hb. pada bulan berikutnya. Setakat ini Syarikat telah menjelaskan bayaran balik emolumen anggota Majlis yang bertugas di Syarikat dalam tempoh ditetapkan.	MBMB perlu memantau Syarikat menjelaskan bayaran balik pendahuluan emolumen sebelum 15hb. bulan berikutnya atau denda lewat dikenakan.
	iii. Pembahagian Kadar Kompaun Pengurusan pembahagian kompaun tidak memuaskan kerana MBMB lebih menjaga kepentingan Syarikat Konsesi berbanding menjana hasil untuk MBMB. Selain itu, pengurangan pembahagian kompaun tidak dibuat melalui satu perjanjian tambahan dan tiada bukti kelulusan diperoleh daripada Jawatankuasa Penswastaan Negeri.	<ul style="list-style-type: none"> • Jawatankuasa Penswastaan Negeri Melaka, melalui surat bertarikh 19 Januari 2010 telah memperakarkan keputusan Majlis tentang pembahagian bayaran kompaun secara 40% Majlis dan 60% Syarikat mulai 1 Mei 2006. • Perubahan kadar pembahagian bayaran kompaun ini telah 	MBMB perlu memasukkan klausa pembahagian kompaun 50% MBMB dan 50% Syarikat apabila tempat letak kereta melebihi 15,000 petak dalam perjanjian tambahan.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
		<p>dimasukkan dalam Perjanjian Tambahan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta dan Majlis juga telah mendapat kelulusan di peringkat Kerajaan Negeri Melaka.</p> <ul style="list-style-type: none"> Dalam masa yang sama Majlis telah mendapatkan perakuan daripada Syarikat bahawa pembahagian bayaran kompaun akan kembali kepada perjanjian asal selepas Syarikat Konsesi beroperasi melebihi 15,000 petak. 	
	iv. Denda Lewat MBMB tidak menyediakan klausa denda bayaran lewat semasa perjanjian penswastaan dibuat.	Majlis telah membuat semakan dengan melantik panel peguam iaitu Tetuan Hafidz & Co. Untuk menyediakan perjanjian penswastaan dalam usaha untuk memastikan perjanjian teratur dan dibuat secara profesional. Panel peguam mengesahkan perjanjian utama adalah memadai untuk menyatakan tentang pengenaan denda lewat.	Tindakan adalah memuaskan.

11.6 SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD - PENGURUSAN KUALITI AIR MINUM

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
7.5.2	Pewartaan Kawasan Tadahan/Takungan Tiga buah kawasan tadahan air iaitu Sungai Melaka, Sungai Batang Melaka dan Sungai Kesang-Chohong telah diwartakan pada pertengahan bulan Julai 1992. Bagaimanapun, pewartaan tersebut tidak menyatakan jenis aktiviti yang dibenarkan di ketiganya kawasan berkenaan. Manakala bagi dua buah kawasan takungan air iaitu	SAMB telah mengeluarkan surat pemberitahuan kepada Jabatan Kawal Selia Air Negeri Melaka (JKSANM) untuk mewartakan kawasan tadahan tersebut dan masih dalam semakan JKSANM. Pelan Akui bagi Empangan Jus dan Empangan Durian Tunggal	Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	Empangan Jus dan Empangan Durian Tunggal masih belum diwartakan.	dalam Bahasa Inggeris masih belum diperoleh daripada Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri Melaka (JUPEM).	
7.5.3	Keselamatan Kawasan Tadahan/Takungan SAMB ada menyediakan prosedur kualiti bagi tugas pengurusan dan penyeliaan keselamatan di kawasan tadahan air dan kawasan takungan air bagi Sungai Melaka dan Empangan Durian Tunggal sahaja. Bagaimanapun, rekod mengenai kawalan keselamatan tidak disediakan.	Tindakan Kawalan Keselamatan kawasan takungan air telah diambil dengan membuat rondaan bot di kawasan takungan air Empangan Durian Tunggal dan Empangan Jus setiap bulan.	Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan.
	a) Para 9 kepada Enakmen yang sama menyatakan SAMB boleh mengeluarkan notis kepada penduduk yang tinggal di kawasan persekitaran untuk makluman pencegahan pencemaran di kawasan tadahan air. Bagaimanapun, papan tanda berkenaan tidak menyatakan denda pelanggaran peraturan seperti kehendak Enakmen.	SAMB memasang papan tanda keselamatan dengan maklumat berikut: <ul style="list-style-type: none"> Denda pelanggaran peraturan kawasan tadahan seperti kehendak Enakmen Pembekalan Air Negeri Melaka 2002. Pewartaan kawasan tadahan sebagai kawasan larangan. 	Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan.
7.5.11	Prosedur Penyerahan Sistem Bekalan Air Baru Semasa proses penyerahan, Pemaju telah melaksanakan pembersihan sistem retikulasi (<i>flushing</i>) tetapi tempoh pelaksanaan tidak direkodkan di dalam Buku Rekod Daftar Permohonan Serahan/Pindah Milik Sistem Bekalan Air. Selain itu, ujian fizikal tidak dilaksanakan oleh SAMB.	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan merekodkan tempoh pelaksanaan <i>flushing</i> telah diambil bermula bulan April 2009. Selain itu, Borang Tindakan Pencucian Saluran (<i>Flushing</i>) telah diwujudkan dan digunakan bermula bulan April 2009. 	Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan.

11.7 PENGURUSAN MELAKA ICT HOLDINGS SDN. BHD.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
9.5.2	<p>b) Pembayaran Bonus dan Sumbangan Hari Raya Pengurusan bonus dan sumbangan Hari Raya adalah tidak memuaskan kerana pembayaran dibuat walaupun Syarikat mengalami kerugian dan tidak dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri.</p>	Belum ada tindakan penambahbaikan.	Pihak pengurusan MICTH perlu mematuhi dasar bayaran bonus oleh Syarikat Kerajaan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993.
9.5.3	<p>a) Kawalan Perbelanjaan (iii) Pembayaran Tanpa Kelulusan Lembaga Pengarah Tiada bukti pembayaran dibuat dan diluluskan di peringkat Ahli Lembaga Pengarah MICTH bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pelantikan Pengawal Kewangan ii) Bayaran Elaun Ketua Pegawai Eksekutif iii) Bayaran Elaun Pengerusi dan Lembaga Pengarah MICTH bagi tahun 2006 iv) Pelantikan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bagi Tahun 2007. 	MICTH telah membuat 'Kertas Kerja Perakuan Untuk Pertimbangan Lembaga Pengarah MICTH' bagi pembayaran tanpa kelulusan tersebut. Pembayaran tersebut telah dipersetujui, disahkan dan diperakukan di dalam Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah MICTH Bil. 1/2010 bertarikh 4 Januari 2010.	Tindakan ini mendapat teguran daripada Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri yang bermesyuarat pada 21 Mei 2010.
	<p>(vi) Penjualan Komputer Kepada Mini Malaysia Tiada bukti MICTH membuat tuntutan hutang kepada PKNM sejumlah RM165,000 semenjak tahun 2007.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Surat tuntutan terkini bertarikh 12 Ogos 2009 telah dikeluarkan namun tiada maklum balas daripada pihak Mini Malaysia. • Panggilan mesyuarat di antara pihak MICTH dan Mini Malaysia yang dipengerusikan oleh 	Tindakan sedang dan telah diambil dengan memuaskan.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
		YB. Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka sedang diatur dan tindakan melalui peguam juga akan dipertimbangkan.	
9.5.5	<p>a) Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu</p> <p>Tiada bukti kelulusan Lembaga Pengarah Induk diperoleh bagi pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan pelaburan anak-anak syarikat MICTH telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. • MICTH dalam proses mengkaji potensi anak-anak syarikat yang tidak aktif untuk tindakan selanjutnya. • Surat memohon kelulusan daripada Lembaga Pengarah Induk (Tabung Amanah Melaka) untuk pelaburan anak-anak syarikat MICTH telah dihantar pada 2 April 2010. 	Tindakan penambahbaikan sedang dan telah dilaksanakan dengan memuaskan.
9.5.6	<p>b) Pembelian Komputer Daripada IBM Sdn. Bhd.</p> <p>i) Pengurusan pembelian komputer IBM tidak memuaskan kerana kajian pasaran tidak dibuat, penjualan komputer dan kutipan balik hutang tidak dipantau sehingga menyebabkan kerugian.</p>	Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan MICTH telah menubuhkan Jawatankuasa Tender dan Sebut harga dan menetapkan had-had kuasa kelulusan.	Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan.

No. Perenggan	Isu-isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	<p>ii) Di dapati 35 Jabatan, agensi dan orang perseorangan belum menjelaskan hutang berjumlah RM1.3 juta setakat Ogos 2008.</p>	Memantau pembayaran balik dan baki hutang komputer dan akan berbincang dengan peguam untuk tindakan tuntutan. Terdapat penghutang yang telah mula membayar.	Tindakan sedang diambil.
	<p>iii) Terdapat perbezaan baki stok komputer pada akhir bulan Oktober 2008.</p>	Pengiraan stok telah dibuat pada 16 Januari 2010 dan 29 Mac 2010 bagi memantau pergerakan stok komputer. Pergerakan dan pengeluaran stok akan direkodkan manakala yang <i>obsolete</i> akan dihabiskan dalam tahun 2010 melalui penjualan terbuka mengikut pasaran dan susut nilai.	Tindakan sedang diambil.

12. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI MELAKA

Perkara 107 (2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2008 telah dibentangkan pada bulan November 2009.

13. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bersidang lima kali untuk membincangkan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007. Jawatankuasa telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 pada 19 Februari 2010. Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka Berhubung Dengan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 Bagi Negeri Melaka telah dibentangkan seperti dikehendaki dalam Dewan Undangan Negeri pada 9 Mac 2010. Selepas pembentangan rasmi Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri, sesalinan Laporan Jawatankuasa telah dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri Melaka supaya tindakan dapat diambil selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304. Pada pertengahan bulan Mac 2010, Ahli Jawatankuasa telah menghadiri satu Seminar Tadbir Urus Kewangan Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri dengan kerjasama Jabatan Audit Negara bertujuan memberi pendedahan terhadap isu-su Laporan Ketua Audit Negara serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan Syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Audit yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri. Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah mula membincangkan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 pada 6 April 2010. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa sehingga 31 Mei 2010 adalah seperti di **Jadual 13.1**.

Jadual 13.1
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka Sehingga 31 Mei 2010

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
13.7.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka • Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah • Lembaga Perumahan Melaka • PERTAM Trading Sdn. Bhd. 	<ul style="list-style-type: none"> • Membentangkan perkara-perkara yang memerlukan ulasan Ketua Jabatan/Agensi kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri. Sebanyak 28 isu daripada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 untuk dijawab oleh empat Jabatan/ Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka, Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah, Lembaga Perumahan Melaka dan PERTAM Trading Sdn. Bhd.
17.8.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka • Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah 	<ul style="list-style-type: none"> • Membincangkan mengenai perkakasan dan perisian SPTB: • Perkakasan SPTB yang tidak dapat dikesan telah dikenal pasti status kewujudannya. • Perisian SPTB yang digunakan ialah versi 1 dan ke atas. • Tujuh hak milik yang didaftarkan dalam sistem yang tidak dikenal pasti status pemiliknya sebenarnya tidak wujud di Buku Daftar Hak Milik Jabatan. • Perbezaan rekod cukai tanah di SPTB berbanding sistem LaRIS.
	<ul style="list-style-type: none"> • PERTAM Trading Sdn. Bhd. • Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) 	Membincangkan mengenai aktiviti Syarikat: <ul style="list-style-type: none"> • Status hutang kepada dua syarikat. • Status tunggakan hutang kepada PERTAM.
23.10.2009	Lembaga Perumahan Melaka	Membincangkan Mengenai Projek Rumah Awam Kos Rendah (PAKR): <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja tambahan tidak dimasukkan ke dalam kos projek asal. • Rawatan <i>anti-termite</i> tidak dimasukkan dalam spesifikasi kontrak.
	<ul style="list-style-type: none"> • PERTAM Trading Sdn. Bhd. • Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) 	Membincangkan Mengenai Maklumat Syarikat : <ul style="list-style-type: none"> • Pengantian sijil saham yang hilang. • Garis Panduan tidak didokumenkan untuk panduan pegawai. • Bayaran bonus tahun 2005, 2006 dan 2007 dibuat tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Tarikh	Jabatan/Agenzi	Perkara
11.2.2010	Lembaga Perumahan Melaka	Membincangkan Mengenai Projek Rumah Awam Kos Rendah (PAKR): <ul style="list-style-type: none"> • Rawatan <i>anti-termite</i> tidak dimasukkan dalam spesifikasi kontrak.
19.2.2010	Lembaga Perumahan Melaka	Membincangkan Mengenai Projek Rumah Awam Kos Rendah (PAKR): <ul style="list-style-type: none"> • Rawatan <i>anti-termite</i> tidak dimasukkan dalam spesifikasi kontrak.
	<ul style="list-style-type: none"> • PERTAM Trading Sdn. Bhd. • Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) 	Membincangkan mengenai aktiviti Syarikat: <ul style="list-style-type: none"> • Status bayaran balik bonus tiga bekas kakitangan Syarikat.
18.3.2010	Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam	Seminar Tanggungjawab dan Bidang Tugas Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam.
6.4.2010	Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam	Membentangkan perkara-perkara yang memerlukan ulasan Ketua Jabatan/Agenzi kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri. Sebanyak 68 isu daripada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 telah dibentangkan dan keputusan diambil untuk membangkitkan 29 isu untuk dijawab oleh lima Jabatan/Agenzi/Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Jabatan Agama Islam Melaka, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Bandaraya Melaka bersejarah, Syarikat Air Melaka dan Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.
27.4.2010	Jabatan Agama Islam Melaka	Membincangkan dua isu dari Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA): <ul style="list-style-type: none"> • Kerja Pembaikan SRA JAIM • Status Hak Milik Tanah SRA JAIM
	Jabatan Pengairan Dan Saliran	Membincangkan enam isu dari Projek Pengawalan Hakisan Pantai: <ul style="list-style-type: none"> • Kajian Impak Pembangunan. • Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Kg. Telok Gong, Alor Gajah. • Spesifikasi Kerja dan Lukisan Teknikal dan Pelan.

Tarikh	Jabatan/Agenzi	Perkara
		<ul style="list-style-type: none"> • Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Kg. Padang Kemunting. • Projek Pembangunan di Zon Pesisir Pantai. • Pemantauan Hakisan Pantai.
	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	<p>Membincangkan enam isu dari Pengurusan Tempat Letak Kereta:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah Pengurusan Tempat Letak Kereta. • Peruntukan Undang-undang dan Garis Panduan. • Pewartaan Kawasan Letak Kereta. • Prestasi Sasaran. • Peralatan dan Kemudahan. • Perkhidmatan Anggota Pentadbiran.
	Syarikat Air Melaka Berhad	<p>Membincangkan tujuh isu dari Pengurusan Kualiti Air Minum:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pewartaan Kawasan Tadahan/Kawasan Takungan Air. • Keselamatan Kawasan Tadahan/Kawasan Takungan Air. • Projek Komersial di Kawasan Tadahan Air. • Indeks Kualiti Air Mentah. • Kelayakan Kakitangan Loji Rawatan Air. • Prosedur Penyerahan Sistem Bekalan Air Baru. • Pembaikan Paip Retikulasi.
21.5.2010	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. (MICTH)	<p>Membincangkan lapan isu dari Pengurusan Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Garis Panduan dan Prosedur. • Kekerapan pertukaran Ketua Pegawai Eksekutif. • Bayaran bonus dan sumbangan Hari Raya. • Pembayaran tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. • Projek Pemasangan Jammer. • Penjualan komputer kepada Mini Malaysia. • Pembelian komputer dari IBM Sdn. Bhd. • Pelaburan di Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu.

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan dengan pelaksanaan program/aktiviti oleh Jabatan/Agensi. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjelaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya koordinasi dan komunikasi di kalangan agensi penguat kuasa, pemantauan tidak dilaksanakan secara berkesan dan kajian semula terhadap dasar dan kaedah pelaksanaan aktiviti/program tidak dijalankan serta tadbir urus korporat yang lemah di peringkat Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program dan syarikat berkenaan serta imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal/Ketua Eksekutif yang terlibat juga perlu mengatur rancangan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri Melaka juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya**

1 Julai 2010



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2010
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773